

Laporan

ANUGERAH KUALITI NAIB CANSOLOR

AKNC





اَوَّلُ رِسَالَةٍ تَكُونُ لَوَيْلَى مَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

LAPORAN

ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR (AKNC)

2024

**IN.PEND.BERTERUSAN&PENGAJIAN PROFESIONAL
PENGURUSAN KEWANGAN**

KETUA PTJ :

FAIZAH BINTI ABD MAJID

KETUA UNIT KUALITI :

ROHANA BINTI MAHBUB

PENYELARAS :

PENULIS :

1. ROHANA BINTI MAHBUB
2. FARAH FARHANA BINTI MOHAMAD FAUDZAL
3. AINUL HAZIQ BIN AHMAD BASORI
4. FARAH QHAIRUNNISA BINTI MOHD YAZID
5. FARAH QHAIRUNNISA BINTI MOHD YAZID
6. FARAH QHAIRUNNISA BINTI MOHD YAZID

KRITERIA 1 : KEPIMPINAN

1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Dengan tagline ***Preparation for Life***, iCEPS diterajui oleh barisan kepimpinan yang berwawasan dan dinamik, yang menggerakkan pengurusan kewangan sebagai salah satu agenda utama sebagai SBU. iCEPS diketuai seorang Ketua Eksekutif, dengan 6 Pengarah Jabatan dan 5 Ketua Bahagian/Unit. Peranan utama kepimpinan kanan iCEPS adalah mengkoordinasikan tindakan dan keputusan mesyuarat pengurusan Universiti bagi memastikan pematuhan kepada akta/pekeliling/prosedur/arahan yang berkuatkuasa; serta merancang dan meningkatkan keupayaan penjanaan kewangan iCEPS melalui pengoperasian aktiviti-aktiviti berkaitan.

Perancangan kepimpinan iCEPS bagi pencapaian Pelan Strategik UiTM 2025 yang membawa UiTM ke arah “Globally Renowned University” berpaksikan visi dan misi iCEPS. Perancangan diterjemahkan kepada *Performance Indicator* yang perlu dicapai dan projek *Strategic Action Plan* yang perlu diselesaikan dengan jayanya. Di dalam mengetengahkan pengurusan kewangan yang mampan, kepimpinan iCEPS berpandangan keterhadapan dengan sentiasa menambahbaik kecekapan platform pembelajaran dan sistem kewangan berasaskan teknologi. Kepimpinan juga membawa Teras Strategik iCEPS yang berpaksikan empat komponen utama iaitu Pemacu Teknologi (*Technology Driven*), Mandiri (*Self Sustained*), Pendidikan Berkualiti (*Quality Education*) dan Inklusif&Eksklusif (*Inclusive&Exclusive*).

Pelaksanaan agenda yang dirangka oleh kepimpinan iCEPS menggunakan konsep kepelbagaian sumber penjanaan kewangan seperti meningkatkan jumlah program akademik, menjalankan kursus jangka pendek, program profesional dll, menambah peluang-peluang untuk menjalankan projek-projek khas di lebih banyak kawasan dan meningkatkan jalinan usahasama dengan universiti luar negara dan agensi-agensi berkaitan dalam usaha membuka ruang untuk menjana pendapatan. Ini disokong oleh penjimatan kewangan dari segi pembangunan menggunakan kepakaran dalaman pelbagai sistem-sistem pengajaran dan pembelajaran berimpak besar seperti UFUTURE yang digunakan bukan sahaja di iCEPS tetapi di keseluruhan UiTM, kepada sistem-sistem sokongan berkaitan kewangan seperti *Razer* dan *eClaim*, sistem pendaftaran seminar seperti *eConDev*, sistem pemantauan pembangunan PI MOOC dan MicroCredentials, MTrack dan sebagainya yang digunakan secara meluas didalam dan luar UiTM.

Pemantauan yang berkesan oleh kepimpinan iCEPS diterapkan berdasarkan kaedah-kaedah berikut; 1) perancangan bajet yang dibuat berpandukan prestasi hasil & perbelanjaan tahun semasa; 2) melaporkan kemajuan prestasi bersama kedudukan kewangan iCEPS di dalam Mesyuarat Pengurusan Eksekutif iCEPS (MPE) bagi memastikan objektif perbelanjaan tercapai selaras dengan perancangan yang dibuat; 3) memastikan kesemua permohonan bekalan dan perkhidmatan yang melebihi RM 5,000 dibentangkan ke dalam Tabung Amanah iCEPS dan sekiranya terdapat permohonan khas bagi perbelanjaan yang diperlukan segera, ianya akan dipekelilingkan dan dibentangkan kemudian didalam Mesyuarat Tabung Amanah; 4) memantau prestasi Hasil dan Belanja supaya selaras dengan KPI tahunan yang telah ditetapkan; dan 5) merealisasikan sasaran jumlah pendapatan keseluruhan sebanyak RM42 juta untuk tahun 2023. Sistem Pengurusan Pembelajaran UFUTURE diselenggara secara sepenuhnya oleh iCEPS dengan sokongan kepimpinan iCEPS dari segi keperluan bajet, pembelian peralatan dan sebagainya.

Penambahbaikan hasil pemantauan dilakukan oleh kepimpinan iCEPS dengan mengkoordinasikan tindakan dan keputusan mesyuarat pengurusan Universiti dengan jabatan/bahagian/unit di iCEPS bagi memastikan pematuhan kepada akta/pekeliling/prosedur/arahan yang berkuatkuasa; serta merancang dan meningkatkan keupayaan pengurusan kewangan iCEPS melalui pengoperasian aktiviti-aktiviti berkaitan. Dengan pengurusan kewangan yang cekap dan efektif, iCEPS telah berjaya mencapai pendapatan melebihi sasaran pada tahun 2023 iaitu sebanyak RM42,368,046.81; iaitu dengan

mengambil kira jumlah pelaburan iCEPS sebanyak RM3,276,035.60 yang pada dasarnya tidak lagi masuk ke dalam tabung iCEPS setelah penstrukturan semula hasil UiTM pada tahun 2023.

1.2 PENDEKATAN (APPROACH)

KEPIMPINAN BERWIBAWA PEMANGKIN PENGURUSAN KEWANGAN iCEPS

Ketua Eksekutif dilantik oleh Naib Canselor bagi mengetuai tadbir-urus di iCEPS. Peranan utama beliau dan kepimpinan kanan iCEPS adalah membuat perancangan strategik dan halatuju berfokuskan aktiviti utama iCEPS; memastikan operasi dijalankan dengan cekap dan efektif, mengkoordinasikan tindakan dan keputusan pengurusan Universiti dengan jabatan/bahagian/unit di iCEPS bagi memastikan pematuhan kepada akta/pekeliling/prosedur/arahan yang berkuatkuasa; serta merancang dan meningkatkan keupayaan penjana kewangan iCEPS melalui pengoperasian aktiviti-aktiviti berkaitan. Bagi memastikan tadbir-urus yang baik, beliau dibantu oleh enam (6) orang Pengarah dan lima (5) Ketua Bahagian/Unit yang bersama bertanggungjawab dalam menerajui iCEPS untuk memastikan iCEPS dapat menyampaikan perkhidmatan yang terbaik kepada semua pelanggan. Kepimpinan juga dibantu oleh Ketua-ketua Pusat Pengajian (KPP) dan Koordinator bagi memastikan kelancaran sistem pengurusan akademik iCEPS. Pemeraksanaan pengurusan, pelaksanaan dan pemantauan kewangan dikendalikan oleh Bahagian Kewangan iCEPS yang terdiri dari seorang Ketua dan 6 orang staf, mengikut kepakaran masing-masing. (**Bukti 1**).

Kepimpinan Kanan menggerakkan iCEPS untuk mencapai objektif dan inisiatif strategik yang telah dirancang bagi bidang tumpuan melalui kecekapan pengurusan belanjawan di iCEPS, selari dengan misi dan visi iCEPS untuk menjadi institut pembelajaran sepanjang hayat (PSH) yang unggul bertaraf kelas dunia dan menyediakan pelbagai peluang PSH (**Bukti 2**)

Usaha ke arah ini dapat dilihat daripada segi penawaran program yang lebih meluas kepada mereka yang tiada peluang untuk menyambung pelajaran sepenuh masa, dan juga penawaran program di KKB UiTM, yang merangkumi pelajar daripada pelbagai latarbelakang. Ini juga termasuk menjalankan program francais UiTM di luar negara, yang mana pada tahun 2023 telah berjaya dilaksanakan di QIU, Iraq dan MCEM, Mauritius. Dalam pendekatan menambah penawaran program dan mempertingkatkan usahasama dengan kolej-kolej bersekutu untuk pertambahan jumlah pelajar, ini menyumbang kepada penjana kewangan iCEPS yang lebih mampan. Kepimpinan iCEPS sentiasa komited di dalam memastikan pencapaian Pelan Strategik UiTM 2025 melalui Rancangan Malaysia ke-12 yang membawa UiTM ke arah "*Globally Renowned University*", melalui inisiatif yang dirangka di bengkel perancangan strategik (**Bukti 3a**). Perancangan yang dibuat diterjemahkan kepada *Performance Indicator* yang perlu dicapai dan projek *Strategic_Action_Plan* yang perlu diselesaikan dengan jayanya (**Bukti 3b**); dengan langkah-langkah terperinci dikenalpasti untuk memastikan pelaksanaan dapat dibuat dengan teratur dan efektif. Dalam mengetengahkan kepentingan pengurusan kewangan mandiri (*self sustained*), kepimpinan iCEPS berpandangan keterhadapan dengan sentiasa membuat perancangan jangka panjang dari segi menambahbaik pengurusan kewangan melalui penjana dan penjimatan perbelanjaan dengan konsep "Jimat, Inovasi dan Jana" (**Bukti 3c**).

Kepimpinan juga memperkasakan empat teras utama iCEPS iaitu Pemacu Teknologi (*Technology Driven*), Mandiri (*Self Sustained*), Pendidikan Berkualiti (*Quality Education*) dan Inklusif & Eksklusif (*Inclusive & Exclusive*); yang dipetakan secara holistik mengikut Azam KPT dan Pelan Strategik UiTM2025. Pengurusan kewangan dalam mencapai visi dan misi ini didukung oleh teras *Self Sustained* melalui (1)*Diversify source of income*, (2)*organisational sustainability* dan (3)*agile governance*. (**Bukti 4**)

Selari dengan visi dan misi, iCEPS juga menyediakan bantuan kewangan kepada pelajar-pelajar yang kurang berkemampuan untuk membantu mereka memperbaiki cara-hidup dan ekonomi mereka melalui pendidikan (**Bukti 5a** - poster Musaadah). Pendekatan kepimpinan iCEPS dalam penyampaian maklumat-maklumat penting berkaitan dengan perancangan dan operasi jabatan adalah melalui mesyuarat-mesyuarat yang dijalankan secara berkala (**Bukti 5b**).

SENARAI BUKTI:

1. [F0028_K01_KB02_20241_1.iCEPS_1.2_Kepimpinan_Bukti 1_Carta Organisasi iCEPS.pdf](#)
2. [F0028_K01_KB02_20242_2.iCEPS_1.2_Kepimpinan_Bukti 2_Visi, Misi dan Objektif iCEPS.pdf](#)
3. [F0028_K01_KB02_20243_iCEPS_1.2_Kepimpinan_Bukti 3a, 3b, 3c.pdf](#)
4. [F0028_K01_KB02_20244_4.iCEPS_1.2_Kepimpinan_Bukti 4_Teras Strategik Aspirasi iCEPS 2023-2025.pdf](#)
5. [F0028_K01_KB02_20245_5.iCEPS_1.2_Kepimpinan_bukti 5a poster Musaadah bukti 5b senarai mesyuarat.pdf](#)

1.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

KEPEKAAN KEPIMPINAN TUNJANG KEMANTAPAN PENGURUSAN KEWANGAN iCEPS

Inisiatif strategik yang dirancang perlu disampaikan oleh kepimpinan kanan dan dilaksanakan dengan sebaiknya untuk memastikan operasi yang dijalankan adalah kearah pencapaian KPI. Kepekaan kepimpinan terhadap pengurusan kewangan, terutamanya Ketua Eksekutif iCEPS, dapat dilihat apabila beliau sering menjadi rujukan di media cetak dan media elektronik samada di dalam rancangan TV, akhbar atau media sosial, dalam pelaksanaan pendidikan sepanjang hayat dan konsep "*self sustained*" yang membawa kepada penjana kewangan melalui kepelbagaian program yang ditawarkan dan selaras dengan agenda Pelan Strategik Pendigitalan 2021 - 2025. (**Bukti_1**)

iCEPS kini melaksanakan 145 program di seluruh negara. (**Bukti_2a**) Ini sejajar dengan pelan perancangan strategik 2023 iaitu PI042 untuk menambah enrolmen pelajar program separuh masa dan PI046 dan PI047 untuk menambah enrolment pelajar francais (dalam dan luar negara). iCEPS juga menguruskan permohonan APEL A dan APEL C; iaitu seramai 901 (APEL A - 351 orang dan APEL C - 550 orang) pada tahun 2023.

Setiap sistem yang dibangunkan, khususnya yang berkaitan kewangan, mempunyai nilai tambah bukan sahaja dari segi pengoperasian proses-proses kerja di iCEPS, tetapi juga dapat membantu kepimpinan ke arah sesuatu perbincangan atau membuat keputusan berkaitan di dalam mesyuarat, terutamanya dengan sokongan data *analytics* yang dapat di ekstrak terus dari sistem. UFUTURE merupakan sistem berimpak tinggi yang boleh menjadi kebanggaan UiTM, kerana ianya merupakan satu-satunya sistem e-Pembelajaran universiti awam yang dibangunkan secara *in-house* tanpa mengeluarkan peruntukan untuk *platform* sedia ada di pasaran seperti contohnya *Moodle* yang digunakan oleh universiti-universiti awam yang lain; yang memberi impak besar dari segi **penjimatan operasi UiTM**. Ini menunjukkan iCEPS mempunyai kepakaran dalaman untuk membangun, menyelenggara dan menambahbaik sistem, dengan sokongan padu kepimpinan yang sentiasa memberi motivasi dan galakan samada dari segi keperluan kewangan, keperluan latihan staf dan lain-lain (**Bukti_2b**). iCEPS juga telah membangunkan 25 sistem yang digunapakai samada di keseluruhan sistem UiTM atau di PTJ berkaitan, mengikut keperluan semasa. (**Bukti_2c**). Jika dilihat secara keseluruhan, UFUTURE yang dibangunkan menggunakan kepakaran dalaman digunakan secara meluas di keseluruhan sistem UiTM yang menggambarkan impak **penjimatan kewangan** dari segi teknologi yang dibangunkan oleh iCEPS yang tersebar luas (**Bukti_2d**_peraturan_penggunaan_UFUTURE).

Jabatan Projek Khas & Pembangunan Perniagaan diterajui oleh Pengarah bersama 36 staf yang ditempatkan di pelbagai lokasi: Shah Alam (15 staf), Kelantan (5 staf), Kedah/Perlis (8 staf), dan Perak/Pulau Pinang (8 staf). Kepimpinan Kanan jabatan ini berperanan aktif dalam menggerakkan operasi projek khas melalui perbincangan ECER & NCER bersama iCEPS untuk memastikan pelaksanaan program sepanjang tahun memenuhi KPI yang ditetapkan. Projek empower ECER terdiri daripada dua program utama iaitu Program Yayasan PETRONAS empower ECER Akademik dan Latihan Kemahiran dan Keusahawanan (**Bukti_3a&b**). Menerusi Unit Pembangunan Perniagaan, iCEPS telah berjaya memperoleh dan melaksanakan beberapa projek penting di bawah empower NCER iaitu Projek empower NCER Akademik, Transformasi Komuniti dan Program Pembasmian Kemiskinan Tegar Keluarga_Malaysia (BMTKM). (**Bukti_4**)

Bagi pembangunan bahan pengajaran MOOC, MicroCredential dan kursus jangka pendek pula, Jabatan Pendidikan Lanjutan bertanggungjawab menggerakkan aktiviti berkaitan pembangunan bahan pengajaran serta menjalankan kursus jangka pendek. Antara aktiviti dijalankan ialah International Conference on eLearning 2023 (iCEL2023) dan International E-Content Development Competition 2023 (e-ConDev 2023). yang melibatkan staf UiTM dan peserta luar.

SENARAI BUKTI:

1. [F0028_K01_KB03_20241_6.iCEPS_1.3_Kepimpinan_Bukti 1_Keratan akhbar dan temubual Ketua Eksekutif di \(Bernama\).pdf](#)
2. [F0028_K01_KB03_20242_7.iCEPS_1.3_Kepimpinan_Bukti 2a, 2b, 2c & 2d_compressed.pdf](#)
3. [F0028_K01_KB03_20243_iCEPS_1.3_Kepimpinan_Bukti 3a & 3b.pdf](#)
4. [F0028_K01_KB03_20244_iCEPS_1.3_Kepimpinan_Bukti 4.pdf](#)
5. [F0028_K01_KB03_20245_iCEPS_1.3_Kepimpinan_Bukti 5_Gambar aktiviti, studio peralatan suntingan & konferensi anjuran Jabatan Pendidikan Lanjutan..pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

1.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

KOMITMEN MANTAP KEPIMPINAN MEMANTAU KEBERKESANAN INISIATIF

Kepimpinan Kanan menerusi warga iCEPS komited dalam menjayakan pengurusan kewangan dengan disokong oleh platform dan sistem aplikasi yang dibangunkan secara “*in-house*” oleh iCEPS untuk **penjimatan kos operasi** UiTM; yang memerlukan pemantauan bagi memastikan aktiviti yang dilakukan mengikut ketetapan. Sistem UFUTURE dibangunkan kepakaran dalaman iCEPS menggunakan infra UiTM sedia ada di Pusat Data bagi menyokong pengurusan P&P di seluruh UiTM; contohnya bagi MOOC dan MicroCredential yang membuka ruang kepada pengguna dalam dan luar negara untuk mendaftar, mendapatkan sijil dan membuat pembayaran terus dalam talian melalui integrasi dengan sistem *Razer*. (**Bukti_1**). Pemantauan melalui sistem pula boleh dilaksanakan contohnya melalui pelaporan sistem akademik TEX bagi pemantauan pensyarah secara langsung (**Bukti_2a**), audit prestasi melalui *Application Performance Monitoring - Dynatrace* dimana ia merupakan platform berkeupayaan membuat pemantauan sistem dan keselamatan secara automatik, dan audit keselamatan menggunakan sistem *synology* dimana ianya digunakan untuk penyimpanan data, pengurusan fail dan perkongsian data. (**Bukti_2b**).

Sistem *Short Course* juga dibangunkan secara *in-house* yang membolehkan pengguna mendaftar kursus ditawarkan dan membuat bayaran secara atas talian melalui *Razer* mengikut kadar yang telah ditetapkan. (**Bukti_3**) Pada setiap bulan laporan kewangan iCEPS akan dibentangkan kepada Pengurusan Kanan dalam Mesyuarat Pengurusan Eksekutif iCEPS untuk membuat semakan serta pengesahan kedudukan kewangan iCEPS bagi tujuan *check and balance*. (**Bukti_4a**_Laporan_Kewangan). Permohonan peruntukan kewangan atau perbelanjaan untuk aktiviti-aktiviti berkaitan penajaan kewangan dibuat melalui Mesyuarat Tabung Amanah (**Bukti_4b**), dengan baki setiap tabung amanah dilaporkan kepada Jabatan Akaun Amanah UiTM pada setiap bulan. Pemantauan aktiviti-aktiviti akademik adalah mengikut prosedur dan carta alir proses pemantauan dan penilaian di UiTM iaitu melalui mesyuarat Jawatankuasa Akademik iCEPS (JAI) untuk pelaporan dan analisis prestasi akademik pelajar, dan audit-audit akademik yang berkaitan seperti Audit Dalam, Audit Luar iQMS, Audit Kualiti Akademik Kolej Bersekutu, Audit MQA bagi APEL dll. (**Bukti_4c** JAI&Laporan_Audit).

Untuk projek khas pula, antara pemantauan yang dilaksanakan adalah melalui mesyuarat iaitu Mesyuarat Jawatankuasa Kerja (WCM), Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal (TCM) dan Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu (SCM), dimana diadakan sesi pembentangan laporan. Pihak penyedia perkhidmatan melakukan pemantauan melalui proses profiling iaitu proses mengenalpasti sasaran pelajar bagi Akademik dan sasaran peserta dan kebolehpasaran kursus di suatu daerah bagi Latihan Kemahiran dan Keusahawanan. (**Bukti_5**)

SENARAI BUKTI:

1. [F0028_K01_KB04_KC01_20241_iCEPS_1.4.1_Kepimpinan_Bukti_1_25_sistem_iCEPS_Tangkap_layar_transaksi_Razer.pdf](#)
2. [F0028_K01_KB04_KC01_20242_iCEPS_1.4.1_Kepimpinan_Bukti_2a - Contoh \(TEX\)_2b-google_analytic &_dynatrace.pdf](#)
3. [F0028_K01_KB04_KC01_20243_iCEPS_1.4.1_Kepimpinan_Bukti_3.pdf](#)
4. [F0028_K01_KB04_KC01_20244_14.iCEPS_1.4.1_Kepimpinan_Bukti_4a, 4b, 4c_rotated_compressed.pdf](#)
5. [F0028_K01_KB04_KC01_20245_15.iCEPS_1.4.1_Kepimpinan_Bukti_5_Minit_Mesyuarat_SCM dan_laporan_harian_compressed.pdf](#)

1.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

KEPIMPINAN BERWAWASAN ASAS PENGURUSAN RISIKO YANG BERKESAN

Dalam menggerakkan inisiatif Pengurusan Kewangan, Kepimpinan Kanan sentiasa bersedia dalam menguruskan risiko. Pengarah daripada setiap jabatan akan mengenalpasti risiko aktiviti yang dijalankan, sebelum data dikumpul oleh Penyelaras Risiko, disahkan oleh Ketua Eksekutif dan dibincangkan di MPE atau Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Risiko mengikut keperluan. Setiap risiko projek didaftarkan di Daftar Pengurusan Risiko iCEPS dan sistem eRMS (**Bukti_1**).

Pencapaian bilangan pelajar program separuh masa 2023 berbanding PI adalah 87.14%. (**Bukti_2**) Risiko peningkatan pelajar yang tidak mendaftar kursus, menarik diri dan cuti khas disebabkan masalah kewangan / diberhentikan kerja ditangani dengan menghubungi pelajar secara terus, dan pelajar yang mempunyai masalah kewangan dibenarkan untuk membuat bayaran yuran secara ansuran. Untuk KKB pula, risiko pengurangan enrolmen pelajar, terutamanya yang kurang berkemampuan, menanggungkan pengajian mereka. Kepimpinan Kanan iCEPS menangani risiko ini dengan menyediakan insentif pendidikan 100% yuran pengajian (**Bukti_3a**); di sokong dengan promosi menggunakan pelbagai platform pemasaran seperti LRT/MRT, papan tanda (*billboard*), media sosial (*youtube, instagram, facebook*), television dan radio (**Bukti_3b**).

Untuk projek khas, antara risiko yang dihadapi adalah pelajar tidak dapat memberikan komitmen kehadiran; yang diatasi dengan melaksanakan penyaringan semula sewaktu sesi profiling, dibantu oleh JPN&PPD. Risiko tersebut dapat diatasi bilamana jumlah pelajar mencapai sasaran iaitu 2,600 (NCER) dan 800 (ECER). Risiko jam pelaksanaan diatasi dengan mengadakan kelas secara dalam-talian dan bantuan sumbangan tablet kepada pelajar. Bagi Latihan Kemahiran dan Keusahawanan pula (ECER), dalam memastikan KPI seramai 1400 peserta tercapai, risiko peserta yang menarik diri ditangani oleh kepimpinan dengan menggerakkan usaha mencari peserta baru dan mengadakan kelas tambahan dengan pendekatan teradun. (**Bukti_4a**) Risiko yang sama juga dikenalpasti bagi kursus jangka pendek dimana sasaran bilangan peserta tidak tercapai, yang ditangani dengan menjalankan lebih banyak kursus-kursus secara dalam-talian atau hybrid. (**Bukti_4b**).

Risiko utama dalam pelaksanaan UFUTURE, yang juga telah didaftarkan di dalam daftar risiko iCEPS (**Item_iCEPS0142022**), adalah dari segi sistem crash kerana terlalu ramai pengguna dalam satu masa. Ini juga merangkumi sistem sokongan iCEPS (**Bukti_5a**). Untuk situasi ini, SOP iCEPS adalah dengan membuat penyelenggaraan berkala. Kepimpinan iCEPS juga sentiasa menekankan kepentingan menyusun strategi keselamatan (**Bukti_5b**) dan perlindungan data dengan menyediakan platform yang membolehkan backup sistem dibuat secara berkala (**Bukti_5c**).

SENARAI BUKTI :

1. [F0028_K01_KB04_KC02_20241_iCEPS_1.4.2_Kepimpinan_Bukti_1_Daftar_Risiko_iCEPS_2023.1.pdf](#)
2. [F0028_K01_KB04_KC02_20242_iCEPS_1.4.2_Kepimpinan_Bukti_2_Laporan_KPI_Pi_iCEPS.pdf](#)
3. [F0028_K01_KB04_KC02_20243_iCEPS_1.4.2_Kepimpinan_Bukti_3a_3b_promosi_KKB_dan_Insentif_KKB.pdf](#)
4. [F0028_K01_KB04_KC02_20244_iCEPS_1.4.2_Kepimpinan_bukti_4a_&_4b.pdf](#)
5. [F0028_K01_KB04_KC02_20245_iCEPS_1.4.2_Kepimpinan_bukti_5a_5b_&_5c.pdf](#)

1.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

KECEMERLANGAN KEPIMPINAN TONGGAK PENAMBAHBAIKAN BERTERUSAN

Kepimpinan Kanan iCEPS melalui kepelbagaian platform akan mengkajisemula hasil pemantauan untuk diambil tindakan bagi penambahbaikan dalam usaha meningkatkan keberkesanan pengurusan kewangan di dalam pengoperasian iCEPS dan pengajaran & pembelajaran peringkat UiTM. Untuk pengurusan kewangan, kepimpinan kanan iCEPS mengkajisemula dan melaksanakan tindakan penambahbaikan melalui Mesyuarat Pengurusan Eksekutif iCEPS di mana aktiviti yang melibatkan penjana kewangan dibincangkan sebelum di bawa ke Mesyuarat Tabung Amanah untuk kelulusan bajet (**Bukti_1a**: Minit Mesyuarat MPE Bil 76/2023), Audit Dalam, Audit Aktiviti iCEPS, Audit Harta, Audit iQMS dan Audit KKB yang berkaitan dengan pengurusan pembelajaran (**Bukti_1b**- Cabutan Minit MPE perbincangan penambahbaikan modul oleh Pengurusan Kanan dan contoh laporan audit yang berkaitan dengan aktiviti kewangan). Penemuan dari audit-audit tersebut akan dibincangkan di Mesyuarat Pengurusan Eksekutif iCEPS (MPE) (**Bukti_2a** - cabutan minit MPE mengenai perbincangan dapatan Audit) dan Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP) (**Bukti_2b**) Platform ini dapat mengenalpasti keperluan, pelaksanaan, tindakan dan pencapaian sesuatu proses yang berkaitan, dan tindakan susulan yang diambil akan dibentangkan di mesyuarat untuk tindakan penambahbaikan. (**Bukti_3** - cabutan minit MPE mengenai KPI dan Minit Penyelarasan Daftar Risiko iCEPS)

Kepimpinan Kanan iCEPS melalui kepelbagaian platform akan mengkajisemula hasil pemantauan untuk diambil tindakan bagi penambahbaikan operasi dalam usaha meningkatkan pengurusan kewangan yang berkesan. Keberkesanan dan kejayaan tindakan-tindakan yang di ambil di kongsi dengan warga jabatan melalui Taklimat Ketua Eksekutif bersama warga iCEPS yang dilaksanakan secara berkala (**Bukti_4**: Taklimat CEO bersama warga iCEPS) dan juga email berkaitan. Untuk projek khas, kepimpinan iCEPS menambahbaik operasi dengan menggunakan strategi komunikasi berkesan dengan mengadakan perjumpaan dengan Pegawai Pendidikan Daerah dan Jabatan Pendidikan Negeri bagi memberi dorongan kepada sekolah untuk memenuhi KPI yang telah ditetapkan (**Bukti_5** - Gambar sesi penerangan kemajuan). Bagi kursus jangka pendek, kepimpinan iCEPS menambah baik dari segi proses pelaksanaan dan pemantauan yang berkesan melalui semakan berkala KPI/PI di sistem UEPMO BTU.

SENARAI BUKTI :

1. [F0028_K01_KB04_KC03_20241_iCEPS_1.4.3_Kepimpinan_bukti 1a 1b .pdf](#)
2. [F0028_K01_KB04_KC03_20242_iCEPS_1.4.3_Kepimpinan_bukti 2a 2b .pdf](#)
3. [F0028_K01_KB04_KC03_20243_iCEPS_1.4.3_Kepimpinan_Bukti 3 Cabutan Minit MKSP \(Berkaitan KPI\) dan cabutan Minit Risiko.pdf](#)
4. [F0028_K01_KB04_KC03_20244_iCEPS_1.4.3_Kepimpinan_Bukti 4- taklimat Bersama Ketua Eksekutif iCEPS.pdf](#)
5. [F0028_K01_KB04_KC03_20245_iCEPS_1.4.3_Kepimpinan_bukti 5 gambar sesi penerangan kemajuan.pdf](#)

1.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

INTEGRASI PENGURUSAN KEWANGAN TERAS INOVASI KEPIMPINAN iCEPS

Kepimpinan kanan iCEPS sentiasa pro-aktif dalam menggerakkan jabatan untuk mencapai inisiatif yang dirancang, bukan sahaja melalui saluran utama seperti mesyuarat pengurusan yang berkaitan, tetapi juga melalui saluran yang mudah dicapai seperti whatsapp dan telegram rasmi iCEPS. Pelaporan yang dibuat oleh setiap Jabatan di dalam MPE, termasuk pelaporan kewangan, memudahkan kepimpinan kanan mengamalkan PDCA terhadap inisiatif yang dirancang berdasarkan dengan pencapaian pelaksanaan. (**Bukti_1a**). Integrasi antara sistem dan operasi kewangan berlaku bilamana beberapa sistem disepadukan untuk memberi nilai tambah kepada pengoperasian dan pengguna sistem-sistem tersebut; dan dijadikan satu pembudayaan di dalam pengoperasian di iCEPS. (**Bukti_1b**)

Integrasi daripada segi inisiatif dan operasi penjana kewangan dari pelajar adalah dengan kepimpinan kanan sentiasa mengambilkira KPI tahunan yang telah ditetapkan dan membuat perbincangan dan pembentangan secara berkala kepada pengurusan atasan universiti (**Bukti_2a**) dalam memenuhi keperluan *Strategic Action Plan* iCEPS. *Way Forward* yang telah dibentangkan kepada pengurusan universiti ini kemudiannya diintegrasikan ke dalam proses kerja iCEPS dengan tindakan-tindakan susulan yang bersesuaian, supaya KPI dapat dicapai, terutamanya dari segi penjana kewangan (**Bukti_2b**).

Dari segi penjimatan operasi melalui integrasi inisiatif dan operasi pelaksanaan sistem teknologi, kepimpinan kanan sentiasa mengambilkira keperluan pengajaran dan pembelajaran UiTM, terutamanya dari segi mandat yang telah ditetapkan oleh BHEA, melalui analisa kehendak pengguna sistem tersebut. KPI yang telah ditetapkan untuk tujuan penambahbaikan sistem akan dibincangkan dan dilaksanakan mengikut keperluan (**Bukti_3a**). Pencapaian objektif iCEPS terutamanya dalam "menjuarai keperluan PSH melalui produk dan perkhidmatan inovatif" dan "meluaskan akses kepada PSH dengan memanusiaawikan persekitaran teknologi"; yang berkaitan dengan keperluan teknologi, bukan sahaja digunapakai di iCEPS, tetapi disebar luas kepada seluruh UiTM, terutamanya dari segi pelaksanaan UFUTURE. Malah, ada di antara sistem-sistem yang dibangunkan di iCEPS digunapakai di luar UiTM, termasuk UFUTURE sendiri yang digunakan oleh pelajar francais antarabangsa di QIU, Iraq (**Bukti_3b**) dan sistem *short_course* yang digunapakai oleh peserta diseluruh dunia (**Bukti_3c**)

Bagi projek khas program Akademik, integrasi berlaku apabila pelajar yang terlibat dibantu penempatan mereka selepas memperolehi keputusan SPM2023 melalui kerjasama iCEPS dengan Kulim Advanced Technologies, Institut Kemahiran PERDA-TECH, Institut Kemahiran Belia Negara Naka (IKBN), dan UiTM Cawangan Sungai Petani & Cawangan Permatang Pauh, bersesuaian dengan matlamat UiTM untuk membantu lebih ramai pelajar luar bandar menerima pendidikan ke peringkat yang lebih tinggi. Pelajar SPM diberi pendedahan dan peluang untuk mereka meneruskan pengajian. (**Bukti_4a**). iCEPS melakukan kerjasama strategik dengan Jabatan Pendidikan Negeri (Kelantan, Kedah, Perlis, Perak dan Pulau Pinang), serta Pejabat Pendidikan Daerah di daerah yang terlibat bagi menjalin hubungan akrab untuk memastikan kelancaran program. (**Bukti_4b** Mesyuarat Bersama JPN)

Bagi program Latihan Kemahiran dan Keusahawanan pula, kepimpinan kanan iCEPS membantu peserta dengan menghebahkan pelbagai jenis bentuk bantuan dan pinjaman yang boleh dimohon bagi membantu mereka dalam perniagaan. Kerjasama telah dibuat bersama pihak KWSP, PERKESO, Amanah Ikhtiar Malaysia dan agensi-agensi seperti MARA, RISDA yang juga ada memberikan bantuan dari segi peralatan perniagaan seperti mesin jahit dan sebagainya. iCEPS juga membantu peniaga berniaga secara kaedah digitalisasi dan menggunakan platform e-commerce. Bengkel bersama pihak Shopee, MDEC, INSKEN dan Foodpanda telah dijalankan di 3 daerah Negeri Kelantan dan 6 Daerah di Kedah/Perlis (**Bukti_5** Program Sehari Bersama Agensi).

SENARAI BUKTI :

1. [F0028_K01_KB05_20241_iCEPS_1.5_Kepimpinan_Bukti 1a Minit MPE 84-2023_1b_sistem_iCEPS \(1\).pdf](#)
2. [F0028_K01_KB05_20242_iCEPS_1.5 KEPIMPINAN_BUKTI 2a 2b .pdf](#)
3. [F0028_K01_KB05_20243_iCEPS_1.5 KEPIMPINAN_BUKTI 3a 3b 3c.pdf](#)
4. [F0028_K01_KB05_20244_iCEPS_1.5 Kepimpinan_Bukti 4a 4b.pdf](#)
5. [F0028_K01_KB05_20245_iCEPS_1.5 Kepimpinan_Bukti 5.pdf](#)

KRITERIA 2 : PERANCANGAN STRATEGIK

2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Pengurusan kewangan yang efektif dan efisien merupakan hasil dari proses perancangan strategik iCEPS yang mantap. Asas dan panduan iCEPS dalam merangka pelan strategik adalah berdasarkan kepada hala tuju strategik UiTM yang menekankan kepada ESI (Excellence-Synergy-Integrity) iaitu nilai-nilai kecemerlangan, sinergi dan integriti; dan i-DART yang merangkumi ilmu, disiplin, amanah, rajin dan tanggungjawab.

Di dalam **perancangan** menggerakkan inisiatif strategi pengurusan kewangan, iCEPS mengamalkan pendekatan SWOT dalam pengendalian risiko supaya operasi pengurusan kewangan dapat dilaksanakan dengan lancar, dengan mengambilkira cabaran-cabaran operasi seperti pelajar lambat atau tidak membayar yuran pengajian kerana kekangan kewangan, pelajar menanggung pengajian dan sebagainya. Pengurusan risiko juga dapat dilihat sebagai satu bonus dalam mengenalpasti potensi kepada peluang-peluang baru; contohnya memperbanyakkan dan menambahbaik platform pengajaran secara ODL. iCEPS menjalankan 61 program diploma dan 84 program sarjana muda secara separuh-masa dengan 16 buah fakulti dan kampus cawangan UiTM di seluruh negara serta 2 universiti luar negara. Perancangan untuk penambahan pelbagai program yang ditawarkan oleh iCEPS dan penambahan kolej-kolej bersekutu adalah tindakan yang diambil untuk penjanaan kewangan dari jumlah pelajar. Program-program ini juga memberi peluang kepada pemohon terutamanya daripada lepasan SPM/STPM/Diploma/APEL (dan setaraf) yang sedang bekerja untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Di dalam pelan perancangan strategik untuk PI114 tahun 2023, UiTM telah menetapkan sasaran RM42,000,000 untuk penjanaan pendapatan kasar iCEPS, dimana iCEPS telah mencapai RM42,368,046.81 dengan mengambilkira jumlah pelaburan iCEPS yang tidak lagi dikira setelah penstrukturan semula hasil UiTM.

Pelaksanaan inisiatif yang tepat, bersesuaian dan terkini dapat dijalankan dengan berkesan kerana inisiatif perancangan strategik disemak secara berkala, bukan sahaja melalui pelaporan data pencapaian bulanan KPI/PI ke dalam sistem UePMO BTU, tetapi juga melalui semakan di mesyuarat pengurusan eksekutif iCEPS dan pembentangan pelaporan pencapaian KPI/PI setiap suku tahunan kepada pejabat TNCAA serta pelaporan kepada pengurusan tertinggi UiTM. Penjanaan kewangan di iCEPS diukur secara spesifik melalui KPI universiti, iaitu melalui PI enrolmen pelajar, PJJ dan program francais, jumlah kursus jangkapendek dan lain-lain.

Pemantauan yang sistematik dan tindakan **penambahbaikan** dari hasil pemantauan dijalankan melalui; 1) peningkatan sistem maklumat bersepadu yang sebahagiannya bukan sahaja digunakan di UiTM tetapi juga luar UiTM melalui pengendalian APEL dan penawaran kursus MOOC, Micro-Credential dll; 2) membincangkan halatuju iCEPS dan perancangan strategik di Bengkel Perancangan Strategik (Feb 2023) dan mesyuarat pengurusan berkaitan (contoh: MPE yang di adakan berkala setiap bulan); 3) melaporkan kemajuan prestasi KPI/PI dan SAP setiap bulan di sistem BTU (UePMO dan UiSMS) dan setiap suku ke pejabat TNCAA dan pengurusan tertinggi universiti; 4) memastikan penambahbaikan kepada program dan aktiviti yang dijalankan seperti penawaran kepelbagaian program, kecekapan dan keberkesanan penyampaian sentiasa berlaku melalui pemantauan pelaksanaan perancangan strategik dan pengukuran keberkesanannya; dan 5) sentiasa memastikan perancangan strategik yang dirancang dan dilaksanakan sentiasa mengikut prosedur-prosedur UiTM dan selari dengan UiTM2025.

2.2 PENDEKATAN (APPROACH)

PERANCANGAN SISTEMATIK PENDUKUNG KEPELBAGAIAN AKTIVITI KEWANGAN

Pendekatan yang tepat, bersesuaian dan terkini dapat dilaksanakan di iCEPS kerana agenda perancangan strategik yang digubal dibincangkan bersama, bukan sahaja daripada kalangan pengurusan kanan iCEPS, tetapi juga warga iCEPS yang terlibat secara langsung dalam menjalankan aktiviti-aktiviti berkaitan (**Bukti_1**:Cabutan Minit MPE mengenai KPI/PI). Perbincangan dilaksanakan di mesyuarat-mesyuarat peringkat jabatan atau projek, sebelum dibawa ke MPE dan Bengkel Perancangan Strategik secara khusus untuk dimuktamadkan. Untuk memastikan kesinambungan perancangan, inisiatif dan strategi akan dibawa ke bengkel tahun seterusnya untuk membincangkan analisa pengukuran pencapaian (**Bukti_2a**: Rumusan Bengkel_Perancangan_Strategik iCEPS_2023). KPI dan PI perancangan strategik yang telah disokong (*endorse*) dan ditetapkan oleh pengurusan tertinggi UiTM akan diukur pencapaiannya setiap bulan (**Bukti_2b**) dengan cara memasukkan data ke dalam sistem pelaporan BTU proms.uitm.edu.my (**Bukti_3a**:*screenshot* UePMO); dan setiap suku 1 hingga 4 tahunan (**Bukti_3b**:Contoh Pelaporan_Key_Initiatives_2023) melalui pelaporan kepada Pejabat TNCAA dan pengurusan tertinggi UiTM, dengan mengambilkira cabaran yang dihadapi dan tindakan yang diambil untuk menangani cabaran tersebut. Pembentangan akhir tahun juga dibuat oleh Ketua Eksekutif iCEPS kepada Pengurusan Tertinggi UiTM (LPU) bagi tujuan untuk mengukur pencapaian tahun semasa, sebelum merancang pelan tindakan strategik untuk tahun berikutnya. Di dalam menggerakkan inisiatif strategi ini, iCEPS menjalankan pengurusan risiko dengan berkesan, melalui proses mengenalpasti, klasifikasi dan kawalan risiko yang di daftarkan ke dalam sistem pengurusan risiko universiti e-RMS (**Bukti_4a**:*screenshot* eRMS). Untuk tahun 2023, daftar risiko berkaitan dengan pengurusan kewangan adalah merujuk kepada item **iCEPS0012022:Operasi Kewangan dan Penjanaaan Pendapatan** yang diklasifikasi kan sebagai risiko institusi.

Pendekatan perancangan strategik memberi keutamaan kepada hasil kewangan, yang berkait rapat dengan PI enrolmen pelajar iaitu seramai 12,159 pelajar separuh masa, 1494 pelajar kolej bersekutu dan 386 pelajar antarabangsa TNE untuk tahun 2023 (**Bukti_4b**). Ini berfokuskan kepada perancangan pertambahan program separuh masa untuk penjanaaan pendapatan universiti dan pertambahan kolej-kolej bersekutu yang menjalankan program usahasama UiTM, yang berkait rapat dengan usaha peningkatan jumlah enrolmen pelajar dan hasil dari yuran pelajar. Pembangunan, penyelenggaraan dan penambahbaikan sistem-sistem yang dipertanggungjawabkan sepenuhnya di bawah iCEPS, termasuk dari segi peruntukan kewangan dan lain-lain, memerlukan perancangan strategik yang mantap untuk membawa penggunaan sistem-sistem tersebut bukan sahaja di peringkat iCEPS, tetapi juga pengguna-pengguna luar. (**Bukti_5a**:Beberapa tangkap_layar contoh_penggunaan UFUTURE oleh pelajar QIU, Iraq dan **Bukti_5b**:pengguna luar untuk sistem-sistem lain seperti sistem kursus jangka pendek)

Untuk projek khas pula, setiap kontrak yang diterima telah ditetapkan KPI yang perlu dicapai oleh pihak pemberi kontrak iaitu ECER dan NCER. Oleh itu, setiap KPI yang ditetapkan telah diadakan garis masa dan dirancang mengikut perkara yang akan dilaksanakan; mengikut fasa-fasa tertentu yang telah ditetapkan (**Bukti_5c**:program ECER dan NCER). Untuk kursus jangka pendek tahun 2023 pula, bilangan kursus jangka pendek yang disasarkan adalah sebanyak 70 kursus namun iCEPS berjaya mencapai lebih dari sasaran dengan bilangan kursus jangka pendek berjumlah 128 kursus (**Bukti_5d**:Laporan_KPI/PI_tahun_2023). Pendekatan perancangan strategik iCEPS adalah sangat baik dimana pencapaian penjanaaan pendapatan dapat dikekalkan sepanjang 2016-2023 mengikut KPI. Pada tahun 2023, untuk perancangan strategik PI114, UiTM telah menetapkan sasaran RM42,000,000 untuk penjanaaan pendapatan kasar iCEPS, dimana iCEPS telah mencapai RM42,368,046.81 dengan mengambilkira jumlah pelaburan yang tidak lagi dikira setelah penstrukturan semula hasil UiTM.

SENARAI BUKTI:

1. [F0028_P01_PB02_20241_iCEPS_2.2_Perancangan Strategik_Bukti 1_Cabutan Minit MPE \(KPI_PI\) v3.pdf](#)
2. [F0028_P01_PB02_20242_iCEPS_2.2_Perancangan Strategik_Bukti 2_Slide BPS & Laporan KPI_PI iCEPS 2023 v2.pdf](#)
3. [F0028_P01_PB02_20243_iCEPS_2.2_Perancangan Strategik_Bukti 3_SS UePMO & Laporan KI iCEPS 2023 v3.pdf](#)
4. [F0028_P01_PB02_20244_iCEPS_2.2_Perancangan Strategik_Bukti 4_Daftar Risiko & Enrolmen Pelajar iCEPS 2023 v3.pdf](#)
5. [F0028_P01_PB02_20245_iCEPS_2.2_Perancangan Strategik_Bukti 5_Penggunaan Sistem, Projek Khas dan KPI_PI v3.pdf](#)

2.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

PERANCANGAN STRATEGIK YANG MANTAP MENGOPTIMUMKAN PENJANAAN KEWANGAN

Objektif dan inisiatif strategik iCEPS adalah sejajar dengan Pelan Strategik UiTM iaitu dari segi pemetaan dengan Key Initiatives UiTM seperti “*K110:offering_multi_and_transdisciplinary_academic_programmes*”, “*K019:Embracing_Diversity_and_Flexibility_in_Delivery (Augmented_Reality, Virtual_Reality, Mobile_and_Internet_of_Things, Learning_on_Cloud) and Learning_on_Demand (MOOC&Online)*” dll. Ini diterapkan di dalam perluasan operasi di iCEPS, termasuk dalam menawarkan pelbagai program akademik dan kursus jangka pendek yang memanfaatkan platform ODL berasaskan teknologi yang menjadi sangat relevan pasca-pandemik. Ini juga berkemampuan menjana kewangan iCEPS dari segi yuran pelajar dll, termasuk penjimatan dari pembangunan sistem oleh kepakaran dalaman. iCEPS mempunyai sistem maklumat bersepadu yang mampu meningkatkan produktiviti dan menambah nilai proses pengajaran&pembelajaran serta mudah digunakan, berkesan dan cekap; contohnya meningkatkan akses dengan keperluan kemasukan yang fleksibel melalui APEL; yang diukur pelaksanaannya melalui *Strategic Action Plan (Bukti_1)*. Di dalam halatuju strategik RMK-12, fokus kerajaan adalah menerimaguna teknologi baharu dalam usaha membangunkan teknologi sendiri yang secara dasarnya mengurangkan kebergantungan terhadap teknologi luar. Ini dapat dilihat jelas melalui keupayaan iCEPS dalam membangunkan sendiri UFUTURE menggunakan kepakaran dalaman, tanpa kebergantungan kepada/melanggan platform sediaada, contohnya Moodle, sepertimana yang dilakukan oleh IPTA-IPTA lain. Elemen lain yang disebut didalam RMK-12 adalah dari segi menangani ketirisan ekonomi dengan mempraktikkan ekonomi berteraskan teknologi (*Bukti_2a* RMK-12_Pemeriksaan_Ekonomi). Ini juga merangkumi pemetaan kepada *Strategic Development Goals (SDG)* berpandukan pemetaan UiTM secara keseluruhan (*Bukti_2b*) hanya juga dapat dilihat dari segi perancangan strategik iCEPS, dalam meningkatkan pencapaian KPI penjanaan kewangan bersandarkan sokongan sistem-sistem teknologi yang mantap di dalam pengoperasian. Pelaksanaan sistem-sistem yang dibangunkan di iCEPS, terutamanya UFUTURE dan sistem pelaporan akademik dilaksanakan di keseluruhan UiTM malah keluar negara, yang digunapakai staf&pelajar program francais TNE (*Bukti_3*); yang mana enrolmen pelajarinya diukur melalui PI047. Sistem sokongan iCEPS juga digunapakai dengan meluas ke luar negara, contohnya sistem *Short Course* dimana pesertanya merangkumi bukan sahaja dari seluruh Malaysia malah dari luar negara, dan sistem APEL, yang melibatkan pelajar-pelajar dari seluruh Malaysia (*Bukti_4*).

Bagi ECER_Latihan_Kemahiran&Keusahawanan, inisiatif yang dilakukan adalah dengan melantik tenaga pengajar yang berkelayakan dalam mencapai objektif program. Antara usaha yang dilakukan ialah dengan menjemput tenaga pengajar yang mahir berniaga dalam platform Shopee dengan pencapaian yang membanggakan dapat dilihat apabila perniagaan secara dalam-talian ini banyak membantu peniaga ketika musim pandemik melanda.

Bagi Latihan_Akademik pula terdapat tiga fasa pelaksanaan manakala Program empower ECER Latihan Kemahiran & Keusahawanan di bawah kelolaan iCEPS pula yang bermula pada tahun 2018 mempunyai lima fasa. Pencapaian iCEPS dilihat apabila berjaya membantu peserta seramai 1,564 daripada 1,800 orang yang kekal berstatus berniaga dan bekerja. Bagi projek empowerNCER Akademik, pelaksanaannya melibatkan seramai 2,600 pelajar daripada 57 sekolah di Kedah, Perak dan Pulau Pinang. Pelaksanaan program adalah secara bersemuka, hybrid, dan dalam-talian (*Bukti_5a*). Pelbagai program telah dilaksanakan berdasarkan jam pelaksanaan yang berfokuskan pelajar, guru dan ibubapa (*Bukti_5b*). Pada 2023, KPI yang telah ditetapkan adalah sebanyak 150 jam pelaksanaan program. Modul-modul pembelajaran berdasarkan silibus Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) bagi membantu guru dan pelajar menjalankan kelas tuisyen empowerNCER Akademik secara bersemuka membabitkan guru bimbingan yang dilantik (*Bukti_5c* -pecahan_jam_pelaksanaan_program_dan_modul_empowerNCER_Akademik). Pelaksanaan ke arah kejayaan pencapaian

objektif dan inisiatif strategik iCEPS beserta implikasi kewangan juga dapat dirumuskan meliputi aktiviti yang dijalankan di iCEPS. (**Bukti_5d**).

SENARAI BUKTI :

1. [F0028_P01_PB03_20241_iCEPS_2.3_Perancangan Strategik_Bukti 1_Laporan Kemajuan KI iCEPS v3.pdf](#)
2. [F0028_P01_PB03_20242_iCEPS_2.3_Perancangan Strategik_Bukti 2_RMK K-12 & SDG v3.pdf](#)
3. [F0028_P01_PB03_20243_iCEPS_2.3_Perancangan Strategik_Bukti 3_Tangkap Layar Penggunaan UFUTURE oleh QIU.pdf](#)
4. [F0028_P01_PB03_20244_iCEPS_2.3_Perancangan Strategik_Bukti 4_Tangkap Layar Beberapa Sistem iCEPS v2.pdf](#)
5. [F0028_P01_PB03_20245_iCEPS_2.3_Perancangan Strategik_Bukti 5_Pelaksanaan Projek & Hasil iCEPS v3.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

2.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

KEPERLUAN PEMANTAUAN KEWANGAN PINTAR SECARA BERKALA DAN ANALITIK TERMAJU

Pelan pemantauan, objektif dan inisiatif strategik iCEPS dilaksanakan dengan berkesan melalui kaedah pelaporan berkala yang sistematik, samada melalui pelaporan bulanan dalam-talian seperti platform BTU sistem UePMO atau Sistem Pengurusan Risiko eRMS; atau pembentangan kepada pengurusan di dalam mesyuarat berkaitan seperti MPE, MPU, Mesyuarat Pembentangan KPI/PI bersama BTU dll (**Bukti_1**). Dengan cara ini prestasi bulanan setiap KPI/PI dapat dipantau dengan berkesan, dan tindakan susulan akan diambil sekiranya pelaporan menunjukkan sesuatu inisiatif yang dirancang tidak mencapai prestasi pada bulan atau suku tersebut. Pemantauan pelajar dilaksanakan melalui beberapa platform seperti perbincangan terus KPP dengan pelajar-pelajar bermasalah, aduan oleh pelajar melalui sistem aduan/whatsapp/email, perbincangan dalam mesyuarat-mesyuarat akademik, dan menyemak data pembayaran yuran pelajar melalui sistem bendahari bagi mengenalpasti pelajar yang mempunyai masalah kewangan (**Bukti_2**). Dengan mengambil pendekatan ini, iCEPS telah berjaya menjana pendapatan kasar sebanyak **RM 33.01 juta** daripada hasil pelajar sahaja. Pemantauan bagi Program Latihan dan Keusahawanan adalah melalui kehadiran yang diambil bagi setiap kali kelas atau program yang berlangsung. Pemantauan terbahagi kepada pemantauan laporan bulanan kelas dan melalui analisis kehadiran; dengan laporan bulanan dibuat oleh tenaga pengajar dan disemak pihak penyedia perkhidmatan. Pemantauan bagi Program Latihan Akademik ECER pula adalah daripada segi pemantauan modular. Pihak penyedia perkhidmatan menyediakan modul bagi semua pelajar yang terlibat yang disemak oleh guru-guru yang telah dilantik. Pemantauan bagi Program empowerNCER Akademik adalah melalui kehadiran yang diambil bagi setiap kali kelas atau program yang berlangsung. Pihak penyedia perkhidmatan menyediakan modul bagi semua pelajar yang terlibat yang disemak oleh guru-guru yang telah dilantik. Di bawah program empowerNCER Akademik untuk pelajar-pelajar SPM, pemantauan yang dilakukan berdasarkan KPI yang telah ditetapkan oleh pihak NCIA iaitu 90% kadar lulus dalam Peperiksaan SPM, 55% kadar kenaikan GPM dan 10% pelajar memperoleh keputusan 5A dan ke atas (**Bukti_3**). Untuk penyediaan bahan Pengajaran&Pembelajaran, pemantauan dibuat berterusan melalui platform yang digunakan, contohnya untuk e-pembelajaran, kemajuan penyediaan bahan P&P akan dipantau dalam talian mengikut tarikh-tarikh yang telah ditetapkan di sistem UFUTURE dan MTRACK yang dibangunkan oleh Bahagian Teknologi Maklumat. (**Bukti_4**) dan pemantauan melalui sistem (**Bukti_5a-d**)

SENARAI BUKTI:

1. [F0028_P01_PB04_PC01_20241_iCEPS_2.4.1_Perancangan Strategik_Bukti 1_Minit MPE \(Laporan KPI_PI\) v3.pdf](#)
2. [F0028_P01_PB04_PC01_20242_iCEPS_2.4.1_Perancangan Strategik_Bukti 2_Tangkap Layar Temuduga Musaadah.pdf](#)
3. [F0028_P01_PB04_PC01_20243_iCEPS_2.4.1_Perancangan Strategik_Bukti 3_Carta Alir Pelaksanaan Program.pdf](#)
4. [F0028_P01_PB04_PC01_20244_iCEPS_2.4.1_Perancangan Strategik_Bukti 4_Carta Alir dan Jadual Shortcourses.pdf](#)
5. [F0028_P01_PB04_PC01_20245_iCEPS_2.4.1_Perancangan Strategik_Bukti 5_Pemantauan Melalui Sistem v2.pdf](#)

2.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

KESIAPSIAGAAN MENANGANI RISIKO MENGUTUHKAN PENGURUSAN KEWANGAN

Prestasi bulanan setiap KPI/PI akan dipantau melalui beberapa platform secara bulanan atau mengikut suku tahunan, seperti yang diterangkan di 2.4.1. Hasil daripada pemantauan adalah data pencapaian yang akan dibincangkan dan dianalisa untuk membolehkan tindakan susulan diambil sekiranya pelaporan menunjukkan sesuatu inisiatif yang dirancang tidak mencapai prestasi pada bulan atau suku tersebut. Data ini juga dibincangkan dengan lebih lanjut oleh pemunya setiap KPI (pengarah jabatan) untuk mengenalpasti risiko yang boleh menjejaskan pelaksanaan dan pencapaian inisiatif strategik (**Bukti_1a** - MPE perbincangan KPI dan **Bukti_1b** Minit Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Risiko). Tindakan susulan atau 'way forward' yang dirumuskan berdasarkan risiko tersebut perlu dibentangkan kepada pengurusan tertinggi UiTM, dengan memberi justifikasi jika sekiranya tidak dapat dicapai mengikut suku pelaporan (**Bukti_2** – Pembentangan KPI/ PI iCEPS ke TNCAA dan **Bukti_3** – Daftar Pengurusan Risiko eRMS). Bagi hasil pelajar, risiko utama adalah pelajar tidak dapat membayar yuran secara penuh kerana kekangan kewangan akibat kehilangan pekerjaan dan peningkatan kos sara hidup. Untuk projek khas, risiko yang dihadapi dalam pelaksanaan program Projek NCER dan ECER Akademik secara teradun pula adalah capaian internet bagi pelajar-pelajar yang tinggal di kawasan pedalaman seperti di Sik dan Baling yang lemah dan pelaksanaan kelas tuisyen secara dalam-talian berhadapan masalah capaian internet yang menyebabkan pelajar-pelajar tidak dapat mengikuti kelas sepenuhnya. Penyelesaiannya adalah dengan penyediaan modul pelajar dan membekalkan pelajar dengan OTG yang mengandungi video-video pembelajaran yang interaktif bagi memudahkan lagi pelajar untuk memahami soalan di dalam modul tersebut (**Bukti_4** - contoh modul pembelajaran interaktif). Risiko untuk kursus jangka pendek pula dikenalpasti melalui analisa jumlah peserta berminat melalui data pendaftaran. Data kursus yang mendapat sambutan dijadikan rujukan, terutamanya ketika tidak dapat menjalankan kursus secara fizikal, khusus bagi kursus-kursus hands-on. Risiko kegagalan mencapai bilangan peserta kursus jangka pendek ini ditangani dengan pendekatan meneruskan dan memperbanyak penganjuran kursus jangka pendek yang bersesuaian dengan pasaran secara dalam-talian. (**Bukti_5** – website kursus jangka pendek dan prospektus kursus jangka pendek iCEPS). Oleh kerana risiko-risiko ini telah dikenalpasti, dibincangkan dan didaftarkan ke daftar risiko, melalui perancangan strategik dan maklumat-maklumat berkaitan, kepimpinan berupaya mengambil tindakan-tindakan pro-aktif dan merancang tindakan pencegahan.

SENARAI BUKTI :

1. [F0028_P01_PB04_PC02_20241_iCEPS_2.4.2_Perancangan Strategik_Bukti 1_Minit MPE & Pengurusan Risiko v3.pdf](#)
2. [F0028_P01_PB04_PC02_20242_iCEPS_2.4.2_Perancangan Strategik_Bukti 2_Laporan KPI_PI - TNCAA v3.pdf](#)
3. [F0028_P01_PB04_PC02_20243_iCEPS_2.4.2_Perancangan Strategik_Bukti 3_Daftar Pengurusan Risiko \(eRMS\).pdf](#)
4. [F0028_P01_PB04_PC02_20244_iCEPS_2.4.2_Perancangan Strategik_Bukti 4_Contoh Modul.pdf](#)
5. [F0028_P01_PB04_PC02_20245_iCEPS_2.4.2_Perancangan Strategik_Bukti 5_Laman Sesawang & Prospektus Kursus Jangka Pendek.pdf](#)

2.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

FLEKSIBILITI PEMACU TRANSFORMASI KEWANGAN

Hasil penganalisaan perancangan strategik dilaksanakan melalui pelbagai cara untuk tindakan penambahbaikan, antaranya melalui analisa awal data kawalan risiko (**Bukti_1**). Tindakan penambahbaikan juga dibuat berdasarkan data di dalam sistem UePMO BTU (bulanan) dan data pelaporan suku tahunan kepada pengurusan tertinggi seperti yang diterangkan di 2.4.2 (**Bukti_2**). Bagi hasil daripada pelajar; mereka yang tidak dapat membayar yuran secara penuh kerana kekangan kewangan, tindakan yang diambil ialah dengan mewujudkan kaedah pembayaran yang lebih fleksibel iaitu memberi alternatif pembayaran secara ansuran, pembayaran melalui pinjaman PTPTN dan potongan KWSP kepada pelajar. Pelajar-pelajar yang kurang berkemampuan juga akan dibantu melalui Program Musaadah untuk pelajar separuh masa (**Bukti_3**) dan bantuan insentif pendidikan 100% yuran pengajian kepada semua pelajar program usahasama di Kolej-kolej Bersekutu UiTM (**Bukti_4** - surat insentif pendidikan), sebagai tanda keperihatinan dan usaha menyokong pelajar iCEPS untuk meneruskan pengajian. Bagi program-program francais antarabangsa yang tidak dijalankan seperti perancangan asal kerana pandemik dan penutupan sempadan di kebanyakan negara pula, tindakan yang diambil adalah dengan penyelarasan semula perancangan strategik mengikut keadaan semasa dengan dipersetujui oleh pengurusan tertinggi UiTM. iCEPS telah menjalankan kaedah alternatif kepada pensyarah luar negara dengan mengadakan program training of trainer (TOT), penyediaan dokumen, perbincangan dengan rakan kerjasama antarabangsa, audit lokasi dll aktiviti secara dalam-talian. Dengan mengambil pendekatan ini, iCEPS telah berjaya menjana pendapatan kasar melebihi RM 33.01 juta daripada hasil pelajar sahaja. Untuk projek khas pula, analisa kehadiran pelajar dibuat berdasarkan rekod kehadiran pelajar yang kemudiannya diserahkan kepada guru dan disemak oleh pegawai cawangan (**Bukti_5** - analisa kehadiran pelajar). Salah satu inisiatif pihak iCEPS untuk tindakan penambahbaikan adalah dengan menghasilkan modul-modul pembelajaran dengan kerjasama guru-guru cemerlang negeri Kedah. Modul dibina berdasarkan silibus KBSM bagi membantu pelaksanaan kelas tuisyen empowerNCER Akademik secara dalam-talian. Penghasilan modul ini disambut baik Jabatan Pendidikan Negeri Perlis dan Kedah yang berhasrat untuk menggunakan modul tersebut ke semua Sekolah Menengah. Bagi kursus jangkapendek, buku Prospektus memuatkan data kursus yang mendapat sambutan pasaran dan dijadikan bahan rujukan. Penambahbaikan dilakukan dari segi susun atur serta reka bentuk poster di laman web kursus jangkapendek iCEPS secara berkala bagi menarik minat lebih ramai peserta.

SENARAI BUKTI :

1. [F0028_P01_PB04_PC03_20241_iCEPS_2.4.3_Perancangan Strategik_Bukti 1_Tangkap Layar Sistem eRMS.pdf](#)
2. [F0028_P01_PB04_PC03_20242_iCEPS_2.4.3_Perancangan Strategik_Bukti 2_Slide KPI_PI.pdf](#)
3. [F0028_P01_PB04_PC03_20243_iCEPS_2.4.3_Perancangan Strategik_Bukti 3_Musaadah Pendidikan iCEPS.pdf](#)
4. [F0028_P01_PB04_PC03_20244_iCEPS_2.4.3_Perancangan Strategik_Bukti 4_Surat Insentif KKB.pdf](#)
5. [F0028_P01_PB04_PC03_20245_iCEPS_2.4.3_Perancangan Strategik_Bukti 5_Analisa Kehadiran Pelajar.pdf](#)

2.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

PERANCANGAN STRATEGIK YANG HOLISTIK TUNJANG INTEGRASI KEWANGAN YANG MAMPAN

Kepimpinan Kanan iCEPS sentiasa peka dalam memastikan setiap inisiatif yang disenaraikan dan diluluskan oleh pengurusan tertinggi UiTM tercapai. Setiap platform yang digunakan, samada sistem data dalam-talian (uePMO dan eRMS) atau pembentangan bulanan/suku tahunan yang dibuat, akan melalui proses PDCA. Ini membolehkan integrasi berlaku; di mana penambahbaikan berterusan diintegrasikan dengan pengoperasian iCEPS dan pembudayaan kerja warga iCEPS untuk memastikan kesinambungan operasi dan peningkatan prestasi berterusan. Integrasi dari pencapaian inisiatif strategik berlaku bilamana hasil daripada pemantauan dan tindakan pembetulan yang dilaksanakan diambil kira di dalam perancangan strategik tahun berikutnya (**Bukti_1** dan **Bukti_2**). Bagi PJJ, integrasi dapat dilihat daripada segi penambahan jumlah program yang dilaksanakan (**Bukti_3**), termasuk program francais ke luar negara di MCEM, Mauritius dan Qaiwan International University, Iraq. Ini sejajar dengan pelan perancangan strategik tahun 2023 iaitu PI042, PI04 dan PI047 untuk menambah enrolmen pelajar; yang boleh dicapai melalui pertambahan program yang relevan. Ini dicapai iCEPS juga melalui kepelbagaian program separuh masa PJJ untuk pelajar-pelajar sedang bekerja, program-program yang ditawarkan di kolej-kolej bersekutu yang menasarkan pelajar-pelajar yang tidak berpeluang untuk menyambung pengajian di IPTA, dan program-program francais yang dijalankan di universiti-universiti luar negara. Untuk projek khas pula, ia berdasarkan persetujuan kolaboratif antara pihak pemberi kontrak dan iCEPS. Bagi program-program dibawah projek khas, tuntutan dan pembayaran kontrak mestilah merujuk kepada pencapaian KPI yang telah ditetapkan oleh pihak pemberi kontrak seperti NCIA, ECERDC, Yayasan Petronas dll. Untuk memastikan pembayaran berjalan lancar mengikut jadual berkala, jabatan digerakkan sebaik mungkin dan integrasi berlaku antara kedua-dua pihak kerana jika KPI tidak tercapai, pembayaran tidak akan dibuat. Sehingga kini, iCEPS telah berjaya mencapai KPI yang telah ditetapkan oleh pemberi kontrak. (**Bukti 4**). Manakala KPI pembangunan e-pembelajaran di iCEPS pula adalah bagi keseluruhan sistem UiTM, dan integrasi berlaku bilamana setiap keperluan mengenai pembangunan bahan P&P fakulti diambil kira, dibincangkan dan ditambahbaik dari masa ke semasa. Pelaksanaan kursus jangkapendek menggunakan gabungan khidmat dalaman UiTM serta penceramah luar negara; sebagai contoh, kursus eConDev_2023 serta *International Conference on eLearning 2023* (iCEL2023), penceramah melibatkan *keynote speaker* dari Northampton University (Dr Darren Steven) dan lain-lain. Bagi eConDev_2023, peserta terdiri daripada pelbagai latar belakang yang mewujudkan integrasi dalam penyertaan (**Bukti 5**) bukan sahaja di **luar UiTM** malah **keluar negara**.

SENARAI BUKTI :

1. [F0028_P01_PB05_20241_iCEPS_2.5_Perancangan Strategik_Bukti 1_Slide Pembentangan Perancangan 2022 & 2023 v3.pdf](#)
2. [F0028_P01_PB05_20242_iCEPS_2.5_Perancangan Strategik_Bukti 2_Slide Bengkel Perancangan Strategik iCEPS 2023.pdf](#)
3. [F0028_P01_PB05_20243_iCEPS_2.5_Perancangan Strategik_Bukti 3_Contoh Senarai Program Yang Ditawarkan 2023.pdf](#)
4. [F0028_P01_PB05_20244_iCEPS_2.5_Perancangan Strategik_Bukti 4_Nilai Kontrak Projek Khas.pdf](#)
5. [F0028_P01_PB05_20245_iCEPS_2.5_Perancangan Strategik_Bukti 5_Poster eCONDEV23 & iCEL23 v3.pdf](#)

KRITERIA 3 : TUMPUAN KEPADA PELANGGAN

3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

PENDIDIKAN BERTERUSAN MELAHIRKAN GRADUAN BERKUALITI

iCEPS menyediakan ruang dan peluang pembelajaran yang terbuka luas kepada semua, termasuk mereka yang sedang bekerja dan ingin menambah kemahiran. Pembelajaran separuh masa adalah pembelajaran fleksibel kepada individu sedang bekerja selaras dengan tagline iCEPS; *Preparation for Life* yang menggambarkan komitmen iCEPS dalam memenuhi keperluan modal insan. Selari dengan saranan UiTM serta Kementerian Pengajian Tinggi, iCEPS teguh sebagai peneraju Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH). Antara pelanggan utama iCEPS, mengikut bidang tumpuan hasil utama yang dilaporkan, adalah terdiri daripada:

1. 12,159 Pelajar Separuh Masa (ePJJ)
2. 1,494 Pelajar Program Usahasama UiTM Sepenuh Masa (Kolej Bersekutu UiTM)
3. 550 Pemohon APEL C dan 351 Pemohon APEL.A
4. 200 pelajar B40 bagi Program empower ECER (Latihan Akademik)
5. 400 peserta B40 bagi Program empower ECER (Latihan Kemahiran & Keusahawanan)
6. 2,600 pelajar B40 bagi Program empower NCER (Akademik)
7. 177 peserta B40 bagi Program empower NCER (Latihan Kemahiran & Keusahawanan)
8. 386 Pelajar TNE
9. 516 peserta-peserta kursus jangka pendek.
10. 193,000 Pengguna sistem LMS UFUTURE.

iCEPS komited dalam mencapai aspirasi Universiti sebagai universiti komprehensif terbesar di Malaysia, menyediakan pendidikan inovatif dengan infrastruktur dan teknologi terkini yang meliputi 34 kampus, 4 kolej pengajian, 14 fakulti, dan 9 pusat akademik di seluruh negara. Kaedah pengajaran dan pembelajaran (P&P) yang bersifat interaktif melalui penggunaan U-FUTURE dan sistem pembayaran ansuran di iCEPS berpotensi untuk **meningkatkan keberhasilan pendapatan** melalui program-program yang ditawarkan.

Dalam hal **perancangan** iCEPS untuk meningkatkan pembelajaran secara digital, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan untuk merangka strategi komprehensif bagi meningkatkan kualiti pembelajaran dan pengajaran. iCEPS bukan sahaja tertumpu kepada program dalam negara, program francais iCEPS di bawah Jabatan Pendidikan Transnasional (TNE), memerlukan kaedah pengajaran dan pembelajaran (P&P) di dalam dan luar negara. Usaha iCEPS dalam memperluaskan kaedah P&P ini diharapkan dapat meningkatkan keberhasilan penting kepada Universiti.

Pelaksanaan yang menyeluruh adalah aspek utama dalam memastikan kepuasan pelanggan yang terdiri daripada pelajar, pensyarah, serta peserta modul kursus dalam dan luar negara. Pelbagai inisiatif telah diambil untuk menyokong P&P dan memastikan kualiti akademik serta pengoperasian universiti tetap terjaga. Rangkaian iCEPS mempunyai dua puluh lima (25) sistem yang telah dibangunkan dan diperkenalkan, seperti UFUTURE, APEL, Sistem Penjurian eCondev, dan Sistem Pendaftaran Seminar yang digunakan bukan hanya di seluruh UiTM tetapi juga oleh **peserta dalam dan luar negara**.

Pemantauan yang menyeluruh terhadap proses penyampaian pengajaran iCEPS dilaksanakan dengan efektif untuk seiring dengan dasar pendidikan negara. Ketergantungan Universiti terhadap penggunaan sistem UFUTURE memerlukan perhatian serius terhadap keselamatan

dan kebolehpercayaan. Oleh itu, iCEPS telah melaksanakan beberapa jenis audit, termasuk audit kebolehpercayaan sistem, audit prestasi, dan audit keselamatan. Audit keselamatan dijalankan untuk memastikan keselamatan dan integriti maklumat serta data. Inisiatif ini secara asasnya telah berjaya **meningkatkan kepuasan pelanggan** dan juga menyumbang kepada peningkatan pendapatan melalui pemantauan dan penambahbaikan program yang dijalankan.

Penambahbaikan dalam pengurusan kewangan di iCEPS telah memberikan fokus kepada peningkatan perkhidmatan pelanggan dengan merancang setiap perkhidmatan berdasarkan keperluan pelanggan. Pelanggan memainkan peranan yang sangat penting sebagai sumber utama pendapatan iCEPS, yang terdiri daripada pelajar, pensyarah, serta peserta dari dalam dan luar negara.

3.2 PENDEKATAN (APPROACH)

PEMBELAJARAN INTERAKTIF MEMACU KECEMERLANGAN iCEPS DI PERINGKAT GLOBAL

Perancangan Pembelajaran dan Pengajaran (P&P) di iCEPS melibatkan bukan sahaja aspek pengendalian tetapi juga perancangan sistematik dan menyeluruh untuk memastikan operasi yang berkesan untuk pelbagai pelanggan (**Bukti_1**) dan rakan kongsi (**Bukti_2**) iCEPS. Pendekatan interaktif yang memanfaatkan teknologi, seperti Sistem Pengurusan Pembelajaran (LMS) U-FUTURE, memainkan peranan utama dalam mempermudah proses penyampaian P&P. Keberkesanan sistem ini terbukti dengan **penapaian jumlah enrolmen yang tinggi** pada tahun 2023.

Pendekatan pengurusan pelajar separuh masa iCEPS adalah menerusi menyediakan 11 sistem berfokuskan pelanggan seperti Sistem Pengambilan Pelajar Separuh Masa yang membantu calon pelajar separuh masa membuat permohonan. Sistem *Student Get Student* adalah sistem yang menyokong inisiatif iCEPS untuk menambah bilangan enrolmen pelajar. Pelajar Separuh Masa iCEPS akan diberi insentif melalui sistem ini seandainya mereka berjaya memperkenalkan kenalan untuk mendaftar sebagai pelajar iCEPS. Sistem Pengecualian Kredit pula membolehkan pelajar memohon pengecualian kredit. Sistem Permohonan Musaadah Pendidikan iCEPS adalah bagi pelajar iCEPS yang kurang berkemampuan yang disediakan bantuan khas pendidikan melalui platform permohonan ini dimana pelajar mengisi permohonan dan dokumen sokongan sebelum diproses. Sistem Pemulangan Yuran dan Sistem Ansuran Yuran adalah sistem berkaitan yuran pelajar yang dikendalikan pihak Bendahari iCEPS. Sistem Maklumat Pensyarah digunakan bagi pengurusan lantikan dan kelulusan pensyarah sambilan iCEPS untuk menjadi *Seminar Facilitator, Learning Facilitator, Pemeriksa Pertama dan Kedua Peperiksaan Akhir* dan juga lantikan Pengawas Peperiksaan Akhir. Sistem ini juga menyimpan maklumat pensyarah sambilan yang penting untuk pelbagai urusan pentadbiran. Sistem Pemantauan Seminar merekodkan data bagi pemantauan seminar dan juga memastikan PROPENS yang dilaksanakan menepati keperluan audit semasa. Sistem iEXAM pula dibangunkan khas bagi urusan pengendalian penghantaran markah pelajar separuh masa dan KKB kendalian iCEPS. Sistem eClaim memproses bayaran bagi tugas Seminar Facilitator dan Learning Facilitator untuk pensyarah sambilan iCEPS. Sistem Kehadiran Pengawasan Peperiksaan pula merekodkan kehadiran pengawas peperiksaan akhir iCEPS (**Bukti_3**). Sistem-sistem sokongan yang diuraikan di sini dibangunkan hasil inovasi staf ICT iCEPS yang dipertanggungjawabkan untuk membangunkan sistem-sistem tersebut berdasarkan kehendak pelanggan.

Dalam pendekatan strategik pengurusan P&P dan kewangan yang melibatkan sistem yang dibangunkan di iCEPS, beberapa kaedah pemantauan dijalankan secara berkala melalui sistem Permohonan APEL A dan APEL C (**Bukti_4**); dimana calon APEL membuat permohonan dan memuatnaik dokumen sokongan sebelum diproses oleh UNIT APEL. Pemohon boleh menyemak status dan keputusan permohonan melalui sistem ini. Sistem Pengurusan *Short Course*, Sistem Pendaftaran Seminar dan Sistem Penjurian eConDev juga dibangunkan oleh kepakaran dalaman staf ICT iCEPS, yang menyasarkan pengguna **dalam dan luar UiTM**. Pemantauan di peringkat Pengurusan Universiti, lapan sistem berfokuskan pelanggan dikeseluruhan UiTM iaitu SUFO, ReSUFO, EES, CDL-CQI, TESA, TEX dan MTrack MicroCredential yang merupakan PI iCEPS juga memperkasa kredibiliti dan meningkatkan kebolehpasaran pelajar (**Bukti_5**)

Pelbagai inisiatif telah dilaksanakan untuk meningkatkan pengurusan Pengajaran dan Pembelajaran (P&P), termasuk penambahbaikan sistem berfokuskan pelanggan yang mantap yang menyokong penjanaan pendapatan iCEPS. Sistem ini memberikan akses dalam talian kepada pelbagai urusan, memudahkan pengguna dari mana sahaja mereka berada, serta menjimatkan masa, tenaga, dan kos. Penambahbaikan ini tidak hanya meningkatkan kepuasan pelanggan tetapi juga menyumbang kepada **peningkatan hasil pendapatan** iCEPS melalui proses yang lebih efisien dan berkesan.

SENARAI BUKTI:

1. [F0028_T01_TB02_20241_iCEPS_3.2_TUMPUAN PADA PELANGGAN_BUKTI_1_Pelanggan-pelanggan iCEPS.pdf](#)
2. [F0028_T01_TB02_20242_iCEPS_3.2_TUMPUAN PADA PELANGGAN_BUKTI 2_Senarai Rakan Kongsi iCEPS.pdf](#)
3. [F0028_T01_TB02_20243_iCEPS_3.2_TUMPUAN PADA PELANGGAN_BUKTI 3_25 Sistem iCEPS.pdf](#)
4. [F0028_T01_TB02_20244_iCEPS_3.2_PELANGGAN_BUKTI 4.pdf](#)
5. [F0028_T01_TB02_20245_iCEPS_3.2_TUMPUAN PADA PELANGGAN_BUKTI_5_Tangkaplayar Contoh Sistem Berfokuskan Pelanggan Yang Digunakan Di iCEPS.pdf](#)

3.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

MENGINTEGRASI PENDIDIKAN DENGAN INOVASI KEWANGAN

Perluasan data pelanggan di iCEPS dilaksanakan melalui pelbagai sistem dalam talian yang dibangunkan dan digunakan. Sistem-sistem ini membolehkan **pengumpulan, penyimpanan, dan pengecaman data pelanggan dengan cepat**, serta memastikan data tersedia untuk digunakan dalam apa-apa operasi kerja yang berkaitan. Selain itu, sistem ini juga membolehkan data kewangan diproses dengan **cepat dan efektif**. Contohnya, sistem ini membantu mengenal pasti sumber hasil, memantau hasil kewangan, dan melakukan analisis berdasarkan data terkini apabila diperlukan (**Bukti_1a** sistem kewangan yang diguna oleh iCEPS, ie: Razer_ dan eClaim).

Dengan kemajuan teknologi, iCEPS menggantikan **pembayaran manual dengan sistem pembayaran digital** melalui sistem Razer yang dilanggan daripada pihak luar. Sistem ini membolehkan pelajar membuat pembayaran yuran kursus pendek, program profesional dan yuran Apel secara atas talian menggunakan perbankan internet, e-wallet, kad debit dan kredit, serta pembayaran di kaunter seperti 7-Eleven. Ini membolehkan pelanggan untuk **memilih mod pembayaran** mengikut keselesaan pelanggan. MOLPay memastikan proses pembayaran lebih lancar, selamat, dan efisien, memberikan pengalaman pengguna yang lebih baik. (**Bukti_1b**: data terimaan dan hasil melalui sistem Razer).

Sistem E-Claim iCEPS diwujudkan bertujuan untuk membuat bayaran tuntutan elaun mengajar dan elaun perjalanan bagi pensyarah sambilan iCEPS. Sistem ini **mengautomasikan banyak proses manual**, menjadikannya lebih efisien dan mengurangkan kesilapan. Sistem ini **meningkatkan ketelusan** dengan menyediakan rekod digital yang boleh diakses dan diaudit dengan mudah. Pensyarah dapat melihat status dan sejarah tuntutan mereka, memastikan semua transaksi dicatat dengan tepat (**Bukti_2**: tangkapan layar sistem e-Claim).

Program Musaadah Pendidikan (MPI) di iCEPS adalah inisiatif yang bertujuan untuk memberikan **sokongan kewangan dan bantuan** kepada pelajar yang memerlukan. Program ini dilaksanakan untuk memastikan tiada pelajar yang ketinggalan dalam mengejar pendidikan mereka disebabkan oleh kekangan kewangan. Program ini disalurkan kepada pelajar B40 yang berkelayakan dan memenuhi kriteria berpendapatan tidak melebihi RM1,500.00 (bujang) atau tidak melebihi RM4,500.00 (berkahwin) serta lulus temuduga yang dikendalikan. (**Bukti_3**: syarat-syarat permohonan dan iklan). Program ini juga mencerminkan komitmen UiTM melalui iCEPS dalam membantu pelajar **mencapai kejayaan akademik** dan memperkukuh kedudukan mereka dalam masyarakat.

Penggunaan UFUTURE dan MOOC menyokong proses P&P bukan hanya untuk pensyarah dan pelajar sepenuh serta separuh masa UiTM, tetapi juga untuk pelajar dan pensyarah dari Kolej-kolej Bersekutu UiTM di **dalam dan luar negara**. Pengurusan sistem UFUTURE oleh iCEPS diperluaskan dengan mempertimbangkan kehendak pengguna, membantu pengurusan akademik fakulti dan kolej dalam pelbagai urusan P&P. UFUTURE adalah platform yang memberi **pelbagai kemudahan** kepada para pelajar sejajar dengan keperluan pembelajaran di dalam talian yang sinonim di era pasca pandemik ini (**Bukti_4**: Pengguna UFUTURE Dalam dan Luar Negara).

Untuk Program empower ECER Latihan Kemahiran dan Keusahawanan, data peserta dikumpul melalui **borang kaji selidik secara dalam talian** yang diisi oleh penduduk setempat untuk mengenalpasti kehendak pasaran dan jenis kursus yang sesuai (**Bukti_5a**: Hasil Borang Kaji Selidik). Koordinator Projek juga mengumpul data dari pejabat agensi seperti MARA dan RISDA untuk menganalisis dan merancang kursus di Kelantan. Bagi Latihan Akademik ECER dan Akademik NCER, pemilihan pelajar dibuat berdasarkan kriteria NCIA dan ECERDC dengan kerjasama guru penyelarasan sekolah, yang menyediakan senarai pelajar terpilih dan Borang Pencalonan Pelajar dan Sekolah untuk dokumentasi (**Bukti_5b** Borang_Pencalonan).

SENARAI BUKTI :

1. [F0028_T01_TB03_20241_iCEPS_3.3_TUMPUAN PADA PELANGGAN_BUKTI 1a & 1b_Razer.pdf](#)
2. [F0028_T01_TB03_20242_iCEPS_3.3_TUMPUAN PADA PELANGGAN_BUKTI 2_Tangkap Layar sistem e-Claim.pdf](#)
3. [F0028_T01_TB03_20243_iCEPS_3.3_TUMPUAN PADA PELANGGAN_BUKTI 3_Program Musaadah.pdf](#)
4. [F0028_T01_TB03_20244_iCEPS_3.3_TUMPUAN PADA PELANGGAN_BUKTI 4_Pengguna UFUTURE Dalam dan Luar Negara.pdf](#)
5. [F0028_T01_TB03_20245_iCEPS_3.3_TUMPUAN PADA PELANGGAN_BUKTI 5a & 5b_Borang Kaji Selidik.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

3.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

PEMANTAUAN KEWANGAN MEMACU SISTEM PENDIDIKAN BERTERUSAN BERTARAF DUNIA DI ICEPS

Pemantauan adalah penting untuk memastikan iCEPS mencapai misinya untuk menjadi institusi pembelajaran sepanjang hayat terkemuka bertaraf dunia. Sasaran 13000 enrolmen pelajar iCEPS adalah penting untuk menjana kewangan dan keuntungan yang ditetapkan UiTM; yang dicapai melalui penawaran program-program akademik peringkat diploma dan sarjana muda yang dipromosikan melalui pelbagai kaedah (**Bukti_1**)

Enrolmen 1,200 pelajar KKB-UiTM dicapai menerusi promosi dan hebahan berterusan serta mesyuarat peningkatan enrolmen antara iCEPS dan pihak kolej-kolej bersekutu. (**Bukti_2**)

iCEPS telah diamanahkan oleh pihak pemegang taruh iaitu ECERDC dan NCER untuk menjalankan program modal insan yang menumpukan kepada Latihan Akademik dan Latihan Kemahiran & Keusahawanan. (**Bukti_3a**) Pemantauan keberkesanan program ini adalah dengan memastikan pelajar atau peserta mengikut program dianjurkan untuk memastikan pemegangtaruh berpuas hati dengan pelaksanaan program dan membuat bayaran kewangan ditetapkan. (**Bukti_3b**) Untuk memastikan pemegangtaruh berpuas hati dengan pelaksanaan program, mesyuarat Jawatankuasa Teknikal diadakan antara pemegangtaruh, iCEPS dan PEMANDU sebanyak 3 kali setahun dan selepas fasa selesai.

Kursus jangkapendek di iCEPS yang disertai peserta dalam dan luar negara dipantau melalui sistem kursus yang menyokong pembangunan kursus berimpak tinggi. Maklumat kursus terkini boleh diakses oleh pelanggan melalui laman sesawang, (**Bukti_4a**) dan data dari sistem ini dianalisis untuk penambahbaikan. Kajian selidik yang diagihkan kepada peserta akhir kursus digunakan untuk pemantauan keberkesanan. (**Bukti_4b**)

Untuk program francais luar negara 2023, iCEPS menyasarkan 400 pelajar melalui kerjasama dengan QIU, Iraq, MCEM, Mauritius, dan lain-lain. Pemantauan dilaksanakan melalui audit kualiti dan validasi berkala untuk memastikan standard UiTM dipenuhi. Laporan audit lengkap dibentangkan di Mesyuarat Pengurusan Eksekutif (MPE) sebelum dikongsikan dengan universiti berkenaan (**Bukti_5a**). Keberkesanan kewangan iCEPS dipantau menerusi Mesyuarat Tabung Amanah yang membincangkan kelulusan bajet, manakala pencapaian KPI jabatan dibincangkan di Mesyuarat Pengurusan Eksekutif (MPE) yang dianggotai oleh pengurusan kanan iCEPS. Pemantauan kepada setiap KPI/ PI dilaksanakan melalui sistem UEPMO manakala *Strategic Action Plan* (SAP) melalui UiSMS yang dipantau oleh BTU (Bahagian Transformasi Universiti). Untuk melancarkan pengoperasian iCEPS, sistem-sistem yang berfokuskan pelanggan yang digunakan di iCEPS adalah seperti tersenarai di **Bukti_5b**.

SENARAI BUKTI:

1. [F0028_T01_TB04_TC01_20241_iCEPS_3.4.1_TUMPUAN PADA PELANGGAN_BUKTI 1a-1g_Kaedah promosi_compressed.pdf](#)
2. [F0028_T01_TB04_TC01_20242_iCEPS_3.4.1_PELANGGAN_BUKTI 2a.pdf](#)
3. [F0028_T01_TB04_TC01_20243_iCEPS_3.4.1_TUMPUAN PADA PELANGGAN_BUKTI 3a-3b_ECERDC dan NCER serta Jadual Pembayaran.pdf](#)
4. [F0028_T01_TB04_TC01_20244_iCEPS_3.4.1_TUMPUAN PADA PELANGGAN_BUKTI 4a-4b_Sistem dan kaji selidik kursus jangkapendek.pdf](#)
5. [F0028_T01_TB04_TC01_20245_iCEPS_3.4.1_TUMPUAN PADA PELANGGAN_BUKTI 5a-5b_Laporan audit kualiti dan Sistem berfokuskan pelanggan.pdf](#)

3.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

PENGURUSAN RISIKO MEMACU KEJAYAAN DAN KEPUASAN PELANGGAN ICEPS.

Pengurusan risiko adalah aspek penting dalam memastikan kejayaan iCEPS dan kepuasan pelanggan. Langkah-langkah proaktif diambil untuk mengurus risiko dengan mengenalpasti, merekodkan, dan membincangkan risiko-risiko ini dalam Mesyuarat MPE dan Jawatankuasa Pengurusan Risiko. iCEPS telah menguruskan risiko-risiko secara proaktif untuk memastikan kelancaran operasinya. Semua risiko yang telah dikenalpasti direkodkan di daftar risiko dan dibincangkan dalam Mesyuarat MPE dan Jawatankuasa Pengurusan Risiko iCEPS. Setiap Jabatan akan memberikan laporan pencapaian prestasi kepada Ketua Eksekutif iCEPS berkenaan pencapaian pengendalian risiko dan langkah-langkah yang perlu diambil sekiranya terdapat masalah atau isu (**Bukti_1 Minit_Mesyuarat Jawatankuasa_Pengurusan_Risiko_iCEPS**). Usaha Penambahbaikan prestasi pengendalian risiko akan dibuat dari masa ke masa, berdasarkan risiko yang telah didaftar. (**Bukti_2**).

Antara risiko utama adalah bila melibatkan penurunan enrolmen pelajar apabila pertukaran kaedah penyampaian pembelajaran dalam talian kepada bersemuka mulai sesi 2023, iaitu risiko "Pengurusan Akademik PJJ, PLK&KKB:kadar kehilangan pelajar" (**Bukti_3a**). Risiko lain yang dihadapi iCEPS adalah apabila menjalankan program francais dengan rakan kerjasama di luar negara pada masa yang ditetapkan. Peningkatan kerjasama program UiTM di peringkat antarabangsa dalam bentuk kolaborasi *Transnational Education* mungkin tidak dapat dijalankan mengikut jadual kerana faktor-faktor akreditasi dari pihak franchisee dan juga impak dari pasca-pandemik yang menyebabkan kelewatan pelaksanaan kolaborasi TNE pada masa yang ditetapkan (**Bukti_3b** cabutan_daftar_risiko_untuk_TNE).

iCEPS berdedikasi mengurangkan risiko-risiko ini dengan melaksanakan pelbagai strategi keselamatan dan perlindungan data yang canggih. Bagi memastikan semua pihak maklum berkenaan peralihan kaedah penyampaian dalam talian kepada bersemuka, maklumat disampaikan secara hebahan menerusi hebahan di website iCEPS, media sosial iCEPS dan juga melalui peranan ketua pusat pengajian dan whatsapp pelajar. (**Bukti_4**).

Bagi mengurangkan risiko KPI program francais tidak tercapai langkah-langkah diambil seperti menjalankan aktiviti-aktiviti program TNE ke luar negara dengan mengadakan perbincangan awalan, menggunakan rakan-rakan strategik yang telah ada MoU dengan iCEPS sebagai potensi pelanggan baru (*new potential clients*), ekspo maya, program perkongsian bersama institusi luar negara, perbincangan, mesyuarat, penyediaan dokumen dan lain-lain secara maya. Ini termasuk menjalankan program aktiviti TNE yang lain seperti kursus jangkapendek dan validasi yang boleh mendatangkan hasil pantas kepada UiTM dan pendekatan mencadangkan program francais melalui *networking* bersama rakan kerjasama yang sedia ada serta hubungan (*contact*) dari jaringan dalam UiTM (**Bukti_5**).

SENARAI BUKTI :

1. [F0028_T01_TB04_TC02_20241_iCEPS_3.4.2_TUMPUAN PADA PELANGGAN_BUKTI_1_Minit_Mesyuarat_Jawatankuasa_Pengurusan_Risiko_iCEPS.pdf](#)
2. [F0028_T01_TB04_TC02_20242_iCEPS_3.4.2_TUMPUAN PADA PELANGGAN_BUKTI_2_Daftar_Risiko_iCEPS_2023.pdf](#)
3. [F0028_T01_TB04_TC02_20243_iCEPS_3.4.2_PELANGGAN_BUKTI_3a & 3b.pdf](#)
4. [F0028_T01_TB04_TC02_20244_iCEPS_3.4.2_TUMPUAN PADA PELANGGAN_BUKTI_4a & 4b_Hebahan dan pemakluman.pdf](#)
5. [F0028_T01_TB04_TC02_20245_iCEPS_3.4.2_TUMPUAN PADA PELANGGAN_BUKTI_5a-5c_Program Aktiviti TNE.pdf](#)

3.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

KAJI SEMULA PERKHIDMATAN PELANGGAN MELALUI PENAMBAHBAIKAN PROGRAM UNTUK PENINGKATAN HASIL KOMPREHENSIF

iCEPS berusaha untuk memastikan fokus utama adalah pada pelanggan dengan mengekalkan sistem pengurusan kewangan yang cekap dan mampan. Kepimpinan Kanan iCEPS secara berkala memantau pelaksanaan pengurusan kewangan melalui pelbagai platform, termasuk pembentangan di Mesyuarat Pengurusan Eksekutif (MPE) dan mesyuarat-mesyuarat berkaitan bagi menambahbaik, dan mengintegrasikan pengurusan kewangan.

Kajian semula perkhidmatan kepada pelanggan dapat dilaksanakan dengan lebih cekap dan efektif melalui perbincangan mengenai penambahan program yang ditawarkan secara Mod Terbuka dan Jarak Jauh (ODL). Tindakan ini selaras dengan strategi iCEPS untuk memaksimumkan keuntungan yang diperoleh daripada enrolmen pelajar separuh masa, luar kampus, dan sepenuh masa. Sebagai langkah awal, iCEPS telah mengadakan Bengkel Penawaran Program Akademik secara ODL yang melibatkan semua wakil Fakulti yang mempunyai program di iCEPS. Pada November 2023, satu mesyuarat telah diadakan bersama wakil Fakulti yang bersetuju untuk menawarkan program secara ODL (**Bukti_1**:Bengkel_Penawaran_Program_secara_ODL).

Kumpulan sasaran pelanggan iCEPS merangkumi semua pelajar, peserta projek khas NCER dan ECER, rakan usahasama, serta peserta dalam pembangunan bahan P&P dan kursus jangka pendek. Di iCEPS, pegawai yang bertanggungjawab terhadap aduan dan maklum balas pelanggan akan mengemaskini laporan analisis aduan pelanggan serta laporan bulanan media sosial iCEPS. Laporan-laporan ini akan dibentangkan kepada pihak pengurusan kanan di Mesyuarat Pengurusan Eksekutif (MPE) untuk perbincangan, sebelum tindakan penambahbaikan diambil (**Bukti_2** cabutan_minut MPE_pembentangan_laporan_bulanan media_sosial_iCEPS_2023).

Untuk projek khas, pelbagai langkah telah diambil untuk menambahbaik prestasi. Dalam program Latihan Kemahiran dan Keusahawanan, isu tidak dapat menjalankan ekspo keusahawanan telah diatasi dengan mengumpulkan data untuk menggantikan program berbentuk ekspo dan menganjurkan program berskala kecil, yang membolehkan peserta berniaga mengikut SOP yang telah ditetapkan (**Bukti_3**). Dalam aspek program Akademik, analisis dilakukan untuk Program NCER dan ECER berdasarkan laporan program yang disediakan selepas setiap sesi. Sebagai contoh, laporan harian merangkumi rekod kehadiran pelajar dan aktiviti pengajaran, dianalisa untuk memastikan peratus kehadiran pelajar sentiasa dalam kadar yang baik. Peratus penglibatan pelajar diperiksa setiap suku tahun untuk memastikan ia memenuhi KPI yang telah ditetapkan, dan hasilnya dibentangkan dalam mesyuarat bulanan (**Bukti_4**: contoh_laporan_analisis_program).

Bagi penambahbaikan untuk kursus jangka pendek, analisa dibuat dengan agihan borang kajiselidik peserta setelah tamat program dan maklumat dijadikan panduan bagi penambahbaikan kursus akan datang.(**Bukti_5**:Contoh_Borang_KajiSelidik)

SENARAI BUKTI :

1. [F0028_T01_TB04_TC03_20241_iCEPS_3.4.3_TUMPUAN PADA PELANGGAN_BUKTI 1a &1b - Bengkel Penawaran Program secara ODL.pdf](#)
2. [F0028_T01_TB04_TC03_20242_iCEPS_3.4.3_TUMPUAN PADA PELANGGAN_BUKTI 2 -Kaji semula perkhidmatan dan Penambahbaikan melalui mesyuarat.pdf](#)
3. [F0028_T01_TB04_TC03_20243_iCEPS_3.4.3_TUMPUAN PADA PELANGGAN_BUKTI 3 -Antara program berskala kecil \(Peserta berniaga semasa majlis diadakan\).pdf](#)
4. [F0028_T01_TB04_TC03_20244_iCEPS_3.4.3_PELANGGAN_BUKTI 4.pdf](#)

[5_-Contoh Borang Kaji Selidik.pdf](#)

3.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

MEMACU KEWANGAN DENGAN INTEGRASI HOLISTIK

Integrasi setiap perkhidmatan di iCEPS dilaksanakan dengan memastikan kepuasan pelanggan dicapai melalui pengukuran perkhidmatan dan pencapaian kewangan. Pengintegrasian keperluan pelanggan dengan pendekatan yang mampan dan cekap melalui pengukuhan sistem memainkan peranan penting dalam menyokong penjana kewangan yang berterusan di iCEPS. Langkah ini membantu meningkatkan hasil kewangan iCEPS melalui aktiviti penjana pendapatan seperti yuran pengajian separuh masa, kursus jangka pendek dan projek khas.

Integrasi sistem UFUTURE di iCEPS memainkan peranan penting dalam penjana pendapatan institusi dengan menghubungkan proses pembelajaran digital kepada pelajar dan profesional dari pelbagai sektor. Sistem ini bukan sahaja memudahkan penyampaian kursus secara dalam talian tetapi juga menyediakan platform untuk pelbagai program seperti MicroCredentials, MOOC, dan kursus jangka pendek yang direka untuk memenuhi keperluan pasaran. Dengan akses mudah kepada lebih 6,000 kursus dan 800,00 kandungan pengajaran, UFUTURE menarik minat peserta dari dalam dan luar negara, meningkatkan jumlah pendaftaran dan seterusnya menyumbang kepada aliran pendapatan yang stabil bagi iCEPS (**Bukti_1**: Penggunaan UFUTURE oleh pensyarah dan pelajar QIU,Iraq).

Pelaksanaan projek khas di iCEPS diukur melalui pembudayaan inovasi, proses dalaman, dan integrasi dengan pemegang taruh seperti ECERDC dan NCIA. Kerjasama dengan JPN, PPD, dan sekolah mempermudah pelaksanaan program akademik, membantu pelajar kurang berkemampuan berjaya dalam SPM 2023. Program keusahawanan ECER pula membekalkan peserta dengan kemahiran perniagaan asas, latihan, dan bimbingan untuk memulakan perniagaan kecil, menyumbang kepada peningkatan pendapatan dan pengurangan kemiskinan. Integrasi dengan pemegang taruh adalah kunci kejayaan iCEPS dalam mencapai KPI dan penjana kewangan (**Bukti_2**: Majlis graduasi program ECER MNE).

Sistem ansuran bayaran diperkenalkan oleh pihak iCEPS bertujuan membenarkan pembayaran secara ansuran yang memberi impak secara tidak langsung kepada pelajar-pelajar yang memerlukan. Keutamaan diberikan kepada pelajar yang tidak mempunyai tajaan, tidak mempunyai caruman KWSP, dan dengan kadar yuran RM1000 ke atas. Sistem ini digunapakai oleh pelajar iCEPS dan telah memberi manfaat dan mendapat sambutan meluas kerana ianya memberi kemudahan bayaran yang tidak membebankan pelajar (**Bukti_3**: sistem ansuran bayaran). Pelajar boleh membuat pembayaran secara ansuran, maksima 4 kali pembayaran dan memberi lebih masa kepada pelajar bagi melunaskan tunggakan bayaran secara teratur dan bersistematik. Dengan cara ini, sistem ansuran bayaran bukan sahaja menyokong pendidikan sepanjang hayat, tetapi juga memperkukuhkan kedudukan kewangan iCEPS secara keseluruhan. (**Bukti_4**: Pelancaran pendidikan sepanjang hayat 2.0)

Integrasi kursus jangkapendek di iCEPS melibatkan penyelarasan pelbagai aspek, termasuk kurikulum, teknologi, dan keperluan peserta. Melalui penggunaan platform digital, iCEPS memastikan bahawa kursus-kursus jangkapendek dapat diakses dengan mudah oleh pelajar dari pelbagai latar belakang, sama ada di dalam atau luar negara. Sistem yang disokong oleh Bahagian ICT yang efisien membolehkan proses pendaftaran, pembayaran, dan pemantauan kemajuan peserta dijalankan secara dalam talian, yang seterusnya meningkatkan kepuasan pelanggan (**Bukti_5a**: Sistem kursus jangka pendek). Selain itu, kerjasama dengan industri dan pakar subjek di dalam dan di luar negara memastikan kandungan kursus relevan dengan keperluan pasaran semasa, sekali gus menyumbang kepada penjana kewangan iCEPS (**Bukti_5b**: Conference eConDev & iCeL 2023). Integrasi ini menjadikan kursus jangkapendek sebagai salah satu komponen penting dalam strategi pengembangan dan penjana pendapatan di iCEPS.

SENARAI BUKTI :

1. [F0028_T01_TB05_20241_iCEPS_3.5_TUMPUAN PADA PELANGGAN_BUKTI 1_penggunaan UFUTURE oleh pensyarah dan pelajar QIU. Iraq.pdf](#)
2. [F0028_T01_TB05_20242_iCEPS_3.5_TUMPUAN PADA PELANGGAN_BUKTI 2_majlis graduasi program ECER MNE.pdf](#)
3. [F0028_T01_TB05_20243_iCEPS_3.5_TUMPUAN PADA PELANGGAN_BUKTI 3_sistem ansuran bayaran.pdf](#)
4. [F0028_T01_TB05_20244_iCEPS_3.5_TUMPUAN PADA PELANGGAN_BUKTI 4_pelancaran pendidikan sepanjang hayat 2.0.pdf](#)
5. [F0028_T01_TB05_20245_iCEPS_3.5_TUMPUAN PADA PELANGGAN_BUKTI 5a & 5b_sistem kursus jangka pendek dan conference eCondev & iCeL 2023.pdf](#)

KRITERIA 4 : PENGUKURAN, ANALISIS DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN

4.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Barisan pengurusan tertinggi iCEPS dengan kepimpinan inovatif telah menggunakan instrumen pengukuran yang tepat untuk memantau, menambah baik, merancang, dan melaksanakan pengurusan kewangan secara komprehensif dan berstruktur. Langkah-langkah terbaik diambil untuk mencapai visi, misi, dan strategi iCEPS, sejajar dengan matlamat UiTM. Kecekapan dan integriti dalam pengurusan kewangan iCEPS telah membolehkan pencapaian objektif strategik serta menyumbang secara signifikan kepada kemajuan universiti. Dengan pengurusan kewangan yang cekap dan efektif, iCEPS telah berjaya mencapai pendapatan melebihi sasaran pada tahun 2023 iaitu sebanyak RM42,043,370.48; iaitu dengan mengambilkira jumlah pelaburan sebanyak RM3,276,035.60 yang pada dasarnya tidak lagi masuk di dalam tabung iCEPS setelah penstrukturan semula hasil UiTM pada tahun 2023.

Perancangan strategik iCEPS dirangka selari dengan matlamat universiti ke arah GRU2025 dan aspirasi RMK-11. Halatuju ini juga berdasarkan Pelan Perancangan Strategik UiTM2025, yang menyokong inisiatif kewangan Prestasi kewangan iCEPS amat penting dalam memastikan perjalanan organisasi lancar dan mampu mencapai matlamat terutamanya dalam aspek pengurusan kewangan dan perkhidmatan akademik. iCEPS terus mengorak langkah dengan pendekatan untuk menjana pendapatan semaksimum mungkin, memastikan kualiti pengurusan kewangan mencapai tahap yang memberangsangkan dari tahun ke tahun seterusnya mencapai KPI kewangan melalui pelbagai program dan inisiatif. iCEPS merupakan salah satu PTJ utama yang berjaya memantapkan pengurusan kewangan dan pelaksanaan program strategik, melibatkan semua peringkat staf dan memberikan sumbangan besar kepada universiti. Pengukuran kecekapan pengurusan kewangan di iCEPS meliputi pengurusan belanjawan di bawah Strategic Business Unit (SBU), perancangan, pengagihan, dan kawalan sumber kewangan melalui sistem contohnya pengurusan permohonan dan tuntutan melalui sistem dalam talian seperti eClaim dan Sistem Pendaftaran Seminar. Kecekapan pengurusan bajet diukur melalui perancangan bajet berdasarkan hasil dan perbelanjaan tahunan, penjimatan kewangan, pemantauan margin keuntungan tabung seliaan, serta kecekapan pengutipan hutang.

Pelaksanaan pengurusan kewangan di iCEPS dipertingkatkan melalui pembangunan dan penambahbaikan 25 sistem dalam rangkaian iCEPS. Sistem-sistem ini, seperti eClaim, Musaadah, dan iEXAM, bukan sahaja digunakan di UiTM tetapi juga di luar UiTM dan sistem ini menyokong meningkatkan kecekapan aktiviti kewangan, penjana pendapatan dan penjimatan perbelanjaan.

Pemantauan yang efektif adalah kunci dalam mengenal pasti dan menangani risiko, khususnya dalam meningkatkan kecekapan pengurusan kewangan dan penjana pendapatan. iCEPS melaksanakan pemantauan melalui pelbagai audit termasuk audit prestasi proses pengurusan kewangan, dan audit keselamatan, e-aduan terutama sistem pembangunan iCEPS untuk memastikan keselamatan dan integriti data. Penambahbaikan pengurusan kewangan iCEPS juga berfokus pada pelanggan, yang terdiri daripada pelajar, pensyarah, dan peserta dari dalam serta luar negara.

Penambahbaikan pengurusan kewangan di iCEPS diberi perhatian yang serius supaya iCEPS dapat meningkatkan tahap pengurusan dan perkhidmatan yang cemerlang kepada pelanggan. Pelanggan utama merupakan pelajar, amat penting kerana merupakan punca pendapatan utama kepada iCEPS. Selain pelajar, pelanggan iCEPS terdiri daripada pensyarah sambilan, pengurusan kolej-kolej bersekutu, peserta kursus jangka pendek, peserta program dari dalam dan luar negara. Selain itu, pemantauan yang berterusan oleh iCEPS terhadap sistem pengurusan kewangan bagi mengelak risiko atau gangguan yang tidak dijangka penting untuk memastikan kelancaran operasi. Pendekatan menyeluruh yang diambil oleh iCEPS dari segi

pengajaran, analisis, dan pengajaran pengetahuan memastikan keberagaman operasi dan mencapai matlamat kewangan yang cemerlang.

4.2 PENDEKATAN (APPROACH)

KEUNTUNGAN BERTERUSAN DENGAN PENGURUSAN KEWANGAN YANG CEKAP DAN INOVATIF

Pendekatan pengukuran pencapaian pengurusan kewangan yang utama di iCEPS dapat dilihat daripada laporan kemajuan prestasi bersama kedudukan kewangan yang dilaporkan di dalam Mesyuarat Pengurusan Eksekutif iCEPS, dimana pemantauan prestasi hasil dan belanja dibentangkan selaras dengan KPI tahunan yang telah ditetapkan; dan merealisasikan sasaran jumlah pendapatan keseluruhan sebanyak RM42 juta untuk tahun 2023. (**Bukti_1**)

Seterusnya, pengukuran, analisa dan pengurusan pengetahuan juga dilihat dari sudut **penjimatan perbelanjaan** dan kecekapan penggunaan sistem yang telah dibangunkan di iCEPS dengan kebanyakan pembangunan sistem di iCEPS tidak melibatkan implikasi kewangan kerana dibangunkan '*in-house*' menggunakan kepakaran teknikal dalaman iCEPS. Sistem yang telah dibangunkan adalah seperti Sistem_Bayaran, Sistem_eCLAIM dll. (**Bukti_2a**). Hasil dari pembangunan sistem *in-house*, iCEPS dapat menjimatkan perbelanjaan serta berjaya menguruskan kewangan dengan cekap. (**Bukti_2b**).

Sistem tersebut terbukti dapat meningkatkan keberkesanan dan kecekapan pengurusan kewangan iCEPS melalui pengenalpastian, rekod, pengumpulan hasil, dan penganalisaan data yang lebih komprehensif, efisien dan efektif. Sistem-sistem tersebut menjadi pengukur kelancaran proses disamping mudah diakses oleh pengguna, termasuk pelajar, staf, dan pihak luar. Contohnya sistem_eCLAIM platform utama dalam pembayaran pensyarah lantikan iCEPS yang memudahkan pengguna dan mempercepatkan pengiraan tuntutan syarahan sambilan iCEPS. (**Bukti_3a**).

Sistem_iEXAM yang digunakan oleh pelajar untuk permohonan menumpang peperiksaan akhir di cawangan UiTM adalah contoh aplikasi teknologi dalam pengurusan kewangan yang cekap. Dengan iEXAM, proses permohonan dan pembayaran yuran menumpang menjadi lebih teratur, memastikan pendapatan dijana secara sistematik. Sistem ini bukan sahaja mempermudah proses bagi pelajar, tetapi juga memberikan data penting yang dapat digunakan untuk mengukur dan menganalisis trend permohonan serta prestasi kewangan. Melalui pengurusan data yang teratur dan analisis berterusan, iCEPS dapat memastikan pengurusan pendapatan dari yuran menumpang ini dijalankan dengan efektif, sekaligus menyumbang kepada keberkesanan pengurusan kewangan secara keseluruhan. (**Bukti_3b**)

Sistem Bayaran Ansuran yang diintegrasikan bersama sistem kewangan UiTM berfungsi sebagai alat penting dalam meningkatkan kecekapan pemungutan hasil secara berkala dan efektif. Kadar keberhutangan pelajar dapat dikurangkan, dengan membolehkan iCEPS menjalankan pengukuran pencapaian kewangan dengan lebih baik. Pengumpulan dan analisis data kewangan menjadi lebih sistematik dan tepat, memberikan gambaran yang jelas tentang aliran kewangan dan membantu dalam perancangan serta penambahbaikan strategi kewangan. Ini mencerminkan bagaimana pengurusan pengetahuan melalui sistem digital boleh meningkatkan kecekapan dan keberkesanan dalam mencapai objektif kewangan institusi. (**Bukti_3c**)

Peralihan iCEPS kepada sistem pembayaran digital melalui platform Razer membolehkan iCEPS mengumpul dan menganalisis data transaksi secara *real-time*, yang dapat digunakan untuk menilai pola pembayaran pelajar dan mengenal pasti peluang untuk penambahbaikan perkhidmatan. Selain itu, pelbagai pilihan mod pembayaran yang disediakan seperti perbankan_internet, *e-wallet*, kad debit&kredit, kaunter 7-Eleven telah memperkukuhkan keupayaan iCEPS dalam mengurus pengetahuan pelanggan dengan lebih baik, memastikan bahawa setiap pelajar dapat memilih kaedah pembayaran yang sesuai. Ini bukan sahaja meningkatkan kepuasan pelanggan, tetapi juga memastikan proses pembayaran yang lebih efisien, selaras dengan objektif iCEPS untuk memperkukuhkan pengurusan kewangan melalui teknologi inovatif. (**Bukti_4**).

komitmen kebajikan pelajar B4U ditunjukkan melalui Program MUSAADAH yang menyediakan bantuan kewangan dan meningkatkan aksesibiliti pendidikan. Keberhasilan Program MUSAADAH meningkatkan jumlah pelajar menyumbang kepada penjana pendapatan iCEPS, dan menjadi contoh bagaimana pengurusan pengetahuan yang strategik dapat menyokong objektif kewangan dan misi sosial institusi (**Bukti 5**).

SENARAI BUKTI:

1. [F0028_A01_AB02_20241_iCEPS_4.2_Pengukuran_bukti_1.pdf](#)
2. [F0028_A01_AB02_20242_iCEPS_4.2_Pengukuran_bukti_2a_2b.pdf](#)
3. [F0028_A01_AB02_20243_iCEPS_4.2_Pengukuran_bukti_3a_3b_3c.pdf](#)
4. [F0028_A01_AB02_20244_iCEPS_4.2_Pengukuran_bukti_4.pdf](#)
5. [F0028_A01_AB02_20245_iCEPS_4.2_Pengukuran_bukti_5_sistem_musaadah.pdf](#)

4.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

PENGURUSAN KEWANGAN EFEKTIF, KEUNTUNGAN BERTERUSAN

iCEPS telah membangunkan sistem kewangan yang efisien untuk menganalisis kos dan pendapatan, menjadikannya contoh SBU yang berjaya di UiTM. Melalui sistem-sistem yang komprehensif, iCEPS mampu mengurus data kewangan dengan cekap melalui laporan yang mengenal pasti penghutang dan memastikan pemungutan hasil konsisten sepanjang tahun. Contohnya, Sistem Ansuran Bayaran membantu mengawal kos keberhutangan pelajar sekaligus menjana keuntungan. Sistem pendaftaran peserta kursus jangka pendek pula memudahkan kawalan pembayaran yuran, memastikan tiada kecaciran, dan melancarkan operasi setiap jabatan terlibat. Kawalan tuntutan dilaksanakan melalui sistem e-CLAIM yang menyekat tuntutan yang sama atau tidak tepat, memastikan aliran keluar tunai terkawal dan mengikut kadar sebenar. Di samping itu, iCEPS juga menjaga kebajikan pelajar B40 melalui Program Musaadah, yang menyediakan bantuan kewangan secara atas talian. Proses tapisan dan kelayakan dijalankan melalui mesyuarat yang teliti. Program ini bukan sahaja membantu pelajar yang memerlukan tetapi juga menjadi promosi tambahan untuk meningkatkan pendaftaran pelajar. Keseluruhan inisiatif ini meningkatkan kecekapan pengurusan dan memaksimumkan pendapatan iCEPS.

Penjanaan pendapatan memerlukan perbelanjaan bagi menyokong segala operasi agar menjadi lebih lancar. Sistem yang dibangunkan oleh iCEPS yang boleh menganalisa kos dan pendapatan iCEPS itu sendiri menjadikan iCEPS sebagai contoh SBU yang berjaya di UiTM di dalam pengurusan kewangan. Metodologi yang digunapakai di iCEPS dalam pengurusan data-data kewangan dari segi penilaian dan analisa adalah melalui sistem-sistem yang telah dibangunkan yang boleh menjana data kewangan secara komprehensif mengikut keperluan. Sebagai contoh, laporan yang diterima daripada Sistem Ansuran Bayaran dapat mengenalpasti penghutang yang membolehkan hasil dipungut secara berkala sepanjang tahun. (**Bukti_1:** Pelaporan_Sistem_Ansuran_Bayaran) Ini menunjukkan inisiatif dan kecekapan iCEPS dalam mengawal kos keberhutangan pelajar sekaligus menjana keuntungan atas setiap hasil yang diperolehi. (**Bukti_2:** Bayaran_pertama_hingga_keempat).

Sistem pendaftaran peserta bagi kursus-kursus jangka pendek adalah satu contoh pengurusan data kewangan yang dapat mengawal kecaciran daripada pembayaran yuran. Sistem ini dilengkapi dengan maklumat setiap peserta yang menyertai program-program anjuran iCEPS (**Bukti_3:** Rekod_kursus_jangkapendek) dan pihak kewangan dapat mengeluarkan invois dengan lebih mudah dengan adanya maklumat daripada sistem tersebut. Sistem ini digunakan secara menyeluruh untuk semua program yang terlibat kerana memudahkan serta melancarkan aktiviti-aktiviti setiap jabatan yang terlibat.

Kawalan pembayaran juga dapat dilaksanakan dengan lebih efektif melalui sistem e-CLAIM kerana sistem ini akan menyekat secara keseluruhan jika terdapat tuntutan yang sama atau tidak tepat. Tapisan ini sangat membantu dan dapat mengawal aliran keluar tunai mengikut kadar tuntutan sebenar setiap pensyarah (**Bukti_4:** Proses_sistem_e-Claim). Sistem ini dibangunkan sendiri oleh iCEPS bagi melancarkan operasi setiap jabatan yang terlibat.

Di samping menjana pendapatan, iCEPS juga memastikan kebajikan pelajar B40 terjaga dengan menyediakan bantuan kewangan melalui Program Musaadah. Sistem Musaadah dibangunkan untuk memudahkan pelajar yang layak mengemukakan permohonan, dengan tapisan dilakukan secara dalam talian (**Bukti_5:** Proses_sistem_Musaadah). Mesyuarat turut diadakan untuk meneliti dan memperhalusi syarat kelayakan pelajar yang berpotensi menerima bantuan tersebut. Program ini juga merupakan salah satu promosi tambahan untuk menarik minat pelajar sekaligus meningkatkan bilangan pendaftaran pelajar.

SENARAI BUKTI :

1. [F0028_A01_AB03_20241_iCEPS_4.3_Pengukuran_Bukti 1_Pelaporan Sistem Ansuran Bayaran.pdf](#)
2. [F0028_A01_AB03_20242_iCEPS_4.3_Pengukuran_Bukti 2 Bayaran pertama hingga empat.pdf](#)
3. [F0028_A01_AB03_20243_iCEPS_4.3_Pengukuran_bukti 3.pdf](#)
4. [F0028_A01_AB03_20244_iCEPS_4.3_Pengukuran_bukti 4.pdf](#)
5. [F0028_A01_AB03_20245_iCEPS_4.3_Pengukuran_bukti 5.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

4.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

PEMANTAUAN BERTERUSAN MEMPERKASAKAN PENGURUSAN SUMBER KEWANGAN

Hasil penganalisan data yang diperoleh daripada pemantauan berkala terhadap sistem kewangan iCEPS digunakan secara strategik untuk penambahbaikan prestasi kewangan. Data yang dikumpulkan melalui semakan rekod, perbincangan, dan audit digunakan untuk mengenal pasti kelemahan dalam proses pengurusan kewangan.

(**Bukti_1_Pemantauan_Sistem_Kewangan**). Maklumat hasil dari penganalisan data ini dikongsi untuk penambahbaikan dan memperbaiki aspek kewangan yang lemah. Data penganalisan juga digunakan merumuskan strategi baharu dalam meningkatkan kecekapan pengurusan kewangan. Semua langkah ini dilaksanakan seiring dengan keperluan standard pemantauan, termasuk audit yang dijalankan secara berkala untuk memastikan pengurusan kewangan yang telus dan berintegriti.

Prosedur penerimaan dan perbelanjaan kewangan dilaksanakan dengan penuh ketelitian memastikan setiap proses dilakukan secara cekap dan teratur. Sistem kewangan iCEPS, yang dibangunkan secara in-house, memantau proses yang dilaksanakan serta berperanan dalam menambahbaik kecekapan pengurusan kewangan dari masa ke semasa. Antara sistem yang menyokong pembelajaran dan pemantauan di iCEPS adalah sistem eClaim, yang membantu proses pemantauan tuntutan pensyarah, menjadikannya lebih efisien.

(**Bukti_2_Sistem_e-Claim**).

Sistem Razer di iCEPS memainkan peranan penting dalam meningkatkan kecekapan pemantauan yuran pelajar dan pembayaran kursus jangka pendek. Sistem ini mempermudah penjaan bil yang tepat dan membolehkan pengenalpastian pelajar yang belum membayar, sekaligus membolehkan tindakan susulan yang proaktif seperti menghubungi pelajar atau mengambil langkah-langkah lain yang sesuai. (**Bukti_3_Tangkaplayar Transaksi Dan Analisa Data Tahunan Menggunakan Razer**).

Seterusnya, peserta kursus di iCEPS juga dipantau dan data yang diperolehi dianalisa secara terperinci. Sebagai contoh, dalam Latihan Kemahiran dan Keusahawanan, analisis data kehadiran membantu pihak penyedia perkhidmatan mengenalpasti peserta yang perlu mencukupkan 120 jam kehadiran sebelum fasa kelas berakhir (**Bukti_4a:**

Matrik_Kehadiran_Peserta_Latihan_Kemahiran&Keusahawanan). Ini penting kerana jam kehadiran adalah sebahagian daripada KPI yang perlu dicapai untuk memastikan pembayaran diterima daripada pihak pemegang taruh. Dalam Latihan Akademik, data laporan harian dari guru dianalisis untuk memastikan peratus kehadiran pelajar sentiasa berada pada tahap yang baik, iaitu 90 peratus mengikut KPI yang telah ditetapkan (**Bukti_4b: Laporan_Harian Mengajar_bagi_Latihan_Akademik**).

Pemantauan terhadap pihak pemegang taruh dilakukan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal&Pemandu, yang dipengerusikan oleh pengurusan kanan pemegang taruh (**Bukti_4c: Gambar_Mesyuarat_Jawatankuasa_Teknikal&Pemandu**). Dalam mesyuarat ini, penyedia perkhidmatan melaporkan status semasa berdasarkan KPI yang telah ditetapkan. Ahli mesyuarat akan meluluskan pembayaran jika semua KPI telah dicapai (**Bukti_5: Minit_Mesyuarat_yang_Telah_Disahkan_oleh Pihak_Pemegang_Taruh**).

SENARAI BUKTI:

1. [F0028_A01_AB04_AC01_20241_iCEPS_4.4.1_Pengukuran_bukti_1.pdf](#)
2. [F0028_A01_AB04_AC01_20242_iCEPS_4.4.1_Pengukuran_bukti_2.pdf](#)
3. [F0028_A01_AB04_AC01_20243_iCEPS_4.4.1_Pengukuran_bukti_3.pdf](#)
4. [F0028_A01_AB04_AC01_20244_iCEPS_4.4.1_Pengukuran_bukti_4a, 4b, 4c.pdf](#)

5. [F0028_A01_AB04_AC01_20245_iCEPS_4.4.1_Pengukuran_bukti 5.pdf](#)

4.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

iCEPS MERENTAS MASA DEPAN UNGGUL: RISIKO DIKAJI, KUALITI DITINGKATKAN

Setiap aktiviti melibatkan risiko yang perlu dikenal pasti, diukur dan dianalisis dengan tepat untuk memastikan kelancaran operasi serta dibincangkan dalam mesyuarat MPE, Mesyuarat Pengurusan dan Tabung Amanah. Setiap jabatan mengenalpasti risiko masing-masing, yang kemudian dilaporkan melalui sistem e-RMS. Pendekatan proaktif ini memastikan iCEPS terus siap sedia menghadapi cabaran dan mengekalkan operasi yang lancar.

(**Bukti_1a**: Laporan_Jabatan_2023). (**Bukti_1b**: Pendekatan, Perluasan, Pemantauan/Penambahbaikan, dan Integrasi melalui Mesyuarat). (**Bukti_1c**: Minit Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Risiko).

Pengurusan akademik yang cekap penting untuk mencegah risiko kebocoran data dan kehilangan pelajar yang boleh menjejaskan pendapatan iCEPS. Proses pengambilan pelajar perlu profesional untuk mengelak kelewatan pendaftaran. Unit ICT iCEPS menjalankan audit keselamatan dan menggunakan sistem Synology untuk memastikan data sensitif dilindungi dan disimpan dengan selamat daripada serangan siber. (**Bukti_2a**: Tangkap Layar Coding Jadual Backup dan Senarai Fail yang Terlibat).

Ketidakpuasan hati pelanggan boleh menjejaskan reputasi dan kewangan iCEPS. Untuk mengatasi risiko ini, sistem aduan yang berkesan perlu diperkenalkan untuk menangani masalah dengan segera dan memperkukuh kepercayaan pelanggan. (**Bukti_2b**: Tangkap Layar Senarai E-Aduan).

Perbincangan akan dibuat mengikut jadual yang ditetapkan oleh Unit Pengurusan Risiko Universiti dan juga mengikut keperluan pengurusan kanan bagi menangani kesan yang boleh menjejaskan pelaksanaan pencapaian prestasi. Penambahbaikan prestasi akan dibuat dari masa ke masa, berdasarkan risiko yang telah didaftar (**Bukti_3**: Jadual Daftar_Risiko_iCEPS_2023).

Risiko juga di kenalpasti melalui proses-proses akademik yang dijalankan seperti pelaporan CDL, analisa keputusan pelajar dan lain-lain yang dibentangkan di Mesyuarat Jawatankuasa Akademik iCEPS (JAI) pada setiap penghujung semester selepas berakhirnya peperiksaan (**Bukti_4**: Cabutan_Minit_mesyuarat_JAI/Laporan_CDL_CQI)

Bagi projek khas, risiko boleh berlaku sekiranya perbelanjaan program tidak dipantau kerana berkemungkinan melebihi nilai projek yang diperolehi. Hal ini akan menyebabkan kerugian kewangan sekaligus mencemar reputasi organisasi. Tidak memantau perbelanjaan juga akan menyukarkan pelaporan dan pemantauan kerana rekod kewangan mungkin tidak teratur dan tidak tepat. Untuk mengatasi, simulasi pembahagian nilai projek dalam Mesyuarat Pengurusan Eksekutif (MPE) membawa pelbagai kebaikan dalam pengurusan kewangan dan perancangan strategik. Simulasi ini membantu pihak pengurusan membuat anggaran kos dan pendapatan berdasarkan pelbagai senario. Ini mengurangkan risiko pembaziran dan memastikan perbelanjaan kekal dalam had yang ditetapkan (**Bukti_5**: Surat kelulusan MPE mengenai projek khas).

SENARAI BUKTI :

1. [F0028_A01_AB04_AC02_20241_iCEPS_4.4.2_Pengukuran_bukti_1a, 1b, 1c .pdf](#)
2. [F0028_A01_AB04_AC02_20242_iCEPS_4.4.2_Pengukuran_BUKTI_2a 2b.pdf](#)
3. [F0028_A01_AB04_AC02_20243_iCEPS_4.4.2_Pengukuran_bukti_3.pdf](#)
4. [F0028_A01_AB04_AC02_20244_iCEPS_4.4.2_Pengukuran_bukti_4.pdf](#)
5. [F0028_A01_AB04_AC02_20245_iCEPS_4.4.2_Pengukuran_bukti_5.pdf](#)

4.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

iCEPS PENERAJU TRANSFORMASI MENERUSI PENAMBAHBAIKAN BERTERUSAN

Penambahbaikan berterusan di iCEPS dapat mewujudkan penawaran pembelajaran yang kompetitif. Oleh itu sistem pengurusan kewangan yang cekap dan mampan adalah perlu bagi menyokong penambahbaikan. Pemantauan perlu dikaji bagi menambahbaik proses dan operasi sedia ada dan merancang inisiatif akan datang. Kepimpinan Kanan iCEPS melalui pelbagai platform akan memantau pelaksanaan pengurusan kewangan secara berkala, iaitu melalui pembentangan di MPE dan mesyuarat-mesyuarat yang berkaitan. (**Bukti_1**:Pendekatan, Perluasan, Pemantauan/Penambahbaikan&Integrasi melalui mesyuarat).

Kaji semula proses dan metodologi pengukuran dapat dilaksanakan dengan cekap dan efektif apabila perbincangan bagi membuat tindakan susulan dapat dijalankan mengikut keperluan. Perkara ini dapat dilaksanakan kerana terdapat sistem dalam talian (**Bukti_2**:Senarai_sistem_Kewangan_di_iCEPS) yang menyokong aktiviti dan proses kerja yang melibatkan kewangan di iCEPS. Kesediaan dan kebolehcapaian data melalui sistem dalam talian yang komprehensif membolehkan proses penjanaaan bil dapat dilaksanakan dengan tepat mengikut *standard* serta dapat menganalisa hasil tindakan dengan berkesan untuk tindakan penambahbaikan.

Tindakan susulan dan langkah pencegahan akan diambil sekiranya pencapaian prestasi tidak dapat dicapai. Perjumpaan *ad hoc* secara dalam talian juga akan dibuat sekiranya terdapat tindakan yang perlu disegerakan. Alternatif yang telah diambil dengan segera adalah dengan membenarkan pembayaran yuran pengajian secara ansuran oleh pelajar iCEPS yang terkesan dan memberikan peruntukan insentif pendidikan kepada pelajar KKB (**Bukti_3**: Surat_bayaran_insentif_pendidikan_iCEPS), untuk mengelakkan pelajar menarik diri atau lain-lain lagi yang akan menggugat aktiviti penjanaaan kewangan iCEPS.

Untuk projek khas, pemantauan perbelanjaan telah ditambahbaik dengan mengadakan daftar belanja setiap projek dan kelulusan tabung amanah (**Bukti_4**). Fungsi utama daftar belanja adalah untuk memastikan perbelanjaan terkawal dan selaras dengan bajet yang telah ditetapkan. Daftar belanja ini perlu disertakan setiap kali membuat permohonan pembayaran kepada bendahari. Melalui menggunakan daftar belanja ini akan membolehkan pemantauan berterusan penggunaan kos operasi projek dan memastikan dana dibelanjakan mengikut perancangan yang telah ditetapkan.

Risiko yang dikenalpasti perlu dianalisa untuk tindakan penambahbaikan proses dan operasi, seterusnya merancang inisiatif akan datang. Kepimpinan Kanan iCEPS memantau pelaksanaan cadangan penambahbaikan secara berkala, seperti melalui pembentangan di Majlis Pengurusan Eksekutif, Jawatankuasa Pengurusan Risiko dan lain-lain mesyuarat. (**Bukti_5**). Melalui rekod daftar risiko, iCEPS dapat mengenal pasti risiko dan mengklasifikasikannya. Semakan akan dibuat Unit_Pengurusan_Risiko, dengan risiko berimpak tinggi dibawa ke peringkat pengurusan kanan universiti untuk penyelesaian.

SENARAI BUKTI :

1. [F0028_A01_AB04_AC03_20241_iCEPS_4.4.3_Pengukuran_bukti_1.pdf](#)
2. [F0028_A01_AB04_AC03_20242_iCEPS_4.4.3_Pengukuran_bukti_2.pdf](#)
3. [F0028_A01_AB04_AC03_20243_iCEPS_4.4.3_Pengukuran_Bukti_3_bayaran_Insentif_KKB.pdf](#)
4. [F0028_A01_AB04_AC03_20244_iCEPS_4.4.3_Pengukuran_Bukti4_CONTOH_DAFTAR_BELANJA.pdf](#)
5. [F0028_A01_AB04_AC03_20245_iCEPS_4.4.3_Pengukuran_Bukti_5_Laporan_Jabatan_MPE.pdf](#)

4.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

MENERAJUI TEKNOLOGI, MEMPERKASAKAN KEWANGAN

Penambahbaikan pengukuran, analisa dan pengurusan pengetahuan dilihat berlaku di iCEPS terutamanya dari segi penggunaan sistem dalam-talian yang meluas, samada untuk pelajar-pelajar mod separuh masa e-PJJ, kursus-kursus jangka pendek, pengurusan kewangan yang berkaitan dan sebagainya. Integrasi berlaku apabila penggunaan sistem-sistem ini telah menjadi suatu pembudayaan di iCEPS; dan pengukuran, pemantauan dan penambahbaikan yang dibuat melalui sistem diterima pakai oleh semua warga iCEPS, warga UiTM dan dan warga luar sebagai suatu kebiasaan sekaligus digunakan oleh warga UiTM dan. Begitu juga untuk kursus jangka pendek, kursus-kursus jangka pendek telahpun dibuat secara hybrid iaitu dalam-talian dan bersemuka sejak pandemik; dan jika hands-on, akan melibatkan kos dari segi sewaan ruang dan fasiliti tempat serta makanan (**Bukti_1**: Gambar pelaksanaan kursus jangkapendek).

Integrasi di luar UiTM dapat dilihat dari segi penggunaan sistem e-Claim. Integrasi ini melibatkan pemusatan data kewangan, automasi proses, dan pembangunan saluran komunikasi yang efektif antara semua pihak berkepentingan. Sistem tersebut telah digunakan oleh pensyarah UiTM dan pensyarah sambilan untuk membuat tuntutan syarahan sambilan dan tuntutan elaun perjalanan. (**Bukti_2**: Pecahan bilangan pensyarah UiTM dan pensyarah sambilan).

Dalam usaha mencapai kecekapan operasi dan daya saing, integrasi pengurusan pengetahuan antara sistem kewangan yang melibatkan pengguna dalaman dan luaran memainkan peranan penting dalam UiTM dengan menggunakan sistem **e-Procurement Plus**. Pengguna dalaman seperti staf kewangan, pengurusan, dan eksekutif memerlukan akses kepada data kewangan yang relevan untuk membuat keputusan strategik. Pada masa yang sama, pengguna luaran seperti pelanggan, pembekal, dan pelabur bergantung kepada maklumat kewangan yang tepat dan telus untuk menilai prestasi syarikat serta membuat keputusan perniagaan yang bijak. (**Bukti_3**: Penggunaan Sistem e-Procurement Plus).

Selain itu, bagi meningkatkan kecemerlangan dan membudayakan inovasi di kalangan pelajar dan pensyarah UiTM, iCEPS telah mengadakan pertandingan inovasi peringkat antarabangsa. iCEPS sentiasa merangka inisiatif dan berusaha agar hasil penyelidikan yang diperolehi dapat ditengahkan untuk dikomersilkan bagi memastikan inovasi terhasil akan memberi manfaat dan kebaikan kepada warga UiTM dan seterusnya masyarakat. (**Bukti_4a**: TangkapLayar Website Pertandingan Inovasi eConDev Anjuran iCEPS 2023) dan **Bukti_4b**: Sekitar Gambar Pertandingan Inovasi eConDev Anjuran iCEPS 2023).

Integrasi dengan pemegang taruh dapat dilaksanakan melalui mesyuarat jawatankuasa pemandu, di mana iCEPS akan membentangkan laporan semasa serta permohonan tuntutan bayaran daripada pemegang taruh berdasarkan pencapaian KPI. Dalam mesyuarat tersebut, analisis terhadap tahap pencapaian KPI dan impak hasil daripada pencapaian tersebut turut dilakukan. Di samping itu, sebarang ketidakcapaian KPI juga akan dibentangkan bersama justifikasi yang lebih terperinci. Ini secara tidak langsung membantu pemegang taruh memahami situasi sebenar yang menyebabkan ketidakcapaian KPI. Hasilnya, iCEPS dapat memastikan bahawa penilaian terhadap pencapaian atau ketidakcapaian KPI dibuat berdasarkan pengetahuan yang kukuh, sekali gus meningkatkan kepercayaan dan kerjasama dengan pemegang taruh (**Bukti_5**: Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu bersama pihak pemegang taruh). Melalui pendekatan integratif ini, iCEPS bukan sahaja mampu mengekalkan kelancaran operasi tetapi juga mencapai matlamat kewangan yang lebih kukuh, di samping membina hubungan yang lebih erat dengan semua pemegang taruh.

SENARAI BUKTI :

1. [F0028_A01_AB05_20241_iCEPS_4.5_Pengukuran_bukti_1.pdf](#)
2. [F0028_A01_AB05_20242_iCEPS_4.5_Pengukuran_bukti_2.pdf](#)
3. [F0028_A01_AB05_20243_iCEPS_4.5_Pengukuran_bukti_3_eprocurement.pdf](#)
4. [F0028_A01_AB05_20244_iCEPS_4.5_Pengukuran_bukti_4a_4b.pdf](#)
5. [F0028_A01_AB05_20245_iCEPS_4.5_Pengukuran_Bukti_5.pdf](#)

KRITERIA 5: TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA

5.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Pengurusan sumber manusia iCEPS berpaksikan rangka kerja ESI iaitu Kecemerlangan_Sinergi_Integriti. Melalui pendekatan ini, iCEPS bukan sahaja menyediakan kakitangannya dengan kelebihan daya saing yang mampan tetapi menyemarakkan potensi mereka untuk memacu visi dan misi ke hadapan dengan operasi **pengurusan kewangan yang berintegriti dan amanah**. Tenaga kerja yang **pelbagai dan inklusif** di iCEPS meraikan setiap individu, serta memupuk persekitaran hormat dan saksama. Ini merangkumi kakitangan seramai 173 orang di UiTM Shah Alam dan kampus cawangannya. Bahagian kewangan iCEPS yang memainkan peranan penting dalam memacu penjana kewangan dan pendapatan kewangan iCEPS dan UiTM diketuai oleh ketua unit, bersama 7 kakitangan kewangan berintegriti telah mempamerkan kepakaran di dalam bidang pengurusan Kewangan. Pengurusan kewangan diperlihatkan dengan hasil dari jabatan pendidikan jarak jauh, projek khas, kursus jangka pendek dan penjimatan kepada penggunaan IT.

Perancangan pengurusan kewangan iCEPS memperlihatkan keberkesanan tadbir urus pengurusan kewangan supaya ianya berjalan dengan **lancar dan telus** mengikut peraturan dan pekeliling bendahari UiTM. Ketelusan dalam perancangan pengurusan kewangan iCEPS adalah dengan penekanan kepada peraturan-peraturan yang dikeluarkan oleh pekeliling yang telah ditetapkan oleh Bendahari UiTM dan iCEPS sentiasa telus dalam perancangan pengurusan kewangan mengikut peraturan tersebut.

Pelaksanaan tenaga kerja dilaksanakan secara **berintegriti dan amanah** di iCEPS dengan interaksi kolaboratif dan harmoni antara individu dan Jabatan-jabatan di iCEPS. iCEPS mengamalkan konsep_lean dalam pengurusan tenaga kerja, di mana fokus diberikan kepada pengoptimuman sumber dan pengurangan pembaziran. Ini dapat dilihat apabila staf Bahagian IT bersama-sama membangunkan sistem pengurusan kewangan dalaman iCEPS iaitu pemulangan yuran untuk pelajar pembelajaran jarak jauh dan bayaran RAZER untuk kursus jangka pendek bagi meningkatkan kecekapan pengurusan akademik dan pelajar berasaskan kemahiran dan bakat Bahagian IT seterusnya memperlihatkan staf bahagian IT mempunyai kemahiran untuk membangunkan sistem bagi memudahkan pengurusan kewangan. Integriti, berakar umbi dalam nilai i-DART adalah asas perluasan tenaga kerja iCEPS dalam pengurusan kewangan. Tingkah laku beretika dipupuk melalui **31 sesi_PROCIL** setiap tahun, meliputi topik seperti integriti peribadi, amanah, kepimpinan dan etika. Pengalaman kolaboratif, seperti bantuan kepada kakitangan terjejas banjir, juga memperkayakan nilai empati dalam kalangan warga iCEPS.

Pemantauan dilaksanakan melalui laporan prestasi kakitangan, kotak cadangan, data kehadiran dan prestasi, temu bual kakitangan individu, maklum balas semasa penilaian prestasi kakitangan tahunan, dan penilaian program iCEPS. Pengurusan iCEPS responsif terhadap maklum balas yang diberikan oleh staf dan pemegang taruh di dalam memupuk budaya kerja yang cekap dan proaktif, dengan menghasilkan produktiviti dalam pengurusan dan penjaan kewangan di iCEPS. Pemantauan dan penambahbaikan berterusan berlaku, dimana staf iCEPS menunjukkan komitmen tinggi terhadap teguran dan pembudayaan gaya kerja yang efisien.

Penambahbaikan dilakukan untuk memastikan persekitaran budaya kerja korporat iCEPS kekal cekap dan pantas. Staf pengurusan berusaha mewujudkan suasana kerja yang memudahkan kerja berpasukan, baik dalam ruang formal seperti bilik mesyuarat mahupun ruang tidak formal seperti kawasan bersosial dan ruang permainan. Teknologi terkini turut disediakan untuk memenuhi keperluan staf, menjadikan persekitaran kerja lebih cekap dan menarik, terutamanya untuk generasi Y dan Z. Secara keseluruhannya, iCEPS menunjukkan komitmen terhadap kecemerlangan melalui pengurusan kewangan yang berintegriti dan persekitaran kerja yang mempromosikan kerjasama dan inovasi. Pendekatan ini tidak hanya memajukan organisasi, tetapi meningkatkan kepuasan dan keberkesanan staf dalam mencapai matlamat bersama.

5.2 PENDEKATAN (APPROACH)

PENGURUSAN KEWANGAN MAMPAN PENGGERAK DAYA SAING MODAL INSAN

Pengurusan sumber manusia yang berkesan adalah kunci untuk mencapai matlamat menjana pendapatan dan penjimatan kos dalam sesebuah organisasi. Di iCEPS, **pendekatan strategik** dalam pengurusan sumber manusia digabungkan dengan nilai-nilai i-Dart dan ESI-UiTM, yang telah membawa kepada **peningkatan produktiviti, kepuasan kerja, serta prestasi kewangan keseluruhan**. Dengan kekuatan seramai 173 staf di UiTM Shah-Alam dan kampus-kampus cawangan, iCEPS terdiri daripada beberapa bahagian utama yang berperanan dalam merealisasikan matlamat SBU-iCEPS. Bahagian Kewangan bertanggungjawab mengawal selia kewangan, manakala Jabatan Pembelajaran-Jarak-Jauh menguruskan pelbagai program akademik, termasuk pembelajaran jarak-jauh dan program kolej-bersekutu.

Jabatan-Projek-Khas pula mengendalikan projek-projek khas berkaitan akademik dan latihan-kemahiran, seperti projek ECER dan NCER. Bahagian-IT menguruskan sistem-dalaman serta sistem pembelajaran universiti, dan Jabatan-Pendidikan-Lanjutan memfokuskan pelaksanaan program-program kursus jangka-pendek.

iCEPS mengamalkan **konep lean** dalam pengurusan tenaga kerja, di mana fokus diberikan kepada pengoptimuman sumber dan pembaziran. Staf yang berdaya saing, berkebolehan untuk meningkatkan kepakaran (*upskill*), dan mahir dalam pelbagai bidang (*multi-skill*) memastikan setiap tugas dapat dilaksanakan dengan cemerlang. Melalui pendekatan ini, iCEPS memastikan staf dapat berfungsi dengan efisien dan fleksibel, meskipun jumlah kakitangan terhad. Selain itu, staf juga digalakkan untuk menerapkan elemen inovasi dan perkongsian ilmu dalam setiap tugas mereka. Ini penting kerana dengan bilangan staf yang tidak ramai, iCEPS tetap berjaya melaksanakan tugas-tugas yang meliputi keseluruhan UiTM contohnya pengendalian sistem-pembelajaran universiti UFUTURE, menunjukkan keupayaan organisasi untuk mencapai prestasi tinggi melalui pengurusan yang bijak dan berfokuskan hasil. (**Bukti_1:Multiskill: _Penglibatan_Staf_pendaftaran_pelajar_eConDev**)

Perancangan yang teliti telah dirangka untuk memperkasakan sumber manusia iCEPS termasuk dengan memberi penekanan kepada latihan dan pembangunan staf yang dijalankan di **dalam dan luar UiTM**. Sebagai sebahagian daripada inisiatif ini, iCEPS menganjurkan program latihan dalaman seperti PROCIL, iaitu sesi perkongsian pengetahuan mingguan yang boleh disertai secara bersemuka atau dalam talian. Program ini merangkumi topik-topik penting yang berkaitan dengan nilai etika seperti ilmu, integriti, dan akhlak, yang pastinya memberi impak positif terhadap budaya kerja di iCEPS. (**Bukti_2:Latihan_PROCIL_bengkel**)

Sempena sambutan 50 tahun iCEPS, pelbagai aktiviti telah direncanakan dengan teliti untuk memberi manfaat bukan sahaja kepada warga iCEPS, tetapi juga kepada warga UiTM dan masyarakat luar. Antara aktiviti yang dianjurkan termasuk '*Alumni-Home-Coming*', '*International Conference on e-Learning*', '*iCEPS-50th-Years-Exhibition*', dan Malam-Gala 50 Tahun iCEPS, yang sebahagian kos penganjurannya ditaja oleh organisasi luar seperti CelcomDigi, Inai-Republic, Lx Academy dan lain-lain penaja. Melalui program-program ini, ianya bukan sahaja dapat meningkatkan indeks kegembiraan staf, tetapi juga mempertingkatkan kemahiran staf dalam melaksanakan program serta memperkukuhkan kerjasama iCEPS dengan agensi-agensinya dalam dan luar UiTM. (**Bukti_3a:Gambar_Aktiviti_50_Tahun**)

Untuk memupuk budaya inovasi dalam kalangan staf, iCEPS menganjurkan siri pertandingan, termasuk pelbagai pertandingan sempena hari-kemerdekaan, pertandingan video sorotan iCEPS 2023, TikTok-Challenge sempena 50-tahun iCEPS dan pertandingan inovasi antarabangsa eConDev-2023. (**Bukti_3b:Inovasi_eCondev_kemerdekaan_tiktok**)

Pendekatan yang diambil oleh iCEPS dalam memotivasi staf untuk melibatkan diri dan komited terhadap pencapaian objektif jabatan termasuklah pemberian pelbagai insentif seperti baju-korporat, kemudahan klinik-panel, majlis apresiasi-staf, serta anugerah perkhidmatan-cemerlang (APC). (**Bukti 4: Poster_APC**) Selain itu, iCEPS juga sangat mementingkan persekitaran kerja yang kondusif dan selamat. Kemudahan seperti pantri yang

lengkap, dan staf-lounge disediakan untuk menambah keselesaan kakitangan, agar mereka dapat berkhidmat dengan lebih baik. (**Bukti_5:Pantry_lounge**)

SENARAI BUKTI:

1. [F0028_S01_SB02_20241_iCEPS_5.2_Sumber Manusia_Bukti 1_Kepelbagaian Kemahiran Staf iCEPS.pdf](#)
2. [F0028_S01_SB02_20242_iCEPS_5.2_Sumber Manusia_Bukti 2_ProCIL_Latihan dan Bengkel.pdf](#)
3. [F0028_S01_SB02_20243_iCEPS_5.2_Sumber Manusia_Bukti 3_Program dan Aktiviti yang Dijalankan 2023.pdf](#)
4. [F0028_S01_SB02_20244_iCEPS_5.2_Sumber Manusia_Bukti 4_Insentif & Penghargaan Kepada Staf.pdf](#)
5. [F0028_S01_SB02_20245_iCEPS_5.2_Sumber Manusia_Bukti 5_Kemudahan Fasiliti di iCEPS.pdf](#)

5.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

PENGURUSAN SUMBER MANUSIA HOLISTIK MEMACU PRESTASI ORGANISASI

Pengurusan Sumber Manusia yang efisien dan sistematik adalah kunci kejayaan iCEPS sebagai Strategic Business Unit (SBU). Fokus utama adalah pada pengoptimuman sumber manusia dan penjimatan kos.

Pada tahun 2023, iCEPS telah melaksanakan 31 sesi ProCIL. Penceramah terdiri daripada staf iCEPS sendiri. (**Bukti_1:Procil2023**). Program ini meliputi pelbagai bidang seperti keagamaan, ICT, kewangan, kepimpinan, integriti, motivasi, dan kesihatan, yang bertujuan meningkatkan pengetahuan, kepakaran, dan pembentukan sahsiah staf. Penggunaan staf sebagai penceramah membantu mengoptimumkan sumber dan menjimatkan kos latihan, serta **mempertingkatkan kemahiran pelbagai (multi-skill) dan kepakaran (up-skill)**. Selain itu, staf diwajibkan mengikuti latihan selama 42 jam setahun, yang disediakan melalui kursus anjuran jabatan dalam UiTM dan ILD tanpa kos tambahan. Pada tahun 2023, 144 staf (93.5%) berjaya melengkapkan latihan ini, menunjukkan komitmen terhadap pembangunan kerjaya berterusan. (**Bukti_2: Latihan_staf**).

Staf Bendahari mendapat latihan kemahiran dalam pengurusan kewangan dan kursus i-DART bagi mengurus kewangan organisasi dengan cekap, amanah dan berintegriti. Hasil pendapatan iCEPS dapat diurus dengan baik dengan bantuan kepakaran staf ICT membangunkan sistem kewangan seperti *e-CLAIM*, *Short-Course*, e-CONDEV dan pemulangan yuran. Sistem-sistem ini dapat meningkatkan kecekapan, keselamatan, dan kepercayaan pelanggan. (**Bukti_3**). Kerjasama antara jabatan ini dapat meningkatkan penjanaan pendapatan iCEPS.

Dalam usaha mencapai misi dan visi jabatan, iCEPS juga menggalakkan kepatuhan terhadap arahan perkhidmatan dan kewangan dengan meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan mematuhi peraturan dan prosedur yang ditetapkan. HR_Proaktif diwujudkan untuk memastikan semua kakitangan mematuhi standard integriti dan disiplin yang tinggi dalam menjalankan tugas mereka. Melalui pemberian maklumat, teguran, dan peringatan, ia membantu membentuk budaya kerja yang beretika dan bertanggungjawab. (**Bukti_4: HR_Proaktif 2023**)

Pada tahun 2023, 14 staf menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) untuk pencapaian cemerlang dan luar biasa dalam tugas. Anugerah ini bertujuan memupuk budaya kerja cemerlang, berdaya saing, dan memberi motivasi serta pengiktirafan kepada staf. (**Bukti_5a**). Majlis Apresiasi Staf iCEPS yang gemilang diadakan merupakan satu penghargaan jabatan kepada staf. (**Bukti_5b: Gambar_HiTea**)

Pengurusan menyediakan **pakaian seragam** untuk semua staf iCEPS, termasuk di cawangan, untuk **meningkatkan keseragaman, profesionalisme, dan imej organisasi**. Pemakaian seragam ini membantu memberi identiti yang jelas, meningkatkan kebersamaan, kesetiaan, dan motivasi kerja staf, serta berfungsi sebagai **promosi** kepada masyarakat luar. (**Bukti_5c**). Kepercayaan pelanggan dilihat melalui pertambahan enrolmen pelajar, projek khas dan kursus jangka pendek.

Sebanyak 14 program berjaya dilaksanakan sempena sambutan 50 tahun iCEPS, menunjukkan **keupayaan staf dalam pengendalian program** di peringkat jabatan, UiTM, dan antarabangsa. Penggunaan tenaga kerja yang efisien dan semangat kerja berpasukan menyumbang kepada penjimatan kos operasi.

Malam Gala yang diadakan dengan kejayaan penjualan meja dan **tajaan** dari agensi luar berjaya mengurangkan kos penganjuran. Program ini memberikan peluang kepada **staf untuk berhubung dengan pelbagai organisasi**, meningkatkan kemahiran multitasking, beretika, dan berdiplomasi. Pertandingan_TikTok_Challenges memerlukan kepakaran ICT dan penggunaan sosial media berjaya dilaksanakan membuktikan iCEPS mempunyai tenaga kerja yang hebat dan berani kepada cabaran. Hasil video dapat digunakan sebagai alat promosi untuk

iCEPS. Program iCEPS bersama Anak-anak Yatim dapat meningkatkan nilai **empati dan pembangunan modal insan**, menggalakkan tanggungjawab sosial dan kemanusiaan. (**Bukti_5d**). Aktiviti yg dilaksanakan menunjukkan komitmen iCEPS dalam mengurus sumber manusia secara berkesan, menyumbang kepada kejayaan jabatan, penjimatan kos, dan peningkatan imej organisasi.

SENARAI BUKTI :

1. [F0028_S01_SB03_20241_iCEPS_5.3_Sumber Manusia_Bukti 1_ProCIL 2023.pdf](#)
2. [F0028_S01_SB03_20242_iCEPS_5.3_Sumber Manusia_Bukti 2_Rekod Jam Latihan Staf iCEPS.pdf](#)
3. [F0028_S01_SB03_20243_iCEPS_5.3_Sumber Manusia_Bukti 3_Kepakaran Staf ICT.pdf](#)
4. [F0028_S01_SB03_20244_iCEPS_5.3_Sumber Manusia_Bukti 4_HR Proaktif 2023.pdf](#)
5. [F0028_S01_SB03_20245_iCEPS_5.3_Sumber Manusia_Bukti 5_Aktiviti & Penghargaan Kpd Staf iCEPS v3.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

5.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

MEMBINA ORGANISASI UNGGUL MELALUI PEMANTAUAN SUMBER MANUSIA

Staf yang berkemahiran dan berkebolehan sentiasa menjadi tunjang dalam menjayakan visi dan misi iCEPS. Oleh itu, iCEPS amat menitikberatkan keupayaan sumber tenaga manusia dan keperluan kapasiti dengan menilai kemahiran, kemampuan dan tahap perjawatan berdasarkan pengalaman, tahap pendidikan kepakaran, kecekapan dan kelayakan sepanjang tempoh berkhidmat. Pemantauan dan penilaian sumber tenaga manusia di iCEPS bagi staf akademik adalah berdasarkan Sasaran Kerja Tahunan (SKT) didalam myATP dan bagi staf sokongan (tetap) di dalam HR2U (**Bukti_1**: Tangkaplayar_HR2U) sepertimana yang digunakan di keseluruhan sistem UiTM. Untuk staf kontrak pula, penilaian juga dibuat berdasarkan Sasaran Kerja Tahunan (SKT).

Setiap staf juga akan mengisi borang LNPT pada hujung tahun bagi menilai tahap *multitasking* dan *upskilling* yang telah dicapai sepanjang tahun. Ini termasuk penglibatan staf dalam pelbagai jawatankuasa aktiviti atau projek di luar skop kerja hakiki mereka, yang berperanan penting dalam mengasah kemahiran *interpersonal*. Proses ini memastikan setiap staf diberi peluang untuk berkembang secara holistik, di samping menyumbang kepada kejayaan organisasi secara menyeluruh. (**Bukti_2**:LNPT)

Ketua organisasi akan mengadakan mesyuarat dan diskusi bersama staf pada awal tahun untuk mengenalpasti permasalahan yang berulang sepanjang tahun sebelumnya. Sesi ini bertujuan untuk merumuskan **solusi yang efektif serta menyusun strategi** mantap bagi mengurangkan atau mengatasi masalah daripada berulang di masa hadapan. Selain itu, ketua organisasi juga akan mengadakan perjumpaan khusus dengan staf untuk mendengar luahan serta pandangan mereka mengenai aspek pengoperasian. Inisiatif ini penting untuk mengenal pasti dan mengurangkan jurang antara pentadbiran dan pengoperasian, demi meningkatkan kualiti dan keberkesanan hasil dalam organisasi. (**Bukti_3**:CEO_bersama_staf)

Selain itu, pihak pengurusan turut menyediakan Kotak Cadangan Maklum Balas Pekerja di pejabat iCEPS sebagai saluran untuk pekerja menyuarakan aduan, berkongsi idea, serta meluahkan kebimbangan secara anonim. Inisiatif ini bukan sahaja menggalakkan keterlibatan pekerja dalam menyumbang pandangan demi kepentingan bersama, tetapi juga memastikan mereka dapat berbuat demikian tanpa sebarang rasa bimbang atau tekanan. (**Bukti_4**:Kotak_cadangan)

Aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan serta tindakan yang diambil oleh pihak pengurusan akan disusuli dengan pengedaran borang maklum balas untuk diisi oleh staf. Ini bertujuan untuk mengumpulkan pandangan serta cadangan berharga daripada staf, yang kemudiannya akan digunakan sebagai asas kajian semula bagi memperkukuh dan mempertingkatkan lagi mutu pengurusan pada masa hadapan. (**Bukti_5**:Google_Form)

SENARAI BUKTI:

1. [F0028_S01_SB04_SC01_20241_iCEPS_5.4.1_Sumber Manusia_Bukti 1_Penilaian Prestasi di HR2U.pdf](#)
2. [F0028_S01_SB04_SC01_20242_iCEPS_5.4.1_Sumber Manusia_Bukti 2_Borang Penilaian Prestasi Staf Kontrak v2.pdf](#)
3. [F0028_S01_SB04_SC01_20243_iCEPS_5.4.1_Sumber Manusia_Bukti 3_Perjumpaan Bersama Ketua Eksekutif iCEPS.pdf](#)
4. [F0028_S01_SB04_SC01_20244_iCEPS_5.4.1_Sumber Manusia_Bukti 4_Kotak Cadangan iCEPS.pdf](#)
5. [F0028_S01_SB04_SC01_20245_iCEPS_5.4.1_Sumber Manusia_Bukti 5_Contoh Maklum](#)

[Balas iCEPS.pdf](#)

5.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

KESEJAHTERAAN WARGA HASIL PENGURUSAN RISIKO BERKESAN

Pengurusan pentadbiran

Pengurusan iCEPS sentiasa memastikan keperluan kesihatan, keselamatan dan kesejahteraan sumber manusia dengan menangani risiko sumber manusia. Pengurusan risiko sumber manusia di iCEPS adalah di bawah tanggungjawab pengurusan kanan, dengan dibantu oleh Penyelaras Pengurusan Risiko merangkap Ketua Unit Kualiti iCEPS. Mesyuarat Pengurusan dijalankan secara berkala bagi memastikan keberkesanan pengurusan risiko dan merancang tindakan pencegahan, samada sebulan sekali (atau lebih kerap mengikut keperluan dengan mengadakan mesyuarat khas) bagi Mesyuarat Pengurusan Eksekutif (MPE) dan Panel Pengurusan Sumber Manusia, dan tiga kali setahun bagi mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Risiko. (**Bukti_1**: Tangkappayar eRMS yang memaparkan daftar risiko iCEPS dan **Bukti_2** - MPE perbincangan pengurusan risiko).

Pengurusan harta

Bagi memastikan ketelusan sepenuhnya dalam proses perolehan, setiap staf yang terlibat dikehendaki menandatangani borang *integriti pack* setiap tahun. Langkah ini bertujuan untuk memastikan staf sentiasa mematuhi etika integriti dan peka terhadap risiko rasuah serta penyalahgunaan kuasa demi kepentingan peribadi ketika menguruskan urusan perolehan. Selain itu, audit harta juga turut diadakan bagi memastikan aset organisasi diuruskan dengan **telus dan berkesan**, serta menyokong keberlangsungan dan integriti operasi iCEPS. (**Bukti_3**: Borang Integriti & Laporan Audit Harta)

Bagi memastikan peralatan sentiasa berada dalam keadaan yang baik serta mengelakkan sebarang pengabaian yang boleh menyebabkan ketidakseliaman dan risiko keselamatan, pihak pengurusan tegas dalam memastikan setiap staf melaksanakan verifikasi harta tahunan. Tindakan ini bukan sahaja mencegah pengabaian aset yang boleh mengancam keselamatan persekitaran kerja, tetapi juga memupuk sifat tanggungjawab dalam kalangan staf terhadap penjagaan dan pemeliharaan aset yang dimiliki organisasi. (**Bukti_4**: Tangkappayar verifikasi harta)

Pengurusan persekitaran

iCEPS sentiasa memastikan persekitaran pejabat yang selamat dan kondusif untuk staf dengan menyediakan papan tanda keselamatan, serta notis pemberitahuan di kawasan berisiko. (**Bukti_5a**: Gambar notis dan papan tanda keselamatan di sekitar iCEPS). Tambahan pula, bangunan UiTM-MTDC, di mana iCEPS beroperasi, dilengkapi dengan pondok kawalan keselamatan khusus yang bertanggungjawab memeriksa kenderaan keluar masuk. Ini secara tidak langsung memastikan keselamatan warga iCEPS semasa bertugas di pejabat. (**Bukti_5b**: Gambar pondok kawalan keselamatan iCEPS). Selain itu, iCEPS memperkukuhkan lagi langkah keselamatan dengan menyediakan sistem pintu akses yang merekod pergerakan staf dan mengawal kemasukan orang asing, memastikan persekitaran kerja yang lebih selamat dan terjamin.

SENARAI BUKTI :

1. [F0028_S01_SB04_SC02_20241_iCEPS_5.4.2_Sumber Manusia_Bukti 1_Screenshot Sistem eRMS.pdf](#)
2. [F0028_S01_SB04_SC02_20242_iCEPS_5.4.2_Sumber Manusia_Bukti 2_Minit MPE-Pengurusan Risiko v2.pdf](#)
3. [F0028_S01_SB04_SC02_20243_iCEPS_5.4.2_Sumber Manusia_Bukti 3_Borang Integriti iCEPS.pdf](#)

4. [F0028_S01_SB04_SC02_20244_iCEPS_5.4.2_Sumber Manusia_Bukti 4_Borang Verifikasi Harta.pdf](#)
5. [F0028_S01_SB04_SC02_20245_iCEPS_5.4.2_Sumber Manusia_Bukti 5_Notis dan Pondok Kawalan Keselamatan.pdf](#)

5.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

PERSEKITARAN KONDUSIF, WARGA PRODUKTIF

Bagi mewujudkan persekitaran kerja yang kondusif dalam menyokong keperluan staf untuk mencapai kecemerlangan, sinergi, dan integriti, iCEPS telah melaksanakan beberapa **tindakan penambahbaikan** yang bertujuan untuk meningkatkan tahap kegembiraan dan kepuasan staf, termasuk memastikan mereka dapat menyumbang dengan lebih berkesan dan berkualiti.

Inovasi peningkatan kecekapan warga iCEPS

Bahagian IT mengetengahkan inovasi dengan membangunkan chatbot menggunakan *open_source_code* yang mampu menjawab soalan-soalan berulang daripada pelajar, staf&pensyarah. (**Bukti_1:Chatbot**). Hanya soalan yang tidak dapat dijawab oleh chatbot akan dialihkan kepada staf iCEPS untuk tindakan lanjut. Inisiatif ini bukan sahaja mengurangkan beban kerja staf, tetapi juga berpotensi meningkatkan indeks_kebahagiaan_staf dengan mengurangkan tekanan kerja selain menjimatkan kos pengoperasian kerana tidak memerlukan langganan perkhidmatan luar.

Persekitaran kondusif menyokong keseimbangan kehidupan kerja

iCEPS juga mewujudkan *staff-lounge* yang direka untuk mencipta persekitaran yang tenang dan damai. Ruang ini membolehkan warga bersosial dengan rakan sekerja, serta mengeratkan ukhwah. Selain itu, terdapat juga kafe “CampusBean” di dalam bangunan pejabat UiTM-MTDC yang menjadi tempat perjumpaan dan santai bagi staf. Untuk meningkatkan lagi kesejahteraan warga, mesin kopi dll disediakan di pantri, yang boleh menjimatkan masa dalam meningkatkan kecekapan kerja (**Bukti_3: Coffee_Maker**).

iCEPS juga komited dalam memperkasa staf dengan teknologi dan peralatan terkini yang boleh meningkatkan produktiviti kerja(**Bukti_2**). Antara kemudahan yang disediakan termasuk *webcam, headset, simpanan_awan, komputer_riba, printer, desktop, workstation_computer, kamera_digital* dll. Semua ini tersedia untuk dioptimumkan oleh staf dalam menjalankan tugas dan aktiviti harian mereka (**Bukti_4:Perkakasan ICT**) dengan peralatan sentiasa ditambahbaik mengikut keperluan.

Nilai staf

Aktiviti-aktiviti yang mampu menambah nilai dan memperkasa kemahiran staf, sering dianjurkan, contohnya program-program seperti READ@iCEPS (*Book Review*), *FunRun, IceCream Day, High Tea*, serta pelbagai latihan relevan seperti bengkel di ILD, dalam-talian, dan secara fizikal, yang disesuaikan mengikut bidang tumpuan masing-masing untuk meningkatkan kemahiran individu. Kemahiran ini, termasuk nilai kerjasama, perkongsian ilmu, bantu-membantu, dan kepimpinan, dipraktikkan secara efektif dalam melaksanakan tugas harian, yang memastikan kejayaan organisasi secara menyeluruh. (**Bukti_5a:Aktiviti ICEPS**)

Keselamatan

iCEPS memastikan keselamatan di pejabat dengan melindungi aset fizikal&staf yang merangkumi kawalan akses pejabat iCEPS dalam bentuk kad kunci, sistem biometrik dan pengawal keselamatan untuk mengawal dan memantau premis pejabat. Penambahbaikan yang dilaksanakan adalah dengan pembelian peralatan akses pintu bertujuan untuk memastikan keselamatan, peralatan dan persekitaran. (**Bukti_5b**)

SENARAI BUKTI :

1. [F0028_S01_SB04_SC03_20241_iCEPS_5.4.3_Sumber Manusia_Bukti 1_Kemudahan Chat Box.pdf](#)
2. [F0028_S01_SB04_SC03_20242_iCEPS_5.4.3_Sumber Manusia_Bukti 2_Minit MPE ICT.pdf](#)

3. [F0028_S01_SB04_SC03_20243_iCEPS_5.4.3_Sumber Manusia_Bukti 3_Kemudahan di pantri iCEPS.pdf](#)
4. [F0028_S01_SB04_SC03_20244_iCEPS_5.4.3_Sumber Manusia_Bukti 4_Paperwork Beli Alat ICT.pdf](#)
5. [F0028_S01_SB04_SC03_20245_iCEPS_5.4.3_Sumber Manusia_Bukti 5_Nilai Staf & Keselamatan iCEPS.pdf](#)

5.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

WARGA BERSATU, iCEPS TERUS CEMERLANG

Integrasi adalah proses yang menyatupadukan pelbagai kelompok dalam organisasi melalui satu identiti atau nilai bersama. Amalan pembudayaan warga iCEPS dapat dizahirkan apabila integrasi budaya kerja yang cekap berpaksikan nilai ESI secara kolektif sebagai sebuah organisasi dan nilai iDART yang ada pada setiap warga iCEPS diamalkan dan dapat diterapkan. Setiap tahun, penghargaan seperti Majlis Aspirasi Staf dan Anugerah_Khidmat_Cemerlang (APC) diberikan kepada staf berdasarkan prestasi. Pada 2023, iCEPS telah mengadakan Majlis_Apresiasi_Staf dan Pra-Sambutan_50_tahun iCEPS. Majlis gemilang ini adalah sebagai tanda penghargaan dan pengiktirafan kepada staf terhadap tugas dan bidang masing-masing dan kecemerlangan kepada iCEPS. Beberapa anugerah telah disediakan iaitu Anugerah Perkhidmatan Cemerlang, Anugerah Apresiasi Staf (15 Kategori) dan Anugerah Apresiasi Jabatan (3 Kategori). Disamping **meraikan penghargaan** terhadap staf, majlis ini juga diadakan sebagai pra-sambutan 50 tahun iCEPS dan sambutan Hari Kebangsaan Malaysia (**Bukti_1**:Majlis_Apresiasi_iCEPS). Kepakaran yang ada pada staf iCEPS juga diberi perhatian oleh pihak luar dengan kekerapan mereka menerima undangan untuk memberi latihan dan syarahan daripada agensi-agensi luar UiTM seperti Petronas, kolej-kolej yang menjalankan program francais, pihak kerajaan, dan universiti awam lain terutamanya berkaitan pembelajaran digital.

Di iCEPS, pengiktirafan dan penghargaan kepada sumber manusia adalah sangat penting kerana iCEPS perlu memupuk cara kerja korporat atau organisasi swasta bagi membolehkan iCEPS memberi **lonjakan motivasi** kepada seluruh warga iCEPS pelbagai peringkat dan jawatan untuk terus berusaha dengan lebih keras dalam penjana pendapatan, penjimatan dan pencapaian KPI. Untuk memupuk semangat kekitaan, semua staf iCEPS disediakan dengan baju korporat / uniform berlogo iCEPS (F1, polo-shirt dll) yang dipakai semasa mesyuarat, aktiviti dan acara-acara yang dianjurkan oleh iCEPS (**Bukti_2**:Gambar_baju_korporat/uniform), yang sedikit sebanyak membuatkan staf merasa dihargai dan berupaya menjalin semangat setia kawan antara staf. Semangat setiakawan ini juga dipupuk melalui pelbagai aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh kelab rekreasi iCEPS (iRC) setiap tahun seperti aktiviti-aktiviti sambutan di bulan Ramadan, sambutan majlis hari raya, hari keluarga, *team building* dan hari sukan (**Bukti_3**:Gambar_aktiviti_iRC). Sebagai penghargaan, staf iCEPS juga menerima elaun SBU setiap bulan yang juga menjadi pendorong di dalam peningkatan produktiviti kerja. Staf juga diberi elaun bil telefon, ganjaran tahunan, kemudahan kesihatan, kemudahan pinjaman perkakasan ICT dan lain-lain selaras dengan keperluan yang berkaitan.

iCEPS juga aktif menjalankan aktiviti-aktiviti kerjasama luar UiTM. Aktiviti khidmat kemasyarakatan seperti memberi sumbangan kepada golongan asnaf, miskin dan anak-anak yatim melalui program-program **iCEPS Prihatin**, yang juga bertindak memberikan bantuan kepada pelajar dan staf bila diperlukan (**Bukti_4**:Gambar_aktiviti_iCEPS_Prihatin). Pada tahun 2023 iCEPS juga menganjurkan beberapa acara gilang-gemilang yang memberi impak tinggi sempena sambutan 50 tahun iCEPS seperti Pertandingan *Tik Tok Challenge*, Sua Raya dan, Makan Malam Jubli Emas Sambutan 50 Tahun iCEPS yang melibatkan seluruh warga iCEPS. (**Bukti_5**:Gambar_aktiviti_iCEPS_50_tahun). Ini juga diintegrasikan di dalam pembudayaan kerja di mana staf iCEPS diberi kepercayaan dan **peluang bekerjasama** bukan sahaja dengan warga kerja UiTM malah berpeluang berurusan dengan **pihak luar UiTM seperti pihak kementerian, agensi-agensi luar dalam dan luar negara**.

Selain kemudahan-kemudahan dan elaun yang diberikan, penglibatan staf dalam aktiviti-aktiviti yang dijalankan sepanjang berkhidmat secara langsung dapat menaikkan tahap kecekapan staf dan tahap kegembiraan staf juga meningkat dan dapat diraikan tanpa mengeluarkan kos yang tinggi.

SENARAI BUKTI :

1. [F0028_S01_SB05_20241_iCEPS_5.5_Sumber Manusia_Bukti 1 Penghargaan & Sumbangan iCEPS v2.pdf](#)
2. [F0028_S01_SB05_20242_iCEPS_5.5_Sumber Manusia_Bukti 2 Keseragaman staf iCEPS.pdf](#)
3. [F0028_S01_SB05_20243_iCEPS_5.5_Sumber Manusia_Bukti 3 Keprihatinan iCEPS.pdf](#)
4. [F0028_S01_SB05_20244_iCEPS_5.5_Sumber Manusia_Bukti 4 iCEPS Prihatin.pdf](#)
5. [F0028_S01_SB05_20245_iCEPS_5.5_Sumber Manusia_Bukti 5 Sambutan 50 Tahun iCEPS.pdf](#)

KRITERIA 6 : TUMPUAN KEPADA OPERASI

6.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

iCEPS merupakan pusat tanggungjawab yang diberi kepercayaan untuk fokus kepada menyediakan pendidikan dan latihan berkualiti tinggi kepada individu dan profesional yang ingin mengembangkan kemahiran serta pengetahuan mereka. iCEPS menawarkan kursus, seminar dan program latihan yang direka untuk memenuhi **keperluan pendidikan sepanjang hayat** dan perkembangan kerjaya. iCEPS sangat komited bagi menentukan tumpuan pada operasi pengurusan kewangan berada pada tahap yang tinggi dengan memastikan operasi dirancang dengan baik agar pelaksanaan secara berkala dan berterusan dapat dibuat. Kekuatan iCEPS dilihat daripada **keberkesanan operasi dari hasil pengurusan kewangan yang efisien dan efektif** dalam penjana pendapatan dari hasil jabatan pembelajaran jarak jauh, projek khas, kursus jangka pendek dan penjimatan ICT.

Perancangan terlaksana dan mengikut objektif, khususnya pengurusan kewangan merancang strategi jangka panjang dan pendek untuk pengembangan kursus dan perkhidmatan yang menjadi bidang tumpuan laporan pada tahun ini. Penggunaan pelbagai sistem dalam talian bagi memudah cara pengoperasian iCEPS adalah pengurusan rekod hasil, pengurusan bil dan kutipan hutang, pembayaran yuran pelajar dan lain-lain adalah keperluan penggunaan platform yang dapat meningkatkan kecekapan dan produktiviti yang dirancang dengan teliti. Menggunakan kepakaran dalaman untuk pembangunan sistem bukan sahaja menjimatkan kos tetapi juga meningkatkan keupayaan staf untuk respons terhadap perubahan dan cabaran dengan lebih cepat dan efektif. (rujuk bukti 6.2) Setiap sistem yang dibangunkan mempunyai nilai tambah tersendiri dengan slogan “sistem canggih, kewangan mantap”. Antaranya ialah sistem tuntutan syarahan (eClaim), sistem iExam, sistem pengecualian kredit, Sistem_Maklumat_Pensyarah dan sistem pengambilan pelajar yang dapat memudahkan urusan dan pengoperasian iCEPS.

Pelaksanaan memerlukan penggunaan platform yang dapat meningkatkan kecekapan dan produktiviti dirancang dengan teliti. Pengurusan operasi iCEPS fokus pada penyampaian kursus berkualiti tinggi, pengurusan sumber yang efektif, dan penjimatan dalam penggunaan teknologi yang terkehadapan. Pembudayaan teknologi di dalam operasi pengurusan kewangan seperti kutipan hasil dari yuran pelajar, yuran kursus jangka pendek, yuran penyertaan pertandingan dan sebagainya dapat di jana melalui sistem bayaran (*iCEPSPay*) yang menyokong pelbagai kaedah bayaran seperti perbankan internet, kad kredit, dan sebagainya. Kepelembagaan kaedah bayaran memudahkan pelanggan iCEPS membuat bayaran dan secara tidak langsung meningkatkan hasil kutipan dan pelaporan pengurusan kewangan iCEPS dapat dijana dengan lebih efektif dan telus. Jabatan_Projek_Khas dan Pembangunan Perniagaan, iCEPS berperanan dalam menggerakkan dan menjalankan operasi projek khas seperti ECER dan NCER

Pemantauan kewangan adalah aspek penting dalam pengurusan kewangan yang memastikan bahawa institusi iCEPS dapat menjalankan operasi dengan efisien dan mencapai matlamat kewangan yang disasarkan. Pemantauan kewangan yang berkesan di iCEPS melibatkan pelbagai aspek dari pengawasan aliran tanpa tunai, pengelolaan bajet dan audit kepada kepatuhan peraturan dan pengurusan risiko bagi memastikan semua aktiviti kewangan mengikut prosedur dan dasar kewangan yang telah ditetapkan oleh Bendahari UiTM . Dengan pendekatan yang menyeluruh dan bersepadu, iCEPS dapat menguruskan kewangan dengan efisien, memaksimumkan hasil, dan menyokong matlamat strategik institusi secara keseluruhan.

Penambahbaikan sistem-sistem yang dibangunkan sentiasa diberi perhatian dalam memenuhi keperluan jabatan. Pengurusan kewangan yang mampan di iCEPS membawa kepada keupayaan iCEPS untuk menanggung perbelanjaan kos elaun lebih masa, insentif tahunan serta perbelanjaan bagi pembangunan staf dengan tidak bergantung kepada dana kerajaan serta meningkatkan hasil Universiti. Sasaran dan perolehan hasil dapat diunjur dan diurus dengan cekap berdasarkan analisa dari sistem kewangan iCEPS.

6.2 PENDEKATAN (APPROACH)

MEMBANGUN STRATEGI, MENJANA PENDAPATAN

Pendekatan iCEPS dari segi operasi dan pelaksanaan proses-proses utama yang menyokong pelaksanaan inisiatif strategik pengurusan kewangan dapat dilihat dari komitmen pengurusan kanan iCEPS dalam memastikan pengoperasian dilaksanakan dengan cekap dan efektif. Dalam memastikan kutipan dan penerimaan hasil mencapai sasaran, iCEPS telah menggunakan perkhidmatan kewangan dalam talian iaitu razer merchant dimana sebelum ini dikenali sebagai MOLPay. Sistem-sistem iCEPS yang mengandungi proses bayaran seperti Sistem_APEL, Sistem_Pengambilan_Pelajar, Sistem_Kursus_Jangka_Pendek dan sebagainya banyak membantu dari segi penerimaan dan pemantauan hasil (**Bukti_1**:Tangkaplayar_Razer).

Pemetaan KPI/PI 2023 iaitu PI114:Income_generation for Kumpulan_Wang_Amanah from_iCEPS menjadikan iCEPS entiti SBU yang perlu menjana pendapatan bagi kesinambungan pengoperasian iCEPS dan juga membantu universiti menjana pendapatan. iCEPS mempunyai Bahagian Kewangan yang bertanggungjawab dalam mengurus kewangan, termasuk melaporkan pendapatan dan perbelanjaan iCEPS secara bulanan kepada pengurusan kanan di dalam mesyuarat pengurusan eksekutif (MPE) iCEPS dan menguruskan perbelanjaan melalui perbincangan dan kelulusan kertas kerja di mesyuarat tabung Amanah iCEPS (**Bukti_2**: MPE_kertas_kerja Mesyuarat_Tabung_Amanah). Pecahan perbelanjaan pengoperasian iCEPS bagi tahun 2016-2023 adalah seperti yang tertera di **Bukti_3a**. iCEPS berpegang pada prinsip **Jimat_Inovasi_Jana** dan ini dapat dibuktikan perbelanjaan berhemat sepanjang tahun iaitu hasil melebihi perbelanjaan.

Sebagai sebuah entiti SBU, iCEPS tidak lagi menerima sebarang peruntukan kewangan daripada UiTM dan perlu menjana pendapatan sendiri untuk pengoperasian serta menyumbang kembali kepada universiti sebagaimana yang telah ditetapkan. iCEPS telah mengatur strategi penjanaan kewangan dan pendapatan melalui pelbagai kaedah iaitu:

- Peningkatan enrolmen pelajar bagi pelbagai program yang ditawarkan termasuk program usahasama dan francais dalam dan luar negara. (**Bukti_3b**: Enrolmen_Pelajar)
- Kerjasama baik antara iCEPS dan rakan kolaborasi iaitu fakulti-fakulti di UiTM didalam penawaran program akademik yang berdaya saing dan pasaran kerja yang tinggi
- Penambahan jumlah kolej-kolej bersekutu yang menjalankan program UiTM, termasuk merancang usahasama dengan universiti-universiti luar negara melalui *transnational_education*.
- Melalui kecekapan dan kemahiran staf dalam pelbagai bidang, iCEPS berjaya meraih projek mega bernilai RM10,281,500 bagi East_Coast_Economic_Region (ECER) dan North_Corridor_Economic_Region (NCER). Tempoh pelaksanaan projek ECER dan NCER sepanjang tempoh 2022-2023 berjaya menyumbang hasil sebanyak **RM4,610,206.43** kepada tabung iCEPS;
- Peningkatan penjanaan pendapatan melalui penganjuran pelbagai pertandingan, seminar, konferensi akademik beserta kursus jangka pendek dengan penglibatan akademia dalam dan luar negara.
- Kawalan kos operasi dan kos pentadbiran kearah **perbelanjaan berhemat** seiring dengan strategi iCEPS iaitu Jimat_Inovasi_Jana.
- Kecekapan pengendalian kewangan secara dalam talian melalui platform penyedia perkhidmatan kewangan iaitu Razer Merchant yang menyokong pelbagai kaedah bayaran merentas aplikasi memudahkan pengguna melaksanakan bayaran dan meningkatkan hasil terimaan iCEPS

Hasil pendapatan yang dijana, kos yang terlibat secara keseluruhan bagi tabung seliaan iCEPS

mulai tahun 2020 hingga 2023 adalah seperti yang tertera di **Bukti_4a**; dimana 55% disumbangkan kepada universiti seperti yang telah ditetapkan (**Bukti_4b**). Dengan pendekatan pengoperasian yang cekap dan berkesan, iCEPS telah berjaya mengekalkan keuntungan tahunan dan telah mencapai sasaran yang telah ditetapkan serta mencatat keuntungan sebanyak 10% pada tahun 2023 (**Bukti_5**). Kadar ini adalah baik untuk pasca-pandemik memandangkan keuntungan tinggi yang tercatat pada 2021 dan 2022 adalah semasa pelaksanaan bukan fizikal. Pencapaian konsisten iCEPS ini didorong oleh beberapa faktor seperti kecekapan pengurusan rekod hasil, penggunaan teknologi dalam memudahcara kutipan hasil dan sokongan padu pengurusan dalam menjana pendapatan melalui pelbagai projek dan inisiatif.

SENARAI BUKTI:

1. [F0028_O01_OB02_20241_iCEPS_6.2_Operasi_Bukti_1.pdf](#)
2. [F0028_O01_OB02_20242_iCEPS_6.2_Operasi_Bukti_2.pdf](#)
3. [F0028_O01_OB02_20243_iCEPS_6.2_Operasi_Bukti_3a&3b.pdf](#)
4. [F0028_O01_OB02_20244_iCEPS_6.2_Operasi_Bukti_4a&4b.pdf](#)
5. [F0028_O01_OB02_20245_iCEPS_6.2_Operasi_Bukti_5.pdf](#)

6.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

MEMPERLUAS PENGOPERASIAN CEMERLANG, MEMAKSIMALKAN PENJIMATAN

Dalam pengoperasian iCEPS, pemantauan kewangan yang berkesan melibatkan pelbagai aspek, termasuk pengawasan aliran tanpa tunai, pengelolaan-bajet, audit, serta kepatuhan terhadap peraturan dan pengurusan risiko bagi memastikan bahawa semua aktiviti kewangan mematuhi prosedur dan dasar yang ditetapkan oleh Bendahari-UiTM. Dengan ini, iCEPS dapat menguruskan kewangan dengan efisien, memaksimumkan hasil, dan menyokong matlamat strategik secara keseluruhan. Untuk meningkatkan kecekapan dan produktiviti, Bahagian-ICT telah merancang pembelian keperluan perkakasan dan perisian ICT dengan teliti bagi setiap jabatan di iCEPS. Setiap permohonan akan ditapis dan disemak untuk memastikan keperluannya, mengelakkan pembaziran sebelum dibincangkan dalam Mesyuarat Pengurusan Eksekutif (MPE) iCEPS untuk semakan dan kelulusan. Setelah mendapat kelulusan MPE dan peruntukan, proses perolehan akan dilaksanakan melalui sistem *FineProcurement*. (**Bukti_1a&1b**)

Penggunaan sistem-sistem sokongan iCEPS juga menyumbang kepada **penjimatan kos operasi**. Pembangunan sistem aplikasi di iCEPS adalah secara *in-house* dibangunkan oleh staf sokongan teknikal tanpa melibatkan sebarang kos. Antara pembangunan dan penambahbaikan yang memberi impak besar kepada operasi iCEPS adalah platform sistem pembelajaran dalam-talian yang merupakan sistem utama pembelajaran universiti, Sistem UFUTURE (**Bukti_2a**). Sistem-sistem sokongan lain juga dibangunkan bagi membantu dalam melancarkan pengoperasian iCEPS. Diantaranya pengintegrasian antara sistem aplikasi iCEPS dan Razer iaitu sistem pembayaran secara dalam-talian (**Bukti_2b**) dalam pengoperasian pengurusan kewangan iCEPS melibatkan proses-proses utama seperti Sistem *Short Course*, Sistem pengambilan pelajar iCEPS, Sistem APEL A dan APEL C dan Sistem Pendaftaran Pertandingan Inovasi (**Bukti_2c**).

Bagi memastikan kelancaran operasi yang cekap dan berkesan, iCEPS memberi fokus yang mendalam terhadap perkembangan akademik dan komitmen untuk mencapai objektif pembangunan serta kesinambungan dalam pendidikan dan program profesional secara berterusan. Melalui Jabatan_Pendidikan_Jarak_Jauh_(JPJJ) yang menguruskan operasi pengajaran dan pembelajaran bagi pelajar separuh masa semua fakulti di seluruh cawangan UiTM serta 12 kolej bersekutu. JPJJ juga secara aktif merancang untuk menambah bilangan program di seluruh negara serta memperluas usahasama dengan kolej bersekutu dan universiti luar negara melalui Jabatan_Pendidikan_Transnasional(TNE). Strategi ini bukan sahaja bertujuan untuk meningkatkan enrolmen pelajar setiap semester (**Bukti_3a**) tetapi juga menyumbang kepada penjanaan pendapatan utama iCEPS. (**Bukti_3b**)

Jabatan_Projek_Khas_dan_Pembangunan_Perniagaan, iCEPS berperanan dalam menggerakkan dan menjalankan operasi projek khas seperti *East_Coast_Economic_Region_(ECER)* dan *Northern_Corridor_Economic_Region_(NCER)*. Selain di Shah Alam, jabatan ini juga mempunyai beberapa cawangan seperti di Kelantan, Kedah/Perlis dan Perak/Pulau Pinang. Melalui jabatan ini, iCEPS telah memperoleh keseluruhan nilai kontrak yang diterima daripada **ECER** bagi tempoh 2018 sehingga 2023 adalah sebanyak **RM31.12juta** dan **NCER** bagi tempoh 2020 sehingga 2023 adalah sebanyak **RM16.23 juta**. Melalui projek-projek utama ini, iCEPS telah melaksanakan pelbagai program latihan yang memberi impak besar serta menyumbang kepada pendapatan yang memberangsangkan bagi iCEPS. (**Bukti_4**)

iCEPS, melalui Jabatan Pendidikan Lanjutan, telah menganjurkan dan menawarkan pelbagai kursus jangka pendek, konferensi, serta pertandingan seperti eConDev dan iCEL STELLAR yang melibatkan peserta dari dalam dan luar negara. Penganjuran program-program ini membolehkan iCEPS meningkatkan jumlah penyertaan dan pendapatan melalui pembangunan

sejarah pengajaran dan pembelajaran, temaan e pembelajaran, komuniti, dan keruas keruas jangka pendek. Kursus-kursus jangka pendek yang ditawarkan di iCEPS meliputi pelbagai tajuk dan bidang, dari yang berimpak rendah hingga tinggi, dengan latar belakang tenaga pengajar yang bervariasi. (**Bukti_5**)

SENARAI BUKTI :

1. [F0028_O01_OB03_20241_iCEPS_6.3_Operasi_Bukti_1a&1b.pdf](#)
2. [F0028_O01_OB03_20242_iCEPS_6.3_Operasi_Bukti_2a-2c.pdf](#)
3. [F0028_O01_OB03_20243_iCEPS_6.3_Operasi_Bukti_3a&3b.pdf](#)
4. [F0028_O01_OB03_20244_iCEPS_6.3_Operasi_Bukti_4.pdf](#)
5. [F0028_O01_OB03_20245_iCEPS_6.3_Operasi_Bukti_5.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

6.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

KEWANGAN TERURUS, PRESTASI CEMERLANG

Setiap proses pengoperasian di iCEPS dijalankan dan dipantau dengan telus, di mana seluruh proses pengambilan pelajar dikendalikan sepenuhnya melalui sistem pembangunan dalaman yang direka khas dan diselenggara secara berterusan oleh pasukan teknikal iCEPS. Ini memastikan kelancaran dan ketepatan dalam pemprosesan maklumat pelajar, serta **memperkukuhkan kepercayaan terhadap integriti dan kecekapan iCEPS dalam menguruskan dan memantau data penting.**

Dalam usaha untuk menarik lebih ramai pelajar menyertai iCEPS, strategi promosi dilaksanakan secara berterusan dan diselenggarakan dengan kerjasama rapat bersama **pelbagai jabatan kerajaan dan badan berkanun.** Usaha-usaha ini diperkukuhkan lagi dengan jemputan dari pihak sekolah untuk mempromosikan program-program yang ditawarkan, terutama sekali program baru dan program yang mendapat sambutan hangat di kalangan bakal pelajar. Promosi yang dilaksanakan tidak hanya bertujuan menarik lebih ramai pelajar, tetapi juga untuk memperkenalkan **peluang pendidikan yang relevan** dan menjanjikan masa depan cerah kepada industri. (**Bukti_1**)

Hasil daripada pemantauan teliti terhadap operasi ini, terdapat peningkatan ketara dalam jumlah permohonan pelajar separuh masa, yang jelas mencerminkan kejayaan kolaborasi erat dengan pihak industri dan keberkesanan strategi promosi yang dijalankan. Penggunaan sistem yang seragam dalam keseluruhan proses ini tidak hanya memudahkan pemantauan dan semakan data pemohon, malah turut memberikan kemampuan kepada iCEPS untuk **menganalisis secara terperinci impak promosi** yang dijalankan, seterusnya memperbaiki pendekatan dan strategi bagi mencapai hasil yang lebih baik.

Pemantauan pensyarah sambilan di iCEPS adalah kunci kejayaan pendidikan dan perkembangan profesional. Dengan *LF Statistic* dalam sistem UFuture, iCEPS mengurus dan menilai prestasi pensyarah dengan berkesan, memastikan pengurusan bahan kursus dan penilaian pelajar yang cemerlang. Sistem ini juga memperbaiki aspek kewangan, memudahkan pengiraan pembayaran pensyarah berdasarkan prestasi mereka, dan meningkatkan pengurusan kewangan secara keseluruhan. (**Bukti_2**)

Sistem pembayaran pensyarah sambilan di iCEPS juga menawarkan kelebihan signifikan dalam pengurusan kewangan dan akademik. Ia memastikan pensyarah dibayar tepat pada masanya dan menyediakan penyimpanan serta pengurusan data pembayaran yang komprehensif. Sistem ini mempermudah akses kepada rekod pembayaran, audit, dan laporan kewangan, serta memperbaiki pengurusan kewangan dan perancangan belanjawan. Pensyarah juga boleh mengakses maklumat pembayaran dalam talian, memudahkan penyemakan dan pengurusan tanpa perlu berurusan secara manual dengan bahagian kewangan. (**Bukti_3**, **Bukti_4** dan **Bukti_5**)

SENARAI BUKTI:

1. [F0028_O01_OB04_OC01_20241_iCEPS_6.4.1_Operasi_Bukti_1.pdf](#)
2. [F0028_O01_OB04_OC01_20242_iCEPS_6.4.1_Operasi_Bukti_2.pdf](#)
3. [F0028_O01_OB04_OC01_20243_iCEPS_6.4.1_Operasi_Bukti_3.pdf](#)
4. [F0028_O01_OB04_OC01_20244_iCEPS_6.4.1_Operasi_Bukti_4.pdf](#)
5. [F0028_O01_OB04_OC01_20245_iCEPS_6.4.1_Operasi_Bukti_5.pdf](#)

6.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

PEMANTAPAN PENGOPERASIAN RISIKO YANG INKLUSIF DAN SELAMAT

Untuk memastikan operasi pengurusan kewangan kerja yang efektif dan produktif di iCEPS, langkah-langkah penting perlu diambil bagi mengenalpasti risiko, menjalankan pengukuran dengan tepat, diikuti pelaksanaan tindakan pengurangan risiko kewangan secara berkesan. Kawalan risiko kewangan diteliti dan dilaporkan kepada Jawatankuasa Pengurusan Risiko bagi dibincangkan dan diatasi dengan segera. Keupayaan kewangan dan risiko-risiko dari segi aspek dan fungsi iCEPS perlu diukur bagi mengurangkan kesan yang boleh mengganggu pencapaian operasi kerja. Pengurusan risiko dibudayakan melalui pemahaman secara mendalam. Profil risiko dan prestasi pengurusan risiko kewangan dikaji semula secara berkala, dan aktiviti pengurusan risiko mesti mematuhi peraturan serta garis panduan universiti. Pengurusan risiko operasi di iCEPS adalah dibawah tanggungjawab kepimpinan kanan, dengan dibantu oleh Penyelaras Pengurusan Risiko merangkap KUK melalui sistem eRMS (**Bukti_1**).

Mengambil kira risiko yang wujud semasa pelaksanaan ePJJ, projek khas, dan kursus pendek, adalah penting untuk mengenal pasti dan mengatasi risiko kewangan lebih awal melalui perbincangan dalam mesyuarat (**Bukti_2**). Ini membolehkan pengurusan risiko dilakukan dalam tempoh masa yang singkat tanpa mengganggu pengoperasian pelaksanaan dan tambahan kewangan operasi .

Risiko kewangan dapat dikurangkan melalui penggunaan pengkomputeran awan (cloud) oleh Sistem UFUTURE dan sistem kewangan Razer. Risiko penggunaan teknologi cloud memberi ancaman siber jika sistem kewangan digodam tetapi dapat dikawal melalui pemasangan firewall dan konfigurasi keselamatan yang terkini di persekitaran awan (*cloud*). Penetapan ciri-ciri keselamatan di cloud adalah merujuk kepada Dasar Keselamatan ICT UiTM (**Bukti_3**).

Antara sistem lain yang memberi impak jika gagal diakses termasuk eClaim (Sistem Tuntutan Syarahan), APEL, Sistem Kursus Jangka Pendek, serta Sistem Pemantauan MOOC dan MC (MicroCredential). Sistem-sistem ini berkait rapat dengan proses Penyampaian dan Pembelajaran (P&P). Dalam konteks ini, kesiapsiagaan staf teknikal iCEPS untuk mengambil tindakan segera adalah penting bagi menangani risiko tersebut dengan efektif (**Bukti_4**).

Risiko enrolmen pelajar daftar mengikuti program ePJJ, kursus jangkapendek juga boleh memberi implikasi kepada kewangan. iCEPS sentiasa memastikan jumlah pelajar berdaftar akan sentiasa memberi pendapatan kepada iCEPS dan UiTM khususnya. Menerusi pengoperasian projek khas, risiko pembiayaan projek tidak diperolehi juga boleh berlaku apabila sasaran dan KPI yang ditetapkan pemegangtaruh tidak dicapai. Perancangan dan mitigasi akan dilaksanakan supaya pembiayaan dapat dijana sepenuhnya (**Bukti_5**).

SENARAI BUKTI :

1. [F0028_O01_OB04_OC02_20241_iCEPS_6.4.2_Operasi_Bukti_1.pdf](#)
2. [F0028_O01_OB04_OC02_20242_iCEPS_6.4.2_Operasi_Bukti_2.pdf](#)
3. [F0028_O01_OB04_OC02_20243_iCEPS_6.4.2_Operasi_Bukti_3.pdf](#)
4. [F0028_O01_OB04_OC02_20244_iCEPS_6.4.2_Operasi_Bukti_4.pdf](#)
5. [F0028_O01_OB04_OC02_20245_iCEPS_6.4.2_Operasi_Bukti_5.pdf](#)

6.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

OPERASI EFISIEN, HASIL MAKSIMUM

Hasil pemantauan perlu dikaji dan diambil tindakan bagi menambahbaik proses dan operasi sedia ada dalam merancang inisiatif akan datang. Antara inisiatif yang telah dilaksanakan adalah

1. Pengautomasian proses kewangan

Pengautomasian proses kewangan melalui integrasi antara sistem kewangan iCEPS dan sistem kewangan universiti iaitu sistem FAIS dan juga platform perkhidmatan kewangan iaitu Razer Merchant untuk pengurusan transaksi yang lebih cepat, tepat dan automatik.

(**Bukti_1**: Tangkaplayar_razer, sistem fais, sistem intake, short_course)

2. Diversifikasi sumber pendapatan

Pembangunan dan penawaran program yang selari dengan permintaan pasaran. Kolaborasi bersama fakulti dalam penawaran program pendidikan jarak jauh dan transnasional yang menawarkan peluang pekerjaan yang tinggi dan memenuhi keperluan pasaran.

(**Bukti_2**: Tangkaplayar program diploma dan degree yang ditawarkan iCEPS) Kolaborasi bersama agensi luar UiTM bagi penawaran kursus jangka pendek yang disesuaikan dengan keperluan semasa yang boleh menjana pendapatan tambahan. (**Bukti_3**: MOU/MOA) Hasil pelaburan juga dipantau untuk memastikan iCEPS sentiasa mengambil tindakan pro-aktif dan terbaik dalam usaha pengurusan kewangan (**Bukti_4**).

3. Pengurangan Kos yang Berkesan

(i) Pembangunan Sistem Secara In-House. - Sistem e-pembelajaran universiti (UFUTURE) dan sistem sokongan iCEPS dibangunkan dengan kepakaran dalaman menggunakan perisian sumber terbuka sebagai langkah penjimatan untuk mengurangkan kos pelesenan dan perkhidmatan luar. (**Bukti_5a**: Tangkaplayar_sistem)

(ii) Pengurangan kos melalui teknologi hijau - Penyimpanan dokumen dalam storan awan iaitu synology adalah satu langkah yang semakin relevan dalam era digital. Penerapan teknologi hijau melalui penyimpanan dokumen dalam storan awan bukan sahaja membantu mengurangkan kos operasi dengan ketara tetapi juga menyokong usaha kelestarian dan tanggungjawab sosial. (**Bukti_5b**: Synology)

4. Pelaporan dan analisis kewangan berkala

(i) Pengukuhan Kawalan Dalaman iaitu audit berkala bagi mengenal pasti dan membetulkan sebarang kelemahan berkaitan kewangan. Pelaporan Kewangan yang lebih terperinci dibentangkan di mesyuarat pengurusan iCEPS dan juga mesyuarat tabung Amanah iCEPS bagi melihat prestasi kewangan semasa. (**Bukti_5c**: Minit_MPE/Tabung_Amanah)

(ii) Pemantauan dan penilaian berterusan melalui penetapan KPI yang jelas bagi mengoptimumkan prestasi kewangan keseluruhan, seperti margin keuntungan, pulangan pelaburan, dan kos operasi. (**Bukti_5d**: Doc_ PI/KPI)

(iii) Penilaian Risiko Kewangan dilakukan secara berkala untuk mengenal pasti dan mengurus risiko yang boleh menjejaskan kestabilan kewangan iCEPS. Risiko-risiko berkaitan telah didaftarkan sebagai menentukan punca, kaedah kawalan, impak dan juga tindakan kawalan oleh iCEPS. (**Bukti_5e**: Daftar_risiko)

SENARAI BUKTI :

1. [F0028_O01_OB04_OC03_20241_iCEPS_6.4.3_Operasi_Bukti_1.pdf](#)
2. [F0028_O01_OB04_OC03_20242_iCEPS_6.4.3_Operasi_Bukti_2.pdf](#)
3. [F0028_O01_OB04_OC03_20243_iCEPS_6.4.3_Operasi_Bukti_3.pdf](#)
4. [F0028_O01_OB04_OC03_20244_iCEPS_6.4.3_Operasi_Bukti_4.pdf](#)
5. [F0028_O01_OB04_OC03_20245_iCEPS_6.4.3_Operasi_Bukti_5a-5e.pdf](#)

6.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

INTEGRASI OPTIMUMKAN HASIL BERKUALITI: LANGKAH KEARAH KECEKAPAN DAN KEBERHASILAN

Konsep Integrasi Sumber Operasi merangkumi pendekatan strategik di mana sumber yang ada digabungkan dan digunakan secara optimum bagi menghasilkan hasil yang berkualiti tinggi. Integrasi ini bukan sahaja melibatkan sumber fizikal seperti peralatan dan bahan, tetapi juga sumber manusia, maklumat, dan teknologi. iCEPS sentiasa berusaha melangkah ke depan dalam bidang pengurusan kewangan seiring dengan perkembangan teknologi semasa; samada untuk **pelajar/ peserta dalam dan luar UiTM. (Bukti_1a)**. Melalui setiap operasi yang dijalankan, iCEPS sentiasa memastikan setiap pengoperasian menghasilkan kerja yang berkualiti dan optimum; dengan sistem-sistem kewangan yang dibangunkan menjangkau kegunaannya di luar UiTM melalui **sistem pembayaran untuk peserta luar dll.(Bukti_1b)**

Integrasi operasi telah mewujudkan pembudayaan proses penggabungan pelbagai sumber di keseluruhan ekosistem dalaman iCEPS seperti integrasi Bahagian IT dan jabatan-jabatan lain dalam mewujudkan sistem yang boleh mengoptimumkan operasi dan **penjimatan dari segi kewangan** bagi mencapai tujuan yang ditetapkan(**Bukti 2**). Ini termasuk pengurusan aliran kerja, penyelarasan aktiviti antara jabatan, dan penggunaan teknologi maklumat untuk meningkatkan kecekapan. Dengan kata lain, integrasi ini bertujuan untuk mengurangkan pembaziran, memperbaiki aliran kerja, dan memastikan semua elemen dalam operasi berfungsi secara sinergistik. Inovasi penggunaan sistem dalam-talian yang dibangunkan secara *in-house* sebagai platform sokongan bagi melancarkan pengoperasian iCEPS telah digunapakai sejak sekian lama dan telah diterima pakai sebagai budaya kerja, lebih-lebih lagi kerana iCEPS mempunyai Bahagian_ ICT yang berkemahiran dan sangat efisien dalam melaksanakan pembangunan sistem ICT mengikut keperluan.

Demi memastikan kecemerlangan operasi pengurusan platform pembelajaran dalam talian, Bahagian_ ICT sentiasa peka dengan cadangan penambahbaikan yang diutarakan oleh pengguna sejak mula digunapakai. Melalui penambahbaikan yang sentiasa dikemaskini, UFUTURE akan terus relevan digunapakai bukan sahaja di kalangan warga UiTM sahaja tetapi meluas kepada **seluruh dunia melalui pengoperasian MOOC dan MicroCredential (Bukti_3)**. Semua cadangan penambahbaikan diteliti kepentingan serta keperluannya dan dibawa kepada pengurusan BHEA untuk semakan dan boleh diterima pakai di UiTM sebelum ditugaskan kepada staf iCEPS untuk proses selanjutnya. Tugas disiapkan mengikut jangkamasa yang ditetapkan dan diuji dahulu sebelum dimaklumkan kepada pengguna sistem untuk digunapakai secara meluas, termasuk untuk pelajar TNE luar negara (Mauritius&Iraq) .

Integrasi sumber dan pengoptimuman kualiti menerusi hubungan sinergi dalam kebersamaan penganjuran program dan aktiviti projek khas diukur melalui penglibatan bersama pemegangtaruh bagi program Akademik dan Latihan Kemahiran&Keusahawanan bersama Jabatan_Pendidikan_Negeri (JPN), Pejabat_Daerah_dan_Tanah, Kolej_Komuniti dan UiTM Cawangan Kelantan, Pulau Pinang dan Perak bagi mengoptimumkan penggunaan sumber-sumber yang ada secara lebih efektif seperti fasiliti, tenaga pengajar, dan modul & bahan pembelajaran, tanpa perlu membelanjakan dan mengeluarkan dana tambahan. Integrasi ini membuka peluang untuk membina hubungan yang lebih kukuh bagi memberi manfaat tambahan dalam bentuk peluang kerjasama di masa hadapan. Integrasi dengan pemegang taruh ini adalah punca utama kejayaan iCEPS dalam mencapai KPI projek dan penjanaan kewangan (**Bukti_4**).

iCEPS juga telah mengambil langkah yang proaktif bagi inovasi pembangunan sistem sokongan yang dibangunkan secara *in-house* untuk menyokong operasi-operasi utama. Ini secara langsung banyak membantu dalam usaha meningkatkan hasil kewangan iCEPS melalui **aktiviti-aktiviti tumpuan penjanaan kewangan**, seperti yuran pelajar e-PJJ, APEL, hasil dari kolej-kolej bersekutu, hasil dari projek khas, hasil dari pembangunan bahan P&P dll (**Bukti_5**), dengan digunapakai di luar UiTM.

SENARAI BUKTI :

1. [F0028_O01_OB05_20241_iCEPS_6.5_Operasi_Bukti_1.pdf](#)
2. [F0028_O01_OB05_20242_iCEPS_6.5_Operasi_Bukti_2.pdf](#)
3. [F0028_O01_OB05_20243_iCEPS_6.5_Operasi_Bukti_3.pdf](#)
4. [F0028_O01_OB05_20244_iCEPS_6.5_Operasi_Bukti_4.pdf](#)
5. [F0028_O01_OB05_20245_iCEPS_6.5_Operasi_Bukti_5.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.1 HASIL UTAMA 1

Hasil Dari Prestasi Kewangan - Penjanaan Pendapatan dari Yuran Pelajar

7.1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

iCEPS merupakan sebuah institut di Universiti Teknologi MARA yang dipertanggungjawabkan untuk menawarkan program-program separuh masa Diploma dan Sarjana Muda di kampus Shah Alam dan kampus-kampus cawangan UiTM seluruh Malaysia; selain menjalankan kerjasama dengan 12 kolej-kolej bersekutu seluruh Malaysia untuk pelbagai program. Tujuan utama iCEPS dalam menjalankan program-program tersebut adalah ke arah usaha penjanaan kewangan bagi pengoperasian iCEPS dan sumbangan kepada UiTM sebagaimana yang telah ditetapkan oleh universiti. Daripada segi pelanggan, fokus untuk program ePJJ adalah daripada golongan yang telah bekerja tetapi berminat untuk menyambung pengajian di peringkat yang lebih tinggi, manakala untuk kolej-kolej bersekutu pula, golongan pelajar adalah terdiri dari pelbagai latar belakang, termasuk pelajar-pelajar B40 atau yang kurang berkemampuan. Dari sudut ini, iCEPS juga menyediakan bantuan khas pendidikan untuk pelajar kurang berkemampuan termasuk Program Musaadah dan Bantuan Insentif Pendidikan KKB. iCEPS sentiasa menggerakkan strategi untuk menambah bilangan program separuh masa yang ditawarkan dari masa ke masa, dan terkini, iCEPS telah membuat penambahan sebanyak 93 program separuh masa dan merancang untuk menambah 8 lagi bilangan kolej usahasama. Urusan perjalanan dan operasi program-program separuh masa di terajui oleh Pengarah Jabatan Pembelajaran Jarak Jauh dengan sokongan 27 orang staf; termasuk cawangan iCEPS seluruh Malaysia yang menawarkan program separuh masa. Penambahbaikan berterusan sentiasa diambilkira dan dipantau melalui prosedur-prosedur sedia ada UiTM melalui mesyuarat-mesyuarat yang dijalankan seperti Mesyuarat Jawatankuasa Akademik iCEPS (JAI), Mesyuarat Pengurusan Eksekutif, Mesyuarat Tabung Amanah iCEPS dan lain-lain. Pengurusan dan penjanaan kewangan yang mampan berjaya dihasilkan berteraskan pendekatan perancangan dan pelaksanaan yang cekap dan efektif, dengan disokong oleh staf yang sentiasa bekerjasama dalam memastikan setiap KPI dan keperluan penjanaan kewangan iCEPS yang telah ditetapkan dari tahun ke tahun tercapai. Ini membolehkan iCEPS berjaya menjana pendapatan keseluruhan sebanyak lebih **RM42.3 juta pada tahun 2023** (sebelum hasil pelaburan diagihkan sebanyak RM3.2 juta kepada pengurusan UiTM setelah penstrukturan semula hasil bendahari 2023), dengan hasil daripada yuran pelajar sahaja, iaitu **e-PJJ sebanyak RM33 juta** dan dari **kolej-kolej bersekutu sebanyak RM1.23 juta**. Daripada segi jumlah peruntukan dan perbelanjaan bagi Tabung Jaminan Kualiti KKB pula, walaupun menunjukkan kenaikan, ia masih dalam peratusan rendah iaitu sekitar 32% berbanding pendapatan RM1.3 juta meningkat dari RM77,134.94 pada 2022 ke RM397,597.88 pada 2023 yang menunjukkan **kemampuan iCEPS dalam pengurusan kewangan** walaupun berhadapan pelbagai cabaran yang memberi kesan kepada ekonomi global akibat perubahan fasa pasca pandemik.

7.1.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H1_F0028_HB02_20241_iCEPS_AKNC2024_hasil utama 1_TAHAP_7.1.2.pdf](#)

7.1.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H1_F0028_HB03_20242_iCEPS_AKNC2024_hasil utama 1_TREN_7.1.3.pdf](#)

7.1.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H1_F0028_HB04_20243_iCEPS_AKNC2024_hasil utama 1_TANDAARAS_7.1.4.pdf](#)

7.1.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H1_F0028_HB05_20244_iCEPS_AKNC2024_hasil utama 1_KEPENTINGAN_7.1.5.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.2 HASIL UTAMA 2

Hasil Dari Tumpuan Pelanggan - Projek Khas NCER & ECER dan Kursus Jangka Pendek

7.2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

iCEPS melalui Jabatan Projek Khas & Pembangunan Perniagaan merupakan Institusi di bawah Universiti Teknologi MARA (UiTM) yang diamanahkan oleh Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) dan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) untuk menjalankan program pembangunan modal insan yang memberi impak besar kepada masyarakat pantai timur dan utara Malaysia. Program *empower* dirangka dengan matlamat untuk mempertingkatkan dan memperkasakan penduduk di pantai timur melalui Latihan Akademik dan Latihan Kemahiran dan Keusahawanan. Keseluruhan nilai kontrak yang diterima daripada ECERDC dan NCIA bagi tempoh 2019 sehingga 2023 adalah sebanyak **RM26.57 juta**. Menerusi Latihan Akademik, program-program yang dijalankan telah membantu para pelajar daripada golongan B40 mengukuhkan pencapaian prestasi akademik sebagai persediaan menempuh peperiksaan SPM. Program latihan akademik ini adalah program yang menasaskan pelajar-pelajar sekolah luar bandar dari kalangan pelajar lemah akademik yang kesemuanya adalah dari keluarga B40. Bagi tahun 2023, seramai **2,800 pelajar dari 14 daerah** yang terpilih untuk menyertai program ini. Manakala menerusi program latihan kemahiran dan keusahawanan, program pembangunan modal insan yang dijalankan dapat membantu golongan B40 (golongan usahawan kecil atau yang tidak bekerja) dari **pelbagai peringkat umur merangkumi 8 kawasan**. Bagi tahun 2023, seramai **577 peserta telah terpilih daripada 8 daerah** untuk menyertai program ini. Program ini telah membantu menukar status ekonomi peserta yang asalnya tidak bekerja menjadi usahawan kecil dan sederhana. Dengan pencapaian yang signifikan ini, iCEPS terus komited dalam menjalankan program pembangunan modal insan yang berkualiti, bertujuan meningkatkan taraf hidup dan peluang ekonomi masyarakat di pantai timur dan utara Malaysia.

iCEPS melalui Jabatan Pendidikan Lanjutan (JPL) bertanggungjawab dalam pembangunan bahan pengajaran dan pembelajaran, termasuk penawaran kursus-kursus jangka pendek yang merangkumi kursus berimpak rendah hingga berimpak tinggi, Kursus Pensijilan (*Certification*) serta penganjuran konferensi dan seminar. Pada masa yang sama iCEPS menyokong pelaksanaan kursus-kursus yang dijalankan oleh jabatan lain atau organisasi luar selain daripada Universiti Teknologi MARA melalui kursus-kursus ini dan penawaran program professional, sijil annex dll. Bagi penjana kewangan menerusi pembangunan bahan pengajaran dan pembelajaran, fokus huraian hasil untuk pelaporan AKNC ini adalah untuk kursus jangka pendek dan konferensi sahaja, kerana kekangan ruang pelaporan untuk penghuraian semua aktiviti terlibat. Kursus jangka pendek dijalankan bertujuan meningkatkan **pengetahuan, kemahiran dan pembangunan profesional peserta** serta dapat memanfaatkan universiti dengan menggunakan fasiliti dan tenaga pengajar yang terdiri daripada ahli akademik universiti. Kursus dan tajuk/topik yang dibangunkan dan dipilih telah mengambilkira keperluan peserta dan kehendak pasaran diperlukan oleh organisasi yang memohon kursus.

Jabatan ini juga mempunyai kemudahan peralatan dan ruang yang lengkap untuk melaksanakan aktiviti dan projek yang telah diamanahkan, yang diukur pencapaiannya dalam sebahagian dari KPI iCEPS mengikut yang dipetakan kepada *Strategic Action Plan* UiTM2025. Antara kemudahan peralatan dan ruang yang digunapakai termasuk *workstation* dan komputer yang lengkap dengan Lenovo dan *Alienware workstation*, MacPro, iMac; dan bilik rakaman(studio) yang lengkap dengan keperluan perkakasan, perisian dan peralatan. Hasil penjana kewangan yang dilaporkan adalah yang ketiga tertinggi selepas hasil pelajar separuh masa, KKB dan projek khas, iaitu **RM236,216.06**, tahun 2023.

7.2.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H2_F0028_HB02_20241_iCEPS_AKNC2024_hasil utama 2_TAHAP_7.2.2 \(1\).pdf](#)

7.2.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H2_F0028_HB03_20242_iCEPS_AKNC2024_hasil utama 2_TREN_7.2.3 \(1\).pdf](#)

7.2.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H2_F0028_HB04_20243_iCEPS_AKNC2024_hasil utama 2_TANDA ARAS_7.2.4 \(1\).pdf](#)

7.2.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H2_F0028_HB05_20244_iCEPS_AKNC2024_hasil utama 2_KEPENTINGAN_7.2.5 \(1\).pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.3 HASIL UTAMA 3

Hasil Dari Operasi - Penjimatan Kos Melalui Pembudayaan Teknologi

7.3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

iCEPS merupakan entiti akademik yang bernaung di bawah Pejabat TNCAA dan berstatus Strategic Business Unit (SBU). **(What)** Sebagai sebuah SBU, iCEPS menjana pendapatan sendiri untuk menampung kos operasi, termasuk emolumen staf, pengurusan akademik, sumber manusia, sewaan ruang pejabat, serta perkakasan dan peralatan ICT. Sumber penajaan kewangan iCEPS adalah melalui hasil terimaan yuran pelajar, yuran kursus jangka pendek, pendapatan dari projek-projek khas seperti ECER dan NCER dan juga hasil dari yuran penyertaan pelbagai pertandingan inovasi anjuran iCEPS. **Penajaan kewangan ini seiring dengan penjimatan melalui pembudayaan teknologi** dalam mempermudah pengoperasian iCEPS. Pengautomasian proses pentadbiran dan akademik dapat mengurangkan penggunaan tenaga kerja manual dan meningkatkan kecekapan di kalangan staf.

(How) Penjimatan melalui teknologi jelas terbukti melalui pembangunan sistem aplikasi secara *in-house*. Sebanyak 21 sistem aktif yang sedang digunakan dibangunkan secara *in-house* iaitu Sistem Maklumat Pensyarah, Sistem Tuntutan Syarahan (e-Claim), Sistem Pengambilan Pelajar, Sistem Ansuran Yuran, Sistem Pendaftaran dan Bayaran Yuran Kursus Jangka Pendek, Sistem APEL, Sistem iExam, serta Sistem Pengurusan Pertandingan Inovasi dan sebagainya. Sistem-sistem ini bukan sahaja mengurangkan kos operasi tetapi juga memperkukuh kecekapan keseluruhan pengurusan iCEPS. Sistem Pengurusan Pembelajaran universiti iaitu UFUTURE dibangunkan oleh kepakaran dalaman iCEPS. UFUTURE merupakan satu-satunya sistem e-pembelajaran universiti awam (UA) yang dibangunkan secara *in-house*, menawarkan penjimatan yang signifikan kepada universiti. Hasil dapatan data dari KPT, UA lain menggunakan sistem e-pembelajaran berlanggan iaitu platform *Moodle* yang melibatkan kos kewangan yang tinggi. Seiring dengan Pelan Strategik Pendigitalan KPT 2021-2025, menekankan pemanfaatan teknologi pengkomputeran awan (*cloud*) di dalam penyampaian perkhidmatan awam. iCEPS telah mendokong strategi ini dengan melaksanakan migrasi Sistem UFUTURE ke *cloud*. **(Why)** Melalui inisiatif ini, universiti dapat mengurangkan kos infrastruktur IT fizikal serta kos penyelenggaraan. Sebarang keperluan berkaitan ICT termasuk perolehan perkakasan, pengurusan dan konfigurasi infrastruktur ICT dilakukan secara *in-house*. Hal ini dapat mengurangkan kebergantungan terhadap ICT universiti dan sebarang permasalahan dapat diselesaikan dengan segera. Pembangunan aplikasi chatbot yang bercirikan *Artificial Intelligence (AI)* boleh memberikan **penjimatan kos operasi** yang signifikan dalam beberapa cara, terutamanya dalam perkhidmatan pelanggan dan sokongan teknikal. **(When)** Pengurangan kos tenaga kerja kerana *chatbot* berfungsi pada kadar 24/7 tanpa henti dan mampu berinteraksi dengan ramai pengguna secara serentak. Aplikasi chatbot bukan sahaja mengurangkan kos langsung seperti tenaga kerja dan infrastruktur, tetapi juga meningkatkan kecekapan operasi dan pengalaman pelanggan, yang akhirnya menyumbang kepada penjimatan kos operasi secara menyeluruh. Aplikasi chatbot ini telah diintegrasikan dengan Sistem UFUTURE bagi menjawab pertanyaan pengguna dengan lebih baik dan membantu pengguna menyelesaikan masalah teknikal asas dengan memberikan panduan langkah demi langkah.

(Who) Kepakaran staf di iCEPS tidak hanya terhad kepada pembangunan sistem. Melalui pendedahan dan latihan yang komprehensif, staf menjadi lebih peka dan mahir dalam peredaran teknologi seperti kecerdasan buatan (*AI*), pengkomputeran awan, perisian sumber terbuka, dan teknologi virtualisasi. Teknologi-teknologi ini telah diintegrasikan dalam pembangunan sistem di iCEPS untuk kegunaan universiti. Dalam pembangunan sistem berimpak tinggi seperti MOOC, MicroCredential, dan pembelajaran teradun gantian, perisian sumber terbuka telah digunakan sebagai langkah pengurangan kos pelesenan perisian dan

perkhidmatan luar. (**Where**) Sistem-sistem ini ditempatkan di Pusat Data UiTM dengan menggunakan teknologi virtualisasi, yang mengoptimalkan penggunaan pelayan dan **secara signifikan mengurangkan kos perkakasan.**

7.3.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H3_F0028_HB02_20241_iCEPS_AKNC2024_Hasil utama 3_TAHAP_7.3.2.pdf](#)

7.3.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H3_F0028_HB03_20242_iCEPS_AKNC2024_Hasil utama 3_TREN_7.3.3.pdf](#)

7.3.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H3_F0028_HB04_20243_iCEPS_AKNC2024_Hasil utama 3_TANDA ARAS_7.3.4.pdf](#)

7.3.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H3_F0028_HB05_20244_iCEPS_AKNC2024_Hasil utama 3_KEPENTINGAN_7.3.5.pdf](#)